



LAPORAN  
TAHUNAN  
**2021**

**9 TAHUN** TRANSFORMASI PENDIDIKAN NEGARA



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

PELAN PEMBANGUNAN  
PENDIDIKAN MALAYSIA  
2013-2025



# LAPORAN TAHUNAN 2021



**9 TAHUN** PELAN TRANSFORMASI PENDIDIKAN NEGARA



© Kementerian Pendidikan Malaysia 2022

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa juga cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.

Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU)

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025  
Laporan Tahunan 2021  
Ogos 2022  
ISSN : 0128-0295

Diterbitkan oleh:  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Blok E8, Parcel E, Presint 1  
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604, Putrajaya, Malaysia  
[www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

# KANDUNGAN

<b>PRAKATA</b>			
Menteri Kanan Pendidikan Malaysia	iv	<b>4.4 PEMARTABATAN PENDIDIKAN BAHASA MELAYU</b>	4-17
Ketua Setiausaha	vi	<b>4.5 PENGUKUHAN PENDIDIKAN BAHASA INGGERIS</b>	4-22
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia	viii	<b>4.6 PEMANTAPAN PROFESIONALISME PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP)</b>	4-25
<b>BAB 1</b> KISAH <b>INSPIRASI</b>		<b>4.7 TRANSFORMASI IPG UNTUK MENINGKATKAN KUALITI LATIHAN GURU</b>	4-28
<b>MURID</b>	1-2	<b>4.8 PEMERKASAAN INSTITUT AMINUDDIN BAKI (IAB) BAGI PENINGKATAN KUALITI PEMBANGUNAN KEPIMPINAN PENDIDIKAN</b>	4-31
<b>GURU</b>	1-9	<b>BAB 5</b> MENINGKATKAN <b>EKUITI</b> DALAM PENDIDIKAN	
<b>PEMIMPIN SEKOLAH</b>	1-17	<b>5.1 PELAKSANAAN PROGRAM TRANSFORMASI DAERAH</b>	5-2
<b>PEGAWAI KEMENTERIAN</b>	1-19	<b>5.2 TRANSFORMASI PENDIDIKAN ORANG ASLI DAN PERIBUMI</b>	5-9
<b>IBU BAPA DAN KOMUNITI</b>	1-23	<b>5.3 PENINGKATAN AKSES DAN KUALITI PENDIDIKAN BAGI MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS</b>	5-12
<b>KOMUNITI DAN SEKTOR SWASTA</b>	1-26	<b>BAB 6</b> MEMBANGUNKAN <b>KARAKTER</b> DAN <b>PERPADUAN</b> MURID DALAM PENDIDIKAN	
<b>BAB 2</b> HIKMAH DI SEBALIK <b>COVID</b>	2-2	<b>6.1 PENGUKUHAN PERPADUAN DI SEKOLAH</b>	6-2
<b>BAB 3</b> MENINGKATKAN <b>AKSES</b> DALAM PENDIDIKAN		<b>6.2 PEMBANGUNAN POTENSI &amp; KARAKTER MURID</b>	6-6
<b>3.1 PENINGKATAN AKSES DARIPADA PRASEKOLAH HINGGA MENENGAH ATAS</b>	3-2	<b>BAB 7</b> MENINGKATKAN <b>KECEKAPAN</b> DALAM PENDIDIKAN	
<b>3.2 PEMBANGUNAN PROGRAM PENDIDIKAN PINTAR CERDAS</b>	3-9	<b>7.1 PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR ASAS DI SEMUA SEKOLAH</b>	7-2
<b>BAB 4</b> MENINGKATKAN <b>KUALITI</b> DALAM PENDIDIKAN		<b>7.2 PEMBIAYAAN SAKSAMA BAGI BANTUAN PERSEKOLAHAN KPM</b>	7-6
<b>4.1 PEMBUDAYAAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI DALAM PEMBELAJARAN ABAD KE-21</b>	4-2	<b>GLOSARI</b>	G-2
<b>4.2 PROGRAM LITERASI DAN NUMERASI SEKOLAH RENDAH (PLaN)</b>	4-5		
<b>4.3 PENGUKUHAN PENDIDIKAN STEM</b>	4-8		

# PRAKATA

## DATUK DR. RADZI JIDIN Menteri Kanan Pendidikan

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kini telah berada dalam Gelombang 3 bermula tahun 2021, iaitu fasa terakhir pelaksanaan pelan ini. Sejak pelaksanaan Gelombang 1 pada tahun 2013 hingga 2015, semua pencapaian strategi dan inisiatif dalam transformasi pendidikan seperti yang digariskan dalam PPPM telah dilaporkan melalui Laporan Tahunan PPPM.

Kejayaan KPM dalam mencapai sasaran PPPM terus menjadi anjakan KPM untuk melipat gandakan usaha dan ikhtiar bagi menambah baik penyediaan akses pendidikan berkualiti tinggi kepada seluruh generasi pewaris negara.

Pandemik COVID-19 yang melanda dunia pada tahun 2020 telah memberi kesan yang sangat mendalam kepada semua sektor, khususnya sektor pendidikan. Antara cabaran utama yang dihadapi adalah untuk memastikan murid berupaya mendapat akses kepada pendidikan dalam keadaan selamat agar tidak ketinggalan dalam pembelajaran dan seterusnya membendung risiko keciciran dalam kalangan murid.

Walau bagaimanapun, KPM sentiasa berusaha melaksanakan pelbagai pendekatan strategik dan bersesuaian dalam tempoh sukar tersebut demi kelangsungan pendidikan anak-anak. Ini juga merupakan sebahagian daripada usaha KPM dalam memastikan transformasi pendidikan dapat terus dijayakan. Dalam hal ini, KPM telah mengatur dan menyusun semula strategi dan pendekatan sedia ada serta melaksanakan inovasi yang bersesuaian bagi mencapai matlamat yang disasarkan, dengan turut mengambil kira impak pandemik COVID-19 yang berlarutan lebih 2 tahun.

Selain itu, KPM telah melaksanakan pendekatan proaktif dengan memperkenalkan pelbagai alternatif dalam kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) mengikut kesesuaian guru dan murid. Antara pendekatan yang dilaksanakan adalah menyediakan Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) bagi membantu guru dan pentadbir dalam pelaksanaan PdPR. Di samping itu, KPM turut melancarkan saluran khusus TV Pendidikan yang dikenali sebagai DidikTV@NTV7 bagi meningkatkan akses kepada pembelajaran untuk murid di seluruh negara.



# PRAKATA

Dalam konteks pendigitalan pendidikan, pandemik COVID-19 juga secara tidak langsung telah mempercepatkan penerimgunaan teknologi digital dalam kalangan guru dan murid. Dalam situasi tersebut, KPM telah dapat mengoptimumkan penggunaan ICT untuk penyampaian pendidikan dan menjadi pemangkin kepada Anjakan 7 PPPM 2013-2025, iaitu 'Memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia'. Hal ini juga sejajar dengan inisiatif MyDIGITAL yang diperkenalkan Kerajaan, sebagai satu usaha yang kolektif dan berterusan untuk mentransformasikan Malaysia berpacuan teknologi dan pendigitalan, termasuk pendigitalan pendidikan.

Justeru, bagi meneruskan momentum ini, KPM akan memberi tumpuan kepada pengukuhan dasar berkenaan pendidikan digital, termasuk akses internet dan persekitaran pembelajaran maya yang dapat dimanfaatkan bagi mendepani cabaran semasa dan akan datang. Di samping itu, platform digital KPM iaitu *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMa) perlu terus diperkukuh dan dipertingkatkan penggunaannya dari semasa ke semasa bagi memenuhi keperluan PdP. Dengan adanya platform DELIMa, akses kepada pengajaran berkualiti dapat diperluaskan melalui pelbagai pendekatan, khususnya berkaitan teknologi digital.

KPM beriltizam merealisasikan segala matlamat dan objektif PPPM 2013-2025 melalui pendekatan terbeza mengikut situasi semasa, menggalakkan inovasi dan kreativiti, meningkatkan produktiviti dan kecekapan, mengoptimumkan penggunaan sumber yang ada serta penganalisan data.

Dalam usaha menambahbaik ekosistem pendidikan negara, KPM telah melancarkan konsep Sekolahku SEJAHTERA pada 21 Februari 2022. Konsep ini merupakan satu pendekatan dalam menerapkan elemen nilai murni dan amalan baik untuk diamalkan oleh semua warga sekolah dan institusi pendidikan. Penerapan 14 elemen SEJAHTERA, iaitu Selamat, Seronok, Sihat, Etika, Empati, Jati Diri, Adab Sopan, Harmoni, Tekun, Teliti, Terampil, Eksplorasi, Rasional dan Artikulasi boleh dilaksanakan melalui pelbagai aktiviti di dalam dan di luar sekolah secara langsung atau tidak langsung. Konsep Sekolahku SEJAHTERA ini merupakan pelengkap kepada PPPM, dan bukanlah merupakan satu mata pelajaran baharu atau sisipan mata pelajaran sedia ada.

Akhir kata, saya ucapkan terima kasih buat seluruh warga KPM dan pihak yang memberi kerjasama dalam merealisasikan aspirasi PPPM, terutamanya ibu bapa, komuniti dan pihak swasta yang telah menyokong segala inisiatif pendidikan. Khusus buat warga KPM, syabas dan terima kasih sekali lagi di atas segala jasa, pengorbanan, kerja keras serta dedikasi yang telah dicurahkan demi memastikan kesejahteraan pendidikan anak-anak kita. Sama-sama kita terus tekad berusaha dalam menjayakan transformasi pendidikan melalui inisiatif PPPM 2013-2025 demi generasi pewaris negara yang lebih hebat pada masa hadapan.

Selamat maju jaya!



# PRAKATA

## DATUK YUSRAN SHAH BIN MOHD YUSOF

**Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia**



Dalam perjalanan transformasi pendidikan, setiap pencapaian dan kejayaan diukur untuk memastikan kita sentiasa berada di landasan yang betul. Kementerian terus komited memacu agenda transformasi melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 walaupun berdepan dengan cabaran pandemik COVID-19 yang tidak menentu. Sepanjang tahun 2021, pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi mendokong aspirasi sistem pendidikan yang merangkumi akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan.

Semasa menempuh cabaran pandemik COVID-19, akses pendidikan yang berkualiti tetap menjadi agenda utama Kementerian dan telah disokong dengan pelaksanaan norma baharu pendidikan yang berpacukan teknologi dan pendigitalan. Penggunaan platform pembelajaran digital KPM atau DELIMA telah diperkukuhkan. Semasa pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR), platform ini telah mengupayakan guru dan murid supaya mendapat akses pembelajaran digital agar aktiviti pembelajaran dapat dijalankan tanpa mengira lokasi. Akses pendidikan kepada murid daripada keluarga berpendapatan rendah (B40) juga tidak diabaikan dengan pemberian 150,000 peranti digital dilengkapi pelan data melalui program CERDIK. Usaha sama yang dilaksanakan dengan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) ini bukan sahaja dapat memberi akses kepada murid yang terlibat, malahan dapat merapatkan jurang ekuiti pendidikan.

Selain menekankan akses kepada pendidikan, Kementerian juga giat memastikan kecekapan sistem pendidikan sentiasa dipertingkatkan. Budaya kerja norma baharu yang diperkenalkan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa telah memberi kesan kepada pegawai perkhidmatan pendidikan (PPP) secara fizikal dan mental. Bagi menjamin kefungsi kesejahteraan emosi, pekerjaan, fizikal, perhubungan, intelektual, *spiritual*, identiti dan kewangan PPP, Kementerian telah mengaktifkan saringan





# PRAKATA

Kesejahteraan Psikologi dalam kalangan PPP. Dengan adanya inventori kesejahteraan psikologi (iKPsi), tahap kesejahteraan psikologi dapat dikenal pasti dan langkah intervensi akan diambil bagi memastikan mereka kekal efisien dan dinamik dalam pekerjaan yang dilakukan.

Keadaan semasa ekonomi yang terkesan akibat pandemik COVID-19 serta bencana alam yang melanda negara telah mendorong Kementerian untuk menjar semula dan mengagihkan peruntukan mengikut keutamaan program tanpa menjejaskan objektif yang ditetapkan. Justeru, untuk memaksimumkan keberhasilan murid bagi setiap ringgit dan sen, Kementerian terus memantau dan menilai pengurusan kewangan sekolah bagi memastikan pelaksanaan autonomi dilaksanakan dengan berkesan. Kaedah Pembiayaan Baharu bagi Bantuan Persekolahan Umum juga telah dicadangkan sebagai penambahbaikan kepada kadar sedia ada.

Dalam usaha menyediakan infrastruktur yang kondusif untuk pembelajaran, Kementerian telah mengenal pasti status kemudahan asas di sekolah bagi menyokong pembelajaran murid. Dapatan menunjukkan daripada 10,230 buah sekolah rendah dan menengah KPM, 98.5% sekolah menengah mempunyai makmal sains, 95.7% dilengkapi dengan kemudahan sukan sekurang-kurangnya satu padang permainan, 86% sekolah mempunyai perpustakaan atau pusat sumber, 74.4% sekolah dilengkapi sekurang-kurangnya satu ruang pendidikan Islam, 39.3% sekolah mempunyai peranti ICT boleh guna dengan nisbah 1 peranti kepada 10 orang murid, dan 5.1% sekolah dilengkapi dengan keempat-empat kemudahan mesra OKU yang wajib iaitu tandas mesra OKU, susur tangan (*hand railing*), susur landai (*ramp*) dan tempat letak kenderaan OKU. Data yang diperolehi akan membantu Kementerian membuat keputusan yang lebih tepat, cekap dan bermaklumat dalam usaha melengkapkan sekolah yang terlibat pada tahun mendatang.

Segala pencapaian yang dilaporkan dalam Laporan Tahunan ini merupakan hasil kerja keras dan usaha sama pelbagai pihak. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua! Semoga segala cabaran yang telah dihadapi akan mengajar kita untuk lebih bersedia menghadapi sebarang kemungkinan dalam menuju ke matlamat akhir pelaksanaan PPPM 2013-2025. Harapan saya juga agar segala kejayaan yang telah dikecapi pada tahun ini akan memberi rangsangan dan meningkatkan keupayaan Kementerian dalam menganjak ke arah kecemerlangan dalam pendidikan.



# PRAKATA

**DATUK HAJAH  
NOR ZAMANI  
BINTI ABDOL HAMID**

**Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia**



Assalamualaikum Warrahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Syukur ke hadrat illahi kerana setelah hampir dua tahun dilanda cabaran yang amat getir, kita masih dapat meneruskan perjuangan transformasi demi masa depan anak-anak Keluarga Malaysia. Dengan berbekalkan pengalaman mengharungi cabaran COVID-19, Kementerian telah melangkah masuk ke Gelombang 3 (2021-2025) dengan semangat dan keyakinan baharu. Segala perubahan yang berlaku telah memperkukuhkan komitmen serta sokongan daripada semua pihak yang sama-sama ingin melihat sistem pendidikan di Malaysia terus cemerlang seperti yang dihasratkan dalam PPPM 2013-2025.

Walaupun kita masih dalam fasa pemulihan negara, Kementerian telah semakin bijak menguruskan perubahan dan memantapkan proses serta amalan baharu bagi melestarikan pembangunan pendidikan yang telah dicapai. Sebagai permulaan, Kementerian tekad meningkatkan akses kepada pendidikan berkualiti secara menyeluruh, inklusif dan saksama untuk memastikan tiada golongan yang tercicir daripada sistem pendidikan negara pasca COVID-19. Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD), Pertubuhan Pendidikan Kebudayaan dan Saintifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa

Bersatu (UNESCO) serta Bank Dunia sudah mengeluarkan peringatan jika sistem pendidikan negara di dunia tidak memantau isu '*lost generation*' dan '*learning loss*' maka akan berlaku keciciran pendidikan yang besar di negara terbabit (Jun 2020). Walaupun ada sedikit penurunan dalam enrolmen prasekolah, Kementerian telah berjaya meningkatkan enrolmen murid menengah atas dengan menggiatkan usaha mengesan dan mengurangkan keciciran murid melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN).

Akses pendidikan kepada golongan berkeperluan khusus juga tidak diabaikan dan turut diraikan dengan mengadakan laluan khusus supaya mereka dapat mencapai potensi sebenar mengikut kemahiran masing-masing. Melalui program Pendidikan Pintar Cerdas (PPC), murid yang memiliki dan



# PRAKATA

menunjukkan potensi serta pencapaian yang sangat menyerlah, melebihi rakan sebaya mereka, sama ada dari aspek intelek, kreativiti, kemahiran, kerohanian atau gabungan aspek tersebut, ditempatkan di Akademi Sains Pendang, Kedah. Walaupun baru setahun mula sesi pembelajaran, prestasi yang diperlihatkan oleh murid PPC amat menggalakkan. Dengan enrolmen kohort pertama seramai 88 orang, Kementerian optimis bahawa bilangan murid pintar cerdas akan meningkat dalam tahun mendatang.

Akses kepada pendidikan berkualiti yang diberikan kepada Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) juga terus diperkukuhkan dan peratus MBPK yang mengikuti pembelajaran secara inklusif telah meningkat sebanyak 3.83% kepada 75.67%. Jalinan kerjasama dengan rakan industri TVET dalam Program Transisi ke Kerjaya (PTK) yang diperkenalkan juga telah membuahkan hasil apabila semakin banyak pihak industri yang menerima MBPK sebagai tenaga kerja mereka. Usaha mengesan perkembangan anak-anak berkeperluan khas juga telah diperkenalkan sebagai panduan bagi melatih guru terutamanya guru prasekolah untuk mengesan perkembangan kanak-kanak sejak lahir. Pengesanan awal yang disusuli dengan intervensi awal dapat meningkatkan potensi kanak-kanak dan memberi panduan kepada ibu bapa tentang laluan pendidikan yang bersesuaian.

Bagi menyempurnakan hasrat sistem aspirasi bagi kualiti, pelaksanaan Program Literasi dan Numerasi (PLaN) murid tahun 2 dan 3 ke atas 2,536 buah sekolah yang dikenal pasti menunjukkan peningkatan kemahiran 3M (Membaca, Menulis, Mengira) bagi ketiga-tiga mata pelajaran, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik. Langkah seterusnya adalah untuk memperluaskan PLaN ke semua sekolah mulai tahun 2022 bagi mencapai matlamat akhir inisiatif iaitu memastikan semua murid menguasai sekurang-kurangnya tahap penguasaan minimum (TP3).

Kecemerlangan kualiti pendidikan juga bergantung kepada peranan guru. Cabaran perubahan budaya kerja baharu ke arah pendidikan secara digital, telah memaksa semua guru memperlengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran penyampaian dan pembangunan bahan pengajaran dan pembelajaran (PdP) digital dalam masa yang singkat. Namun, melalui inisiatif Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pembelajaran Abad ke-21 yang telah diperkenalkan sejak awal pelaksanaan PPPM 2013-2025 serta pengukuhan pendidikan STEM, guru berupaya menggabungkan kemahiran abad ke-21



# PRAKATA

di dalam bilik darjah bagi mendepani cabaran pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR). Pengukuhan terhadap kemahiran pendidikan digital juga telah disokong melalui pengukuhan penggunaan platform DELIMA serta latihan pembangunan profesional berterusan dengan penekanan diberikan terhadap perkongsian ilmu dan kepakaran oleh pelbagai agensi kerajaan dan swasta. Kehadiran suri teladan dalam kalangan rakan guru juga telah menggiatkan lagi amalan perkongsian ilmu sebagai rujukan dalam penerapan pendidikan secara digital sama ada di dalam atau luar negara.



Kualiti kepimpinan sekolah juga penting dalam menentukan keberhasilan murid. Seiring dengan anjakan 5 bagi memastikan kepimpinan berprestasi tinggi ditempatkan di setiap sekolah, Kementerian berhasrat memperkasakan Institut Aminuddin Baki (IAB) sebagai pusat pembangunan kepimpinan pendidikan yang terbilang. Pemerksaan IAB bukan sahaja akan melahirkan pemimpin yang berprestasi tinggi malahan pakar dalam bidang kepimpinan pendidikan bertaraf dunia.

Sebagai salah seorang pelopor perjuangan transformasi ini sejak awal permulaannya, saya yakin Kementerian mampu melaksanakan mandat ini dengan sokongan padu semua pihak dalam memacu transformasi pendidikan ini ke garisan penamat. Sekalung penghargaan kepada warga pendidikan, ibu bapa, pihak komuniti dan swasta yang telah bekerjasama bagi memastikan sistem pendidikan Malaysia agar terus cemerlang dan kekal relevan.



A group of women in white hijabs and uniforms are marching and holding Malaysian flags. The scene is vibrant with the red and white stripes of the flag and the blue sky. The text 'KISAH INSPIRASI' is overlaid in the top left corner.

# KISAH INSPIRASI

**BAB**  
**1**



# MURID



“Murid akan mendapat manfaat yang signifikan dalam perkembangan pendidikan mereka tanpa mengira latar belakang. Murid akan belajar dalam persekitaran pembelajaran yang kondusif, dan akan berasa terangkum dan terdidik dengan pengalaman pembelajaran di sekolah. Apabila menamatkan persekolahan, murid akan mempunyai pengetahuan dan kemahiran bertaraf dunia, nilai moral yang tinggi, dan berupaya bersaing dengan rakan sebaya dari negara lain.”

(PPPM 2013-2025)

## Pelajar Cicir, Akhirnya ke Menara Gading

Program *Outreach* Murid Cicir merupakan program yang dilaksanakan bagi memastikan tiada murid cicir dari sistem persekolahan. Kementerian melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan juga Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) komited dalam usaha memastikan murid terus kekal menamatkan pengajian sehingga Tingkatan 5 dan seterusnya menduduki SPM. Melalui program ini, kumpulan sasaran dikenal pasti melalui Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) apabila murid tidak mendaftar ke sekolah pada tahun berikutnya ataupun makluman pihak komuniti atau individu.

Pada tahun 2021, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL) telah meneruskan program ini dengan bantuan agensi kerajaan atau NGO untuk mengembalikan murid cicir ke sekolah. Kerjasama pihak NGO dan agensi kerajaan lain dalam program ini membantu mengupayakan kelangsungan pembelajaran murid cicir sekiranya menghadapi masalah.

Rohayu Maisarah binti Muhamad Darus Harun merupakan salah seorang murid cicir yang telah dibantu semula untuk ke sekolah oleh JPWPKL. Beliau yang telah mengikuti pendidikan Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3 di salah sebuah sekolah harian di Kuala Lumpur, telah meninggalkan sekolahnya semasa berada dalam Tingkatan 4 kerana terpaksa balik ke kampung halamannya di Kedah untuk menjaga datuknya yang sakit. Dalam tempoh tersebut, Rohayu tidak berpeluang menghadiri sekolah kerana kesempitan hidup dan telah tercicir dari sistem persekolahan.

Namun beberapa bulan selepas itu, Rohayu telah kembali ke Kuala Lumpur tetapi masih lagi belum mendaftar semula ke sekolah setelah cicir. Masalah kewangan serta masalah keluarga yang dihadapi Rohayu terutamanya semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun 2020, telah memaksa beliau untuk bekerja bagi meneruskan kelangsungan hidup. Namun, melalui program *outreach* murid cicir, JPWPKL telah berjaya mengesan Rohayu dan membantunya untuk mendaftar semula ke salah sebuah sekolah di Kuala Lumpur.





Di samping dapat kembali bersekolah, Rohayu juga telah mendapat bantuan bekalan makanan melalui program Gerobok Rezeki, iaitu program yang membantu murid daripada keluarga yang kurang berkemampuan untuk mendapatkan bahan mentah/makanan sumbangan pihak NGO atau individu. Program ini telah sedikit sebanyak membantu meringankan bebanan Rohayu dan keluarganya. Disebabkan usaha sama Kementerian dan pihak yang terlibat, Rohayu akhirnya dapat meneruskan persekolahannya dan berpeluang menduduki peperiksaan SPM pada tahun 2021. Paling membanggakan adalah apabila Rohayu telah lulus dalam SPM sehingga berjaya mendapat tempat bagi meneruskan pengajiannya ke menara gading.







## Murid Akademi Sains Pendang, Kedah Menyerlah Potensi di Persada Antarabangsa

Walaupun baru setahun jagung Akademi Sains Pendang dibangunkan, kepintaran dan kecerdasan muridnya telah terserlah apabila mereka berjaya memenangi pelbagai pertandingan yang diadakan secara *online* mahupun bersemuka pada tahun 2021. Semangat murid-murid ini yang rata-ratanya berumur dari 13 hingga 15 tahun, amat tinggi dalam bidang yang mereka minati terutamanya bidang STEM, telah disokong pula oleh kumpulan guru yang berdedikasi serta proaktif dalam melatih murid Program Pintar Cerdas untuk terus mengasah bakat dan potensi mereka.

Sebagai permulaan, adik Franklin Chai Jun & Lim Hong Liang yang menyertai *International Mathematics Olympiad National Selection Test 2021 (IMONST 1)* telah berjaya memenangi pingat gangsa.

Semasa Karnival STEM Negeri Kedah, adik Franklin Chai Jun, Lim Lor Yuan dan Ahmad Habil bin Ahmad Zubir juga telah mencatatkan pencapaian yang memberangsangkan dalam pertandingan STEM *Decathlon Challenge 2021* peringkat Daerah Pendang. Masing-masing telah memenangi tempat kedua, ketiga dan keempat dalam pertandingan tersebut.



Murid Akademi Sains Pendang juga telah berjaya menempa nama dalam UTeM AI (*Artificial Intelligence*) *Innovation Challenge 2021* dengan mendapat Anugerah Perak dengan inovasi yang telah mereka hasilkan.



Saintis Cilik daripada Akademi Sains Pendang yang telah memenangi Pingat Perak dalam pertandingan *International Future Scientist Conference (iFSC) 2021* yang telah diadakan pada 9-11 November 2021.

Pasukan Fizik dari Akademi Sains Pendang yang diwakili oleh Lom Lor Yuan, Muhammad Arief bin Mohd Amir, Siti Nursyafirah binti

Ishak dan Lim Xinhong juga telah menerima pingat emas dan gangsa, bagi pencapaian mereka dalam *11th Online-ASEAN +3 Student Camp For The Gifted In Science (ACGS)* yang dianjurkan oleh Republik Korea.

Kejayaan yang dicapai oleh murid Akademi Sains Pendang adalah permulaan yang baik Program Pendidikan Pintar Cerdas. Dengan sokongan padu para guru dan galakan penuh ibu bapa, Kementerian optimis bahawa banyak lagi kejayaan yang akan dapat diraih dalam tahun mendatang.







## Program Intervensi Minda Sihat (PRISMA)

Pandemik COVID-19 telah memberikan kesan terhadap kehidupan setiap insan, sama ada secara langsung ataupun tidak langsung, dan kesan ini juga tidak terkecuali bagi kehidupan murid sekolah. Interaksi dan perkembangan psikososial (berkaitan psikologi dan sosial) murid turut terkesan dengan situasi ini apabila mereka tidak lagi boleh ke sekolah dan perlu menjalani sesi pengajaran dan pembelajaran dari rumah (PdPR), secara dalam talian. Keadaan ini juga menimbulkan ketidakselesaan dan mungkin juga kerumitan kepada murid dan guru, terutamanya apabila berdepan dengan cabaran kemudahan gajet dan internet. Hal ini diburukkan lagi dengan ketiadaan ruang bersosial bersama rakan sebaya secara fizikal disebabkan norma baharu kehidupan yang menggalakkan pengasingan diri dan penjarakan sosial.

Kaedah PdPR secara digital sepenuhnya ini juga telah menimbulkan kebimbangan, kerisauan, ketakutan dan ketidakpercayaan diri murid terutama bagi mereka yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Cabaran utama adalah untuk menyesuaikan diri dan menguruskan masa dengan baik, di samping menangani masalah peribadi yang menyebabkan ketidakstabilan psikologi serta emosi. Murid menjadi lebih tertekan apabila sekolah dibuka dan sesi PdP secara bersemuka bermula kerana kurang yakin dengan persediaan mereka dalam menghadapi peperiksaan SPM yang semakin hampir.

Menyedari cabaran yang dihadapi murid, Kementerian telah melaksanakan Program Rintis Intervensi Minda Sihat (PRISMA) untuk membantu membangkitkan kesedaran dalam diri murid supaya bersedia meneruskan kehidupan, menerima kenyataan, mendepani suasana mencabar pasca pandemik COVID-19 supaya mereka dapat berdepan dengan realiti dan menduduki peperiksaan SPM dengan yakin.

Program PRISMA dilaksana dengan penggunaan modul-modul Segar Minda, Minda Sihat dan Sejahtera Minda. Modul Segar Minda menekankan kesedaran dan pengawalan emosi sendiri yang memberi peluang kepada murid mengenali kelemahan dan kekuatan diri. Dari situ mereka bertekad, beriltizam dan berjuang untuk terus belajar.

Modul Minda Sihat pula menekankan aspek motivasi diri yang menyedarkan murid untuk terus konsisten menggunakan masa yang ada bagi meneruskan perjuangan pembelajaran dan menghadapi kehidupan dengan lebih tenang. Kemahiran menghadapi dan mengatasi masalah dilatih supaya boleh diamalkan dan diaplikasikan dalam kehidupan mereka sebagai murid.





Di samping itu, aktiviti dalam Modul Sejahtera Minda melatih murid supaya sedar dan memahami emosi sendiri serta menghormati perasaan orang lain. Kejayaan menggabungkan modul ini berdasarkan adaptasi Lima Komponen Kecerdasan Emosi Daniel Goleman (2020), berupaya membantu meningkatkan keupayaan murid dalam memahami perasaan orang lain.

PRISMA telah membantu meningkatkan kebolehan murid menguasai emosi dalam interaksi seharian, memberi impak yang positif kepada murid dan amat membantu mereka menjadi lebih berdaya tahan dalam menghadapi kehidupan. PRISMA merupakan wadah dalam mentransformasi karakter dan jati diri murid. Intervensi yang dilaksanakan membuah hasil keberhasilan dalam memperkasa kemahiran sosioemosi dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan murid dalam usaha mencapai aspirasi murid dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.



# GURU



“Guru akan meningkatkan keupayaan bertaraf dunia yang diperlukan bagi membantu mencapai keberhasilan murid yang dihasratkan, dan akan memperoleh lebih keseronokan dan kepuasan dalam menjalankan tugas mereka. Dengan pakej kerjaya guru yang baharu, mereka akan menikmati perkembangan profesional yang lebih memuaskan, laluan kerjaya yang lebih baik, dan proses penilaian yang telus dan adil serta berkait terus dengan keupayaan dan prestasi yang relevan.”

(PPPM 2013-2025)



## Alumni IPG Diiktiraf di Persada Pendidikan Tanah Air dan Antarabangsa



Alumni IPG Kampus Sarawak: **Cikgu Mohd Nur Hizhan Noordan**, seorang guru yang mengajar di Mukah telah menyumbang separuh daripada gajinya demi murid yang diajar. Sikapnya yang mengambil berat tentang dan telah dinobatkan Anugerah Guru Inspirasi McDonald's 2021. Pendidikan di SK Kuala Kenyana di Mukah ini, telah menerima satu (1) daripada lima (5) Anugerah Guru Inspirasi McDonald's 2021 di seluruh negara.

Pelajar IPG Kampus Ilmu Khas, **Muhammad Hakim Azhari** dilantik sebagai Jurubahasa Isyarat bagi program Infiniteen yang bersiaran di TV OKEY pada setiap Isnin jam 9 malam. Infiniteen merupakan sebuah rancangan bual bicara santai dan berinformasi yang memfokuskan minat dan perkembangan generasi muda dalam dunia digital, sukan, kebudayaan, gaya hidup dan hiburan.



**Dr. Khoo Chwee Hoon**, Pensyarah, IPG Kampus Kent, telah memenangi pingat emas dalam pertandingan *The 10th Korea Cyber International Genius Fair*. Beliau juga menerima anugerah *World Invention King Award* dalam inovasi Kit Operasi Tambah Tolak Sukatan (KOTTS).

**Cikgu Norhailmi Abdul Mutalib** atau lebih dikenali sebagai Cikgu Hailmi adalah alumni Institut Pendidikan Guru Kampus Pulau Pinang (IPGKPP) tahun 2006. Beliau juga adalah salah seorang daripada sepuluh pemenang utama Adiwira Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) yang dianjurkan Kementerian pada penghujung tahun 2018. Beliau seterusnya dilantik sebagai Edufluencers (*Education Influencers*) Kementerian Pendidikan Malaysia sejak tahun



2019. Sebagai seorang Edufluencers, beliau aktif berkongsi amalan terbaiknya dengan rakan guru lain.

Cikgu Hailmi yang kini berkhidmat di SMK Jerlun, Kedah merupakan Guru Cemerlang Sains yang aktif berkongsi amalan terbaik Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) dan STEM dalam bilik darjah menerusi blognya, [www.cikguhailmi.com](http://www.cikguhailmi.com) dengan lebih 500 siri ceramah dan bengkel di seluruh negara bagi meningkatkan kualiti pengajaran guru. Beliau juga aktif dengan penyertaan di peringkat antarabangsa dan telah mendapat pengiktirafan sejak tahun 2015 bagi perkongsian kepakaran dalam bidang STEM seperti di Seoul, Korea Selatan, Bali, Indonesia, Geneva, Switzerland dan London, United Kingdom. Pada tahun 2021, beliau sekali lagi telah membanggakan Malaysia apabila terpilih sebagai penerima Anugerah Princess Maha Chakri daripada kerajaan Thailand bersama 10 orang guru dari negara ASEAN.



**Cikgu Goh Kok Ming** yang kini berkhidmat di SJKC Chi Sheng 2, Perak merupakan lulusan IPG Kampus Darul Aman yang seterusnya menyambung pelajaran ke peringkat sarjana di UPSI dan juga di UTM. Beliau kini sedang melanjutkan pelajaran ke peringkat doktor falsafah di UPSI. Di platform tempatan, Cikgu Goh adalah salah seorang *Microsoft Innovative Educator (MIE) Fellow* dan *Expert*. Namun beliau juga seorang guru yang aktif di peringkat antarabangsa dan merupakan *Global TeachSDGs Ambassador* dan *ASEAN Digital Innovative Programme (ADIP) Tutor*.

**Cik Kristil Tan Ai Teng**, Pensyarah IPGK Perempuan Melayu Melaka diiktiraf kepakarannya di peringkat antarabangsa apabila beliau diberi kepercayaan beraksi sebagai Pengadil untuk kejohanan badminton di Perancis (*Yonex Internationaux France Badminton Paris-Coubertin*) dan semasa Kejohanan Olimpik Tokyo.



Kristil Tan Ai Teng atau lebih mesra dikenali sebagai Kristil Tan merupakan seorang pesyarah Institut Pendidikan Guru Kampus Perempuan Melayu (IPGKPM) Melaka yang sangat berdedikasi dan mempunyai disiplin kerja yang tinggi. Walaupun sentiasa sibuk dengan kelas serta aktiviti kokurikulum yang dipertanggungjawabkan kepadanya, beliau juga aktif dengan kerja amal NGO dan selalu meluangkan masa bersama-sama pelajarannya bagi memantapkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam bidang kepegawaian badminton, dengan pengalaman beliau sebagai Pegawai Teknikal Badminton Antarabangsa.



Semasa penularan wabak COVID-19, hampir semua latihan bersemuka serta aktiviti sukan dan pertandingan terpaksa dihentikan. Namun, cabaran tersebut tidak menghalang beliau daripada membantu pelajarinya untuk menjadi Pegawai Teknikal Badminton yang bertauliah, Kristil telah mengadakan PdPR secara dalam talian dan memperkenalkan inovasi pembelajaran digital yang dibangunkannya iaitu Kit Adilminton untuk memantap dan mengukuhkan pengalaman pembelajaran tanpa hadir ke gelanggang. Susulan asuhan beliau melalui inovasi tersebut, kesemua pelajarinya telah berjaya menjadi pegawai teknikal badminton bertauliah. Kejayaan yang dikecapi oleh Kristil membuktikan bagaimana kegigihan dan dedikasi seorang guru memberi impak yang besar kepada kejayaan anak didik mereka:

Pada 15 hingga 20 Februari 2022, tiga (3) orang puteri IPGKPM telah dipilih sebagai Hakim Garis dalam *Badminton Asia Team Championships* yang telah berlangsung di Shah Alam, mereka adalah:

1. Nur Insyirah binti Abdul Rani (PISMP Ambilan Jun 2016), SK Polis Depot
2. Norsyahira binti Halim (PISMP Ambilan Jun 2015), SK Seri Tasik
3. Siti Nurlyana binti Khalid (PISMP Ambilan Jun 2015), SK Pengkalan Tentera Darat



Bimbingan dan latihan kepegawaian badminton di Dewan Badminton SMJK Yok Bin

## GURU BERINOVASI, MURID KREATIF

### Perkongsian Inovasi Guru: Permulaan, Kemuncak dan Kesudahan (PEKEK)

Penghasilan inovasi dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) komponen sastera dalam Bahasa Melayu (KOMSAS) yang digelar PEKEK iaitu singkatan kepada Permulaan, Kemuncak dan Kesudahan merupakan inspirasi lima (5) orang guru Bahasa Melayu iaitu Dr. Azman bin Rahmat, Dr. Wan Norlidza binti Wan Mohd Zain, En. Suffian bin Sulaiman, Cik Siti Salamah binti Mohd Yusuf dan Cik Nurlyana binti Ezani. PEKEK dihasilkan bertujuan meningkatkan pemahaman murid terhadap prosa tradisional KOMSAS Bahasa Melayu serta menarik minat mereka untuk mempelajarinya dengan cara yang lebih seronok dan berkesan. Guru-guru Bahasa Melayu juga telah dilatih dengan kaedah PdP berkesan dan pengaplikasian inovasi PEKEK di dalam bilik darjah.



Dengan menggunakan inovasi PEKEK, murid lebih mudah menghuraikan semula teks prosa tradisional yang telah dibaca dengan menggunakan ayat sendiri. Tambahan pula, inovasi PEKEK ini disematkan dengan teknik SteMA yang mana murid dapat menghuraikan pemenggalan idea mengikut plot dengan berkesan. Dalam SteMA, murid dapat merungkai siapa, tempat, masa dan apa yang berlaku dalam setiap pemenggalan idea. Penggunaan grafik yang lebih mudah difahami berbanding teks, di samping penyimpanan data yang mudah dibawa ke mana saja dan disimpan dalam telefon bimbit untuk rujukan dan ulang kaji, merupakan antara kelebihan yang menarik minat murid menggunakan PEKEK. Tambahan pula unsur permainan digital yang disuntik dalam inovasi PEKEK ini sememangnya berjaya memikat murid untuk mengulangkaji pelajaran dan menambahkan lagi penguasaan mereka terhadap topik yang dikaji.



Setelah dibukti keberkesanan penggunaan PEKEK dalam memastikan kefahaman murid terhadap teks KOMSAS Bahasa Melayu, PEKEK juga dilihat mempunyai potensi untuk diperluaskan kepada mata pelajaran lain. Justeru beberapa orang guru yang telah dilatih menggunakan PEKEK juga telah mengaplikasi kaedahnya dalam penyampaian PdPc bagi mata pelajaran Pendidikan Islam dan Perniagaan. Kaedah PEKEK telah digunakan di Sekolah Sukan Bukit Jalil Kuala Lumpur untuk pengajaran tajuk 'Maqasid Haji' dalam Pendidikan Islam, manakala tajuk 'Deflasi' dan 'Pendaftaran Perniagaan Milikan Tunggal' untuk mata pelajaran Perniagaan. Adalah diharapkan bahawa inovasi PEKEK akan digunakan secara meluas lagi dalam tahun mendatang, bagi mata pelajaran lain dan kepada lebih ramai murid agar proses PdP dapat berjalan dengan lebih berkesan.

### **Guru Sebagai Suri Teladan Pendidikan: Edufluencers**



Seperti yang dijanjikan dalam PPPM 2013-2025, dalam Gelombang 3, "Kementerian berhasrat mewujudkan budaya kecemerlangan profesional melalui teladan rakan setugas iaitu guru membimbing dan mendorong satu sama lain, berkongsi amalan terbaik, dan memastikan rakan setugas bertanggungjawab menepati standard profesional (PPPM 2013-2025, m.s. 5-13). Justeru seiring dengan hasrat Kementerian, pada tahun 2019, seratus (100) orang guru yang telah disenarai pendek dalam pertandingan Adiwira PAK21 (Pembelajaran Abad Ke-21), telah dilantik sebagai Edufluencers atau *Education Influencers* bertujuan menjadi suri teladan dalam bidang pendidikan kepada warga pendidikan lain khususnya rakan guru.



Edufluencers merupakan pendidik atau guru di bawah Kementerian yang berkepakaran dalam bidang mata pelajaran yang mereka ajari dan membawa pengalaman PdP yang bersesuaian dengan PAK21. Kumpulan Edufluencers ini juga masing-masing mempunyai pengikut mereka sendiri dari kalangan rakan guru dan murid-murid serta ibu bapa kerana berupaya berkongsi amalan terbaik dan pengalaman mereka di pelbagai platform termasuk media sosial. Selain itu, mereka juga dianggap sebagai mentor kepada sesetengah rakan guru yang sentiasa memberikan sokongan dan motivasi. Bagi memastikan mereka sentiasa mendapat maklumat terkini dan relevan berkaitan pendidikan, setiap tahun, Kementerian melalui Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU) akan menganjurkan Majlis Edufluencers yang akan mengumpulkan kesemua Edufluencers daripada seluruh negara. Majlis yang biasanya diadakan secara bersemuka telah berubah kaedah pada tahun 2021 apabila buat julung kalinya, majlis tersebut telah diadakan secara dalam talian. Pelbagai pengisian telah dimuatkan dalam program tiga (3) hari tersebut seperti pembentangan topik pilihan Edufluencers yang menampilkan Pengarah serta pegawai bahagian terlibat serta pihak swasta rakan strategik DELIMa seperti Google, Apple dan Microsoft. Selain mendapatkan maklumat serta bimbingan daripada pihak PADU dan bahagian lain, melalui platform majlis tersebut, para Edufluencers juga diberi peluang berkongsi amalan terbaik mereka dalam PdPR sepanjang 2021. Antara contoh perkongsian amalan terbaik oleh Edufluencers adalah seperti berikut :



Hanita Binti Ladjaharun  
SMK Bandaraya Kota Kinabalu, Sabah  
Guru Sejarah



Sila imbas  
kod QR untuk  
menyaksikan  
video



Ho Jia Yiing  
SMK Batu Lintang, Sarawak  
Guru Bahasa Inggeris



Sila imbas  
kod QR untuk  
menyaksikan  
video



Irma Rahayu Binti Ibrahim  
SMK USJ 13, Subang Jaya  
Guru Pendidikan Seni Visual



Sila imbas  
kod QR untuk  
menyaksikan  
video



Lee Saw Im  
SMK Seri Bintang Utara, Kuala Lumpur  
Guru Kimia



Sila imbas  
kod QR untuk  
menyaksikan  
video



Lugman Jauhari Bin Muhaimin  
SK Bandar Baru Selayang (2)  
Guru Bahasa Arab



Sila imbas  
kod QR untuk  
menyaksikan  
video





Mohd Afiffi Bin Baharuddin  
SMK (P) Sultan Abu Bakar, Johor  
Guru Fizik



Sila imbas  
kod QR untuk  
menyaksikan  
video



Stephen Isaac Ponnudurai,  
SMK (L) Methodist Sentul, Kuala Lumpur  
Guru Biologi



Sila imbas  
kod QR untuk  
menyaksikan  
video





# PEMIMPIN SEKOLAH



“Pemimpin sekolah akan menjadi pemimpin instruksional yang cemerlang, dan bertindak sebagai ejen perubahan. Mereka akan menikmati sokongan yang lebih padu dan perkhidmatan yang lebih baik daripada pegawai pendidikan persekutuan, negeri dan daerah. Mereka akan mendapat akses yang lebih besar terhadap latihan kepimpinan bertaraf antarabangsa, serta amalan terbaik daripada rakan sejawatan mereka di Malaysia.”

(PPPM 2013-2025)

## BICARA PEMIMPIN

Bicara Pemimpin merupakan kompilasi penulisan artikel terbaik oleh lima belas orang guru penolong kanan baharu yang cemerlang daripada sekolah terpilih di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Negeri Sembilan dan Johor yang terlibat dengan Program Pensarjanaan Pemimpin Baharu Sekolah yang dikelolakan oleh Institut Aminuddin Baki (IAB). Penulisan ini merupakan hasil perkongsian pengalaman peserta mengharungi liku-liku perjalanan sebagai pemimpin pendidikan dan perancangan peserta jika dilantik sebagai pengetua atau guru besar. Artikel yang dihasilkan oleh peserta dinilai oleh panel penilai daripada IAB. Bicara Pemimpin amat sesuai dijadikan sebagai rujukan dan inspirasi kepada bakal-bakal pemimpin pendidikan di pelbagai peringkat di KPM dalam memastikan kecemerlangan kepimpinan organisasi berterusan.



Melalui pembacaan buku Bicara Pemimpin, bakal pemimpin akan mendapat ilham melalui perkongsian pengalaman penulis dalam dunia kepimpinan pendidikan. Setiap penulis juga berkongsi kejayaan dan anugerah yang dicapai sepanjang perkhidmatan sebagai pemimpin pertengahan yang cemerlang. Resipi kejayaan yang dikongsi akan menjadi satu motivasi kepada pembaca untuk menjadi pemimpin pendidikan yang unggul. Di samping itu, perkongsian berkenaan cabaran yang dihadapi juga boleh dijadikan panduan dan rujukan dalam menyelesaikan isu yang dihadapi semasa menjalankan tugas sebagai pemimpin pendidikan.



Antara contoh kisah inspirasi yang terdapat dalam buku ini ialah cerita Cikgu Nuri yang telah memantapkan program *coaching* dan *mentoring* kepada guru-guru baharu di bawah bimbingan Kumpulan Kepimpinan Kanan (*Senior Leadership Team*) dan Kumpulan Kepimpinan Pertengahan (*Middle Leadership Team*). Program ini berjaya meningkatkan keberkesanan dalam pelaksanaan tugas guru baharu selain dapat mewujudkan hubungan yang baik antara guru baharu dengan guru lain. Manakala, kisah Cikgu Norzaidi pula menceritakan tentang cabaran yang dihadapinya dengan masalah disiplin murid. Beliau telah cuba memahami punca utama yang menyebabkan masalah disiplin di kalangan murid di sekolahnya.

Pendekatan yang digunakan iaitu berkomunikasi dengan hati yang terbuka telah menyebabkan anak muridnya meluahkan perasaan mereka kepada Cikgu Norzaidi. Dengan cara ini, beliau telah dapat mengenal pasti punca utama dan menyelesaikan masalah disiplin dengan menyentuh hati dan perasaan anak murid beliau. Banyak lagi kisah inspirasi menarik dalam Bicara Pemimpin yang boleh menjadi panduan yang berkesan dalam menyelesaikan masalah di organisasi masing-masing.

# PEGAWAI KEMENTERIAN



“Pegawai Kementerian akan bertindak sebagai pemimpin perubahan, dengan kemahiran dan atribut yang diperlukan untuk menyokong sekolah. Mereka akan menjadi pengurus, pembimbing dan penyokong kecemerlangan sekolah yang lebih baik. Mereka akan mendapat manfaat daripada meritokrasi yang lebih besar, lebih kuasa dengan kebertanggungjawaban yang lebih tinggi, dan tidak akan terbatas dengan hierarki dan kawalan.”

(PPPM 2013-2025)





## Tinta Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah, Sektor Perancangan

“Bekerja bukan atas arahan tetapi bekerja atas dasar hubungan”



Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat penularan pandemik COVID-19 yang berlaku pada tahun 2020 telah memberi pelbagai cabaran kepada Kementerian, khususnya Pejabat Pendidikan Daerah Keramat (PPDK) terutama berkaitan isu keciciran murid dalam PdPR yang tinggi ekoran desakan dan kelangsungan hidup khususnya bagi murid-murid B40. Selain itu, faktor perubahan budaya kerja dari bekerja di pejabat ke bekerja dari rumah (BDR), ketidakmampuan guru mengendalikan teknologi serta kekurangan bilangan pegawai dan anggota kumpulan pelaksana juga merupakan antara isu yang dihadapi dan perlu ditangani dengan baik oleh PPDK.

Untuk menangani kekangan yang ada, PPDK telah menggerakkan tenaga kerjanya dengan melaksanakan perancangan strategik yang berteraskan penyelesaian berfokus bagi lima (5) strategi utama. Segala usaha ditumpukan ke arah meningkatkan peratus lulus layak sijil SPM, kualiti Gred Purata Daerah SPM dan penyertaan murid sekolah dalam pertandingan STEM, mengecilkan jurang jantina dan status sosio-ekonomi (SES), bagi murid layak sijil SPM, serta mengurangkan salah laku disiplin iaitu ponteng sekolah dan salah laku *vape*/ rokok. Justeru, strategi yang jelas di samping moto Keramat SMART KLKL dan lima nilai yang menjadi teras kerja warga PPDK, warga sekolah dan PIBKS telah membantu penerimaan dan penyesuaian perubahan dalam gerak kerja dan ketidaktentuan situasi yang mendatang.

Suasana pekerjaan ini telah menyebabkan PPDK mampu mencapai penarafan kecemerlangan melebihi keseluruhan standard dengan skor 99.33 dalam PKPPD bagi tahun 2020. Beberapa kejayaan turut dicapai oleh PPDK dengan kerjasama Skuad *Buddy* PIBKS dan sekolah daerah Keramat melalui pemuafakatan yang dimulakan



oleh PPDK sejak tahun 2019 dan antaranya ialah kejayaan mengembalikan 183 orang murid MIA (*missing in action*) bagi tingkatan 5 tahun 2020 daripada 188 orang murid yang cicir daripada sekolah kepada 5 orang murid sahaja. Hasil usaha intervensi yang dilaksana pada tahun 2021 juga telah menempatkan daerah Keramat memperoleh peratus layak sijil SPM terbaik di Kuala Lumpur (90.67%) serta pengecilan Gred Purata Daerah (GPD) sebanyak 0.5%.



Di samping kejayaan murid dalam daerah Keramat, penekanan juga diberikan terhadap peningkatan kualiti guru dan pemimpin sekolah serta daerah. Salah satu usaha yang telah dilaksana ialah pembudayaan inovasi dalam



kalangan guru, pemimpin sekolah dan pegawai PPDK terus dilestarikan dan menjadi inspirasi kepada PPD di Kuala Lumpur dan seluruh negara. Program Pembangunan Inovasi PPDK telah mampu melahirkan guru inovatif yang mewakili negeri ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Begitu juga dengan pegawai PPDK yang berjaya mewakili Kuala Lumpur ke peringkat Kebangsaan dalam Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Horizon Baharu, Kementerian Pendidikan Malaysia.

### Inspirasi Kepimpinan PPD

En. Md Said bin Md Daimon, satu nama yang tidak asing lagi bagi warga pendidikan Johor, khususnya di Kluang. Memegang teraju kepimpinan pendidikan daerah Kluang pada Disember 2019, beliau berjaya meletakkan PPD Kluang di atas pentasnya yang tersendiri, dan disebabkan rekod prestasinya yang baik, kini beliau telah diberi amanat untuk menerajui pendidikan di Johor apabila dilantik sebagai Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri.



Beliau merupakan seorang yang penuh dengan idea yang tiada sempadan dan inovasi pendidikannya seiring dengan zaman. Semasa memimpin PPD Kluang, beliau telah menerapkan amalan organisasi pembelajaran atau *Learning Organization* dengan menekankan kemahiran mencipta, memperoleh, memindahkan pengetahuan, dan mengubah suai tingkah laku untuk mencerminkan pengetahuan dan pandangan baharu. Pegawai di bawah pimpinannya juga sentiasa digalakkan untuk berfikir dan bekerja secara sistemik.



Beliau sentiasa mendorong pembangunan inovasi melalui intervensi sebagai sebagai proses penambahbaikan berterusan dalam menangani isu atau penambahbaikan proses kerja dengan memanfaatkan sumber sedia ada. Pelbagai inovasi telah dihasilkan di PPD Kluang dalam membantu memudahkan serta meningkatkan prestasi pengurusan di PPD dari pelbagai sektor sama ada untuk kegunaan proses kerja di peringkat sektor mahupun untuk organisasi keseluruhan. Beliau sendiri telah membangunkan dan memperkenalkan aplikasi dalam talian i-Bimbing (2020) iaitu satu Sistem Pelaporan Bimbingan PPD, aplikasi dalam talian K-Edge dan S-Edge iaitu Sistem Semakan Prestasi (*Score board*) dan juga aplikasi dalam talian Kompas Nilai.

Walaupun beliau merupakan seorang individu berprinsip yang tegas, beliau sebenarnya adalah seorang yang senang untuk dibawa berbincang, mudah didekati dan bersifat mengambil berat. Antara sikap beliau yang menjadikannya seorang pemimpin yang dihormati dan disegani adalah kerana sifatnya yang berwawasan yang mana setiap idea yang difikirkan mempunyai matlamat yang jelas dan mudah difahami serta diterima oleh pegawainya. Beliau juga tidak lokek dengan ilmu, dan sering berkongsi pengalaman dan kepakaran sebagai panel dalam webinar anjuran Kementerian seperti Program Pemerksaan Bimbingan di Pejabat Pendidikan Daerah, Penataran PdPR kepada PIBG & PIBK dan *Human Governance: Cabaran Tadbir Urus Insan Norma Baharu Pendidikan*. Sebagai seorang pemimpin yang hebat, bimbingan dan galakan kepada pegawai di bawah seliaannya untuk berkongsi pendapat dan idea telah meningkatkan lagi perkhidmatan dan keberkesanan tugas mereka, selain meningkatkan kompetensi pegawai itu sendiri.





# IBU BAPA DAN KOMUNITI



“Ibu bapa akan menyaksikan penambahbaikan yang ketara dan lestari dalam pengalaman pendidikan anak-anak mereka. Prestasi dan keutamaan sekolah akan lebih telus, dan ibu bapa akan sentiasa dimaklumkan tentang keadaan anak mereka di sekolah dari segi pencapaian dan juga perkembangan. Ibu bapa akan berperanan seperti rakan kongsi sebenar dengan sekolah dalam membantu pembelajaran anak mereka.”


(PPPM 2013-2025)

## Ibu Bapa dan Komuniti Memainkan Peranan dalam Situasi COVID-19

Penularan pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada kehadiran murid ke sekolah bagi semua jenis sekolah termasuk sekolah Orang Asli dan Peribumi. Namun, kerjasama pihak sekolah di Sabah dan Sarawak dengan pihak komuniti telah meningkatkan kelangsungan PdPR agar mereka tidak ketinggalan. Program pemantapan intervensi berfokus murid Peribumi bagi 19 sekolah yang dikenal pasti juga telah menyokong peningkatan kehadiran murid dalam proses PdP.

Pada tahun 2021, peratus kehadiran murid Peribumi telah mencapai 94.56%. Bagi memastikan peratus kehadiran murid Peribumi terus meningkat, program pemantapan intervensi berfokus murid Peribumi bagi 19 sekolah telah dijadikan sebagai aktiviti utama pada tahun 2021. Di samping itu, pihak sekolah di Sabah dan Sarawak telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan jawatankuasa yang melibatkan komuniti untuk memastikan murid tidak ketinggalan di dalam PdPR. Oleh kerana PdPR secara luar talian dan *offsite* menjadi pilihan utama, pihak sekolah telah mengambil inisiatif menyediakan modul untuk setiap murid. Beberapa mod penghantaran atau pengambilan modul telah dikenal pasti. Sama ada ibu bapa datang ke sekolah untuk mengambil modul dari pondok pengawal ataupun menghantar modul tersebut ke kawasan kediaman murid. Manakala bagi murid yang tinggal jauh dari sekolah, pihak sekolah mengambil inisiatif menubuhkan kumpulan kecil yang terdiri daripada guru dan tuai rumah untuk menghantar modul tugas mengikut kawasan kediaman murid. Rutin menghantar ini dilakukan sebanyak dua kali seminggu dan kebiasaan bermula pada hari Isnin untuk sesi penghantaran tugas dan pada hari Jumaat untuk sesi pengumpulan tugas serta pemberian tugas baharu. Bagi guru yang akan bergerak ke rumah murid dan menyerahkan tugas, mereka perlu menerangkan tugas yang diberikan kepada murid sebelum bergerak ke kawasan seterusnya. Terdapat juga modul-modul yang dihantar dengan bantuan PIBG, Ketua Kampung dan juga orang perseorangan yang mempunyai kenderaan untuk masuk ke tempat tinggal murid.

Kerjasama strategik yang dijalin bersama pihak swasta dan NGO telah membantu usaha memastikan kesamarataan akses pendidikan murid Orang Asli dan Peribumi, jalinan kerjasama strategik ini akan digiatkan pada tahun 2022 bagi memastikan keberhasilan serta kemenjadian murid dapat dicapai. Peningkatan kesedaran pendidikan masyarakat Orang Asli dan Peribumi dengan agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan akan memastikan ekuiti dan akses yang berterusan kepada pendidikan Orang Asli dan Peribumi.






**Kisah Program Barter di SK Pos Dipang,  
Negeri Perak**



**Sila imbas  
kod QR** untuk  
menyaksikan  
video



**Kisah Program Jom Belajar di SK Aring,  
Negeri Kelantan**



**Sila imbas  
kod QR** untuk  
pautan





# KOMUNITI DAN SEKTOR SWASTA



“Kerjasama pihak komuniti dan sektor swasta amat penting dalam memastikan kelestarian transformasi pendidikan. Komunikasi dua hala serta sokongan dan galakan yang tidak berbelah bagi kepada guru, pemimpin sekolah dan pegawai Kementerian akan memacu perubahan terutamanya dalam menangani cabaran abad ke-21 yang sentiasa berubah. Justeru, pihak komuniti dan sektor swasta perlu terus memberikan maklum balas, dan menjadi kolaborator aktif dengan sekolah dan Kementerian mengenai peningkatan sekolah.”

(PPPM 2013-2025)

## Pihak Industri Pemangkin Kebolehpasaran Murid Berkeperluan Pendidikan Khas

Kementerian telah menyediakan Program Transisi ke Kerjaya (PTK) bagi mempersiapkan diri Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) untuk berdikari dan seterusnya memperoleh pekerjaan selepas tamat persekolahan. Namun, kejayaan PTK ini amat bergantung kepada usaha MBPK itu sendiri, dengan bimbingan guru dan sokongan padu ibu bapa serta penjaga, dan paling penting kesanggupan pihak industri untuk menerima MBPK ini.



Ruang dan peluang yang diberi oleh pihak industri akan menjadikan pendidikan yang diterima oleh MBPK dalam alam persekolahan itu lebih bermakna. Melalui peluang yang diberikan, MBPK bukan sahaja akan dapat mengaplikasi segala ilmu dan kemahiran yang mereka pelajari semasa menjalani latihan industri, malahan akan dapat meneruskan kelangsungan hidup sekiranya diterima bekerja di industri tersebut. Justeru, aspirasi PPPM 2013-2025 bagi MBPK dapat direalisasikan apabila ada kesinambungan peranan yang dimainkan oleh penggerak utama PTK iaitu pihak sekolah dan industri.

Tahun 2021 telah menyaksikan bagaimana pihak industri telah berperanan menyokong dan meningkatkan peratus PTK walaupun dalam situasi pandemik yang masih tidak menentu.

**PNats Bakery di Kuching, Sarawak** Sarawak telah menerima MBPK dari SMK Demak Baru untuk menjalani latihan industri dalam bidang bakeri. Kemahiran awal dalam bidang bakeri yang dilaksanakan di peringkat sekolah oleh guru Pendidikan Khas telah dilengkapi lagi dengan latihan dalam keadaan sebenar industri tersebut di PNats Bakery.



Latihan Industri MBPK di PNats Bakery



**Nissan Body and Paint, Kuching, Sarawak** juga telah menerima MBPK bagi latihan industri dalam bidang perkhidmatan mengecat kenderaan. Murid yang telah dipilih untuk latihan tersebut adalah dalam kalangan mereka yang menunjukkan minat dan kesungguhan yang tinggi.



**Kim Teck Cheong Consolidated Berhad, Kuching** turut menerima MBPK untuk mengikuti latihan di kilang mereka dalam susunan stor. Pemantauan bagi latihan tersebut turut dilaksanakan oleh guru bersama-sama penyelia syarikat.





Kursus Operasi Perkhidmatan Dobi di SMPKV Merbok, Kedah turut mendapat kerjasama daripada beberapa buah hotel seperti **Intercontinental Hotel & Resorts, Emerald Puteri Hotel, DoubleTree Hotel, Hilton Hotel, Purest Hotel dan Swiss-Inn Hotel** bagi penempatan MBPK untuk latihan dalam industri perhotelan. Lebih membanggakan apabila pelatih yang tamat pembelajaran, telah diterima bekerja dalam bidang perhotelan dan perkhidmatan mendobi, hasil keupayaan mereka mengikut arahan, bekerja secara sistematik, dan mempamerkan tahap disiplin kerja yang tinggi.



**Econ Hygiene Laundry di Sg Petani, Kedah** telah menawarkan pekerjaan kepada MBPK yang lulus Sijil Kemahiran Malaysia Kursus Operasi Perkhidmatan Dobi Tahap 3 di SMPKV Merbok.

Adalah diharapkan lebih banyak lagi pihak industri akan menyambut baik kehadiran MBPK berkemahiran dalam bidang kerja yang relevan bagi menyokong kesinambungan PTK untuk pembangunan modal insan.

## Memperkasakan Kerjasama Strategik bagi Membangunkan Bakat STEM dan Digital Tersedia Masa Hadapan

Kumpulan bakat STEM yang berpengetahuan, berkemahiran dan inovatif perlu dibangunkan bagi memacu ekonomi. Kerjasama yang erat dalam kalangan agensi kerajaan, sektor swasta, akademia dan badan antarabangsa telah diperkukuh untuk meningkatkan bekalan bakat STEM.



Pada tahun 2021, kerjasama strategik pada peringkat tempatan, kebangsaan dan antarabangsa telah berjaya diperkukuh bagi:

- mengurangkan kebergantungan kepada pembiayaan dana kerajaan,
- menyokong pembangunan profesionalisme guru bidang STEM,
- melaksanakan aktiviti pengayaan yang menginspirasi murid, pendidik dan komuniti tentang STEM dan kerjaya bidang STEM, dan
- memupuk bakat digital.

### Kerjasama Strategik STEM

Kerjasama strategik dengan pelbagai pihak dalam bidang STEM adalah perlu bagi mewujudkan ekosistem pembelajaran STEM. Melalui kerjasama ini, sinergi dengan pihak industri yang mempunyai kelebihan dari segi kepakaran, kecekapan, pengetahuan dan sumber dalam bidang dan pendidikan STEM dapat dipertingkatkan.

Pada tahun 2021, kerjasama dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dalam melaksanakan Minggu Sains Negara 2021 dan Techlympic telah mewujudkan jalinan yang strategik dalam memperkasakan pendidikan STEM di Malaysia. Program tersebut telah dipenuhi dengan pelbagai aktiviti bagi menarik minat murid, memberi kesedaran kepada ibu bapa serta membuka mata masyarakat tentang keperluan dan kepentingan

bidang STEM. Program tersebut juga telah menjadi platform untuk meningkatkan pengetahuan, kompetensi dan keyakinan guru dalam PdP STEM.

Kementerian juga telah menjalinkan kerjasama dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Malaysia Multimedia University (MMU) bagi memperoleh pengetahuan dan kemahiran baharu dalam pengkodan (*coding*) dan pengaturcaraan (*programming*). Di samping itu, maklumat



berkaitan peluang dan laluan kerjaya dalam bidang STEM turut diperolehi daripada pihak industri bagi memberi pendedahan kepada murid bukan sahaja untuk meningkatkan minat mereka tetapi juga sebagai arah tuju dalam pemilihan bidang STEM dan laluan kerjaya.



### **Program 1,2,3...Code!**


Pusat STEM Negara pada tahun 2020 telah berbincang dengan *International Science, Technology and Innovation Centre for South-South Cooperation under the auspices of UNESCO* (ISTIC) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Kuala Lumpur untuk berkolaborasi dalam menganjurkan Program 1,2,3...Code!.

Kumpulan sasaran bagi bengkel ini terdiri daripada guru sekolah rendah yang mengajar mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT). Objektif utama program ini adalah untuk membekalkan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan dengan sains komputer menerusi aktiviti 'unplugged' dan 'plugged' dan seterusnya menggunakannya dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Program ini menggunakan pendekatan *Inquiry-Based Science Education* (IBSE) yang merupakan satu pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan penyiasatan dan penerokaan. Proses inkuiri yang dilalui oleh guru dapat menggalakkan pemikiran kreatif dan kritis di samping memberi pengalaman baharu dalam pembelajaran mereka.

Antara hasil kerjasama antara KPM, ISTIC dengan UTM ialah perkongsian kepakaran, fasiliti, sumber dan dana iaitu:

- permohonan pembiayaan geran telah dikemukakan kepada Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM) bagi mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan. Dana yang dibiayai oleh SKUM digunakan untuk membangunkan modul latihan dan aktiviti penyelidikan sepanjang program dari tahun 2020 hingga 2021;
- modul latihan dibangunkan berdasarkan **Modul 1,2,3...Code!** oleh *Fondation La main à la pâte* (dan diterjemahkan ke bahasa Inggeris oleh ISTIC);
- Latihan kepada tenaga pengajar utama turut dilaksanakan. Kos yang terlibat dibiayai bersama oleh ISTIC dan KPM;
- pembangun modul dan penceramah





terdiri daripada pensyarah UTM, pegawai ISTIC, pensyarah IPG, pegawai Pusat STEM Negara dan guru sekolah; dan

- tempat dan fasiliti disediakan dan dibiayai oleh ISTIC.

Pada tahun 2021, 300 orang guru RBT telah dilatih menerusi program *1,2,3... Code!* yang dilaksanakan secara dalam talian mengikut enam (6) zon, iaitu Utara (Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak), Timur (Kelantan, Terengganu, Pahang), Selatan (Melaka dan Johor), Tengah (Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya dan Negeri Sembilan), Sarawak dan Sabah/ Labuan.

Model kerjasama strategik ini perlu diperkasakan bagi membolehkan perkongsian kepakaran, fasiliti, sumber dan dana, yang lebih efisien dan berkesan.

### Tabung CERDIK

Inisiatif Tabung CERDIK merupakan salah satu inisiatif kerjasama pihak swasta yang menyokong pembelajaran secara berterusan bagi murid yang memerlukan. Tujuan utama inisiatif ini adalah untuk menyediakan peranti digital dengan pelan data kepada 150,000 orang murid dari kumpulan keluarga B40. Inisiatif yang dilaksanakan oleh Yayasan Hasanah, sebuah yayasan di bawah Khazanah Nasional merupakan satu inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC). Demi meneruskan kelangsungan PdPR murid, kesemua 150,000 peranti digital telah selesai diagihkan pada bulan Oktober 2021.



Melalui pemantauan *Dashboard Penggunaan CERDIK* yang dibangunkan, Kementerian mendapati bahawa tren pelaksanaan PdP secara dalam talian semakin meningkat, hasil daripada agihan peranti dan pelan data yang diterima. Pada masa yang sama, murid juga dapat mengikuti sesi pembelajaran secara dalam talian melalui platform DELIMA pada bila-bila masa dan di mana jua.

Penggunaan peranti ini akan dipantau secara berterusan supaya data berkaitan pelaksanaan PdP dalam talian akan dapat dianalisis bagi perancangan penambahbaikan pelaksanaan pada masa akan datang.

## Kerjasama Apple dengan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Usaha Membangunkan Ekosistem Pendidikan Digital Malaysia

Apple melalui pakarunding *Apple Professional Learning Specialist* dan *Provider* beraspirasi membantu pembangunan ekosistem pendidikan digital yang berteraskan inovasi dalam revolusi industri ke-4. Pembangunan ekosistem pendidikan tersebut merangkumi lapan teras utama termasuk:

- (i) pembangunan ekosistem digital sekolah dan pengiktirafan antarabangsa (*Apple Distinguished School*);
- (ii) pengiktirafan antarabangsa pendidik yang inovatif (*Apple Distinguished Educator*);
- (iii) pembangunan kompetensi dan pengiktirafan antarabangsa guru (*Apple Teacher, Apple Learning Leaders*);
- (iv) pembangunan kompetensi Guru Peneraju Generasi Digital teknologi Apple (*DELIMa Apple Influencer*);
- (v) pembangunan kompetensi digital murid (*MyiPad STEM Ideation, Penceritaan Digital Beranimasi, Penulisan Kreatif, CERDIK - Digital Heroes*);
- (vi) pembangunan komuniti pendidik (*Apple Teacher Community Malaysia, Apple Learning Community Malaysia*);
- (vii) sistem sokongan pembangunan kompetensi sekolah, guru dan murid (*Apple Professional Learning Specialist dan Provider*); dan
- (viii) sistem sokongan peranti dan ekosistem pembelajaran digital (*CERDIK*).





Dengan memfokuskan kepada lapang teras tersebut, inisiatif yang dilaksanakan dapat mentransformasi ekosistem pendidikan agar dapat melahirkan peneraju dan pencipta berkemampuan digital dan berfikir futuristik.

Pada tahun 2021, pelbagai program dan aktiviti yang dilaksanakan yang berfokus kepada pengiktirafan dan pembangunan kompetensi dan kepakaran sekolah, guru dan murid melalui:

**Apple Distinguished School (ADS)** merupakan satu pengiktirafan yang diberi oleh Apple kepada sekolah-sekolah yang paling inovatif di dunia dengan penggunaan teknologi dan ekosistem Apple, mempunyai pemimpin, staf, serta komuniti yang memiliki visi jelas untuk pengintegrasian teknologi dalam menyokong tujuan pembelajaran. Sehingga kini terdapat sebanyak 689 buah sekolah/institusi pendidikan bertaraf ADS di 36 buah negara di seluruh dunia dan 3 daripada 7 sekolah di Malaysia adalah Sekolah Seri Puteri, Kolej Tunku Kurshiah dan MRSM Taiping.

**Apple Distinguished Educator (ADE)** diadakan untuk untuk mengiktiraf perintis pendidikan rendah, menengah dan tinggi yang menggunakan teknologi Apple untuk mengubah pengajaran dan pembelajaran dengan mengintegrasikan teknologi ke dalam persekitaran pembelajaran, dan memupuk inovasi dalam pendidikan. Sehingga tahun 2021, terdapat 2,947 ADE di serata dunia, dan 10 daripada 24 ADE di Malaysia terdiri daripada pendidik di institusi pendidikan Kementerian.

## CERDIK


Pemberian peranti iPad dalam Program CERDIK adalah inisiatif pembangunan pembelajaran digital jangka panjang kepada murid golongan B40 melalui kerjasama dengan Yayasan Hasanah dan Yayasan PETRONAS bersama-sama Kementerian Pendidikan Malaysia dan 16 Jabatan Pendidikan Negeri. Sebanyak 29,000 buah peranti iPad telah disumbangkan kepada murid-murid di seluruh Malaysia di 260 sekolah menengah dan rendah bagi memastikan murid-murid yang menerima mendapat peluang belajar dari rumah dengan lebih baik.







### Pecahan Pemberian Peranti iPad bagi Program CERDIK



**CERDIK Digital Heroes** merupakan kesinambungan kepada program pemberian peranti iPad yang melatih sekumpulan murid dari setiap sekolah penerima sumbangan iPad Program CERDIK untuk menjadi peneraju di sekolah masing-masing. Mereka ini akan membantu rakan-rakan yang lain menggunakan iPad dan aplikasi-aplikasi Apple secara lebih optimum dan efektif.

08 NOV 2021	Kreatif, Ilustratif, Interaktif dan Beranimasi dengan Keynote
09 NOV 2021	Mencipta Rentak Muzik yang Menakutkan dengan GarageBand
17 NOV 2021	Menjadi Pengarah Muda dengan iMovie dan Clips
18 NOV 2021	Dokumentasi Laporan dengan Pages dan Numbers

**8 sesi**  
Melibatkan 1,000 murid

**CERDIK Teachers Champion** pula adalah sesi latihan yang diberikan kepada guru-guru yang akan mengajar penerima peranti iPad supaya sesi pengajaran dan pembelajaran yang dikendalikan akan menjadi lebih lancar.

**4 sesi**  
Melibatkan 500 guru

SLOT 1 (KEYNOTE)	23/11/2021
SLOT 2 (GARAGEBAND)	25/11/2021
SLOT 3 (CLIPS + IMOVIE)	29/11/2021
SLOT 4 (PAGES & NUMBERS)	30/11/2021



Program-program Pembangunan Kemahiran Guru juga telah dilaksanakan seperti:

- i. *Apple Teacher*
- ii. Komuniti Aktif Pendidik Menggunakan Teknologi Apple
- iii. *Apple Professional Learning Specialist dan Provider (APLS/APLP)*
- iv. *Apple Learning Leaders (ALL)*
- v. *DELIMA Apple Influencer / Guru Peneraju Generasi Digital teknologi Apple (GPGD)*
- vi. *Apple Teacher Portfolio*
- vii. Pembangunan video bahan pengajaran dan pembelajaran (PdP) menggunakan iPad - Peserta yang berjaya menghasilkan bahan juga diberikan sijil pengiktirafan mengikut tahap pencapaian iaitu emas, perak dan gangsa.
- viii. Buku Interaktif (ePub) Menggunakan iPad - Peserta dibimbing tentang penghasilan bahan yang mengandungi video, animasi serta bunyi dan muzik yang dapat menghidupkan penceritaan dan mengujakan pembaca.
- ix. Bahan Pengajaran dan Pembelajaran Menggunakan *Augmented Reality (AR)* - Peserta program diajar bagaimana menghasilkan bahan PdP dengan membina atau menggunakan objek sedia ada berbentuk 3D dan menambah interaksi media bagi membolehkan ianya digunakan bersama objek atau persekitaran sebenar.





**Program-program Pembangunan Kemahiran dan Kreativiti Murid** yang telah dilaksanakan:

- i. *Everyone Can Code & Create*
- ii. *Swift Playground* untuk peringkat awal kanak-kanak hingga sekolah rendah, manakala *Xcode* di peringkat sekolah menengah dan pengajian tinggi
- iii. *Everyone Can Create* - Program ini memperkenalkan kemahiran baharu untuk mengembangkan dan menyampaikan idea melalui video, fotografi, muzik dan lukisan melalui panduan yang disediakan oleh pihak Apple.
- iv. *Penceritaan Digital Beranimasi*
- v. *MyiPad STEM Ideation*
- vi. *Penulisan Kreatif - Mencipta Buku Cerita Digital Interaktif Menggunakan iPad*



Melangkah ke tahun 2022, seiring dengan usaha memperkukuhkan ekosistem pendidikan digital, Apple juga akan memberikan tumpuan terhadap usaha dalam meningkatkan bilangan pencapaian serta pengiktirafan antrabangsa. Ini termasuklah:

1. mengenal pasti sekolah yang berpotensi menjadi *Apple Distinguished School*,
2. mengenal pasti guru-guru berpotensi menjadi *Apple Distinguished Educators*,
3. membangunkan kompetensi digital guru dalam pedagogi digital dalam PdP melalui *Apple Learning Institute* dengan sasaran untuk menambahkan bilangan ALL kepada 1,000 orang, dan
4. menambah bilangan *Apple Teacher* kepada 5,000 orang.





## Kolaborasi *Google For Education* dan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Meningkatkan Pendidikan Digital

*Google for Education* Malaysia telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk meningkatkan pendidikan digital, khususnya dalam pelaksanaan *Digital Education Learning Initiative Malaysia* (DELIMa).

Usaha ini merupakan pelancaran skala kebangsaan yang terbesar di benua Asia, yang mana 6 juta akaun *Google Workspace for Education* murid dan guru telah diberikan secara percuma. *Google Workspace for Education* merupakan pakej khas perkhidmatan Google bagi sektor pendidikan bertujuan menggalakkan inovasi dalam PdPc dengan memberi akses kepada aplikasi pihak ketiga. Pelaksanaan tahap awal telah menerima sambutan yang sangat memberangsangkan daripada para guru dan murid iaitu sebanyak 4 juta akaun telah diakses sepenuhnya, terutama semasa penutupan sekolah akibat COVID-19.

Usahasama ini telah menjadi contoh kepada negara-negara lain di wilayah Asia Tenggara khususnya Thailand, Brunei, Pakistan dan Indonesia. Sepanjang tahun 2021, pelbagai program dan aktiviti telah dilaksanakan bagi menyokong pengajaran dan pembelajaran digital. Antaranya;



1. **Komuniti Guru *Digital Learning*** merupakan respon kepada pandemik COVID-19 yang telah menyebabkan penutupan sekolah. KPM bersama-sama dengan UNICEF Malaysia dan rakan pembangunan profesionalisme Google, Arus Academy telah membina sumber dan latihan dalam talian untuk membantu guru mendapatkan kemahiran untuk memulakan sesi e-pembelajaran. Siri-siri webinar yang dilancarkan sepanjang pandemik COVID-19 juga telah ditempatkan di platform ini bagi memudahkan capaian dan rujukan.
2. **DELIMa Certified Teachers Program (DCTP)** dianjurkan oleh KPM bersama-sama Google untuk melatih dan mengiktiraf guru sebagai *Google Certified Educator Level 1*, *Google Certified Educator Level 2* dan *Google Certified Trainer*. Guru dan pegawai telah melalui latihan menerusi webinar daripada rakan pembangunan profesionalisme sebelum menduduki ujian untuk mendapat pentauliahannya tersebut.
3. **Senior Leaders' Lab** adalah program pembangunan profesionalisme yang dilaksanakan khususnya untuk para pemimpin sekolah, bertujuan melatih mereka menggunakan aplikasi teknologi yang sedia ada untuk meningkatkan prestasi sekolah dari segi pentadbiran dan akademik.

4. **Leaders' Exchange Forum** merupakan persidangan khas untuk pemimpin-pemimpin daripada Kementerian Pendidikan di seluruh Asia Tenggara untuk berkumpul dan membincangkan perubahan gelombang pendidikan yang makro. Persidangan ini bertujuan membantu para pemimpin pendidikan mendapat input dan berkongsi amalan terbaik tentang bagaimana strategi teknologi pendidikan dapat dibentuk.
5. **Project Albus** merupakan program rintis yang dijalankan untuk membangunkan sekolah yang berpotensi tinggi untuk menggunakan teknologi secara lebih berinovasi. Program ini dijalankan untuk menyelidik keberkesanan penggunaan aplikasi teknologi seperti *Google Workspace for Education* serta *Chromebook* dalam bilik darjah dari segi penambahbaikan kemahiran abad ke-21, pengurangan kerja pentadbiran guru dan peningkatan keyakinan murid.
6. **Government and Education Summit** merupakan persidangan khas untuk pemimpin-pemimpin daripada sektor awam, agensi, kerajaan tempatan, Kementerian, pendidikan awam dan swasta di seluruh Asia Tenggara untuk berkumpul dan membincangkan Keupayaan Digital Transformasi dengan mengambil kira aspek keselamatan siber, tindak balas dan pemulihan bencana serta analitis data raya.





## Kolaborasi MDEC dan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Transformasi Pendidikan Digital menerusi Gerakan #Mydigitalmaker

#mydigitalmaker merupakan inisiatif nasional yang diterajui oleh MDEC, bermodelkan kerjasama Awam-Swasta-Akademi telah dilancarkan pada bulan Ogos 2016 bertujuan mentransformasi murid sekolah daripada pengguna kepada pencipta inovasi teknologi digital. Inisiatif ini diharap dapat meningkatkan kemahiran teknikal serta kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam mempersiapkan mereka untuk menghadapi pasaran kerja baru ekonomi digital, di samping meningkatkan minat murid untuk memilih aliran STEM di peringkat sekolah menengah dan universiti.

Dengan #mydigitalmaker, murid seawal sekolah rendah didedahkan kepada teknologi digital seperti pengaturcaraan, robotik, pembangunan aplikasi, reka bentuk dan percetakan 3D, yang mana kesemuanya akan membantu mengukuhkan kemahiran penyelesaian masalah dan kreativiti di kalangan generasi muda. Pelbagai aktiviti telah dijalankan pada tahun 2021. Antaranya:


**Digital Competency Standards for Teachers** adalah rangka kerja untuk menilai kompetensi digital pendidik dalam 8 domain (*Professional Engagement, Digital Resources, Digital Pedagogy, Digital Assessment, Empowering Learners, Facilitating Learners' Digital Competence, Digital Citizenship, Computational Thinking*), yang ditanda aras dengan piawaian global.

**Creativity @ Schools** bertujuan mencungkil bakat dan memupuk minat dalam bidang kreatif di kalangan murid sekolah. Program ini menawarkan latihan dan pendedahan dalam bidang teknologi kreatif seperti pembangunan permainan digital (*Level Up*) dan pembangunan kandungan animasi (*Kre8tif!*). Dalam waktu pandemik, program ini telah dijalankan melalui mod atas talian dan dibuka untuk murid sekolah rendah dan menengah dengan kerjasama pelantar DELIMa KPM serta PADU.

**#mydigitalmaker Hero** ialah *platform* lencana digital yang bertujuan untuk mengiktiraf murid dalam kemahiran inovasi digital. *Platform* ini juga dapat memberi galakan dan panduan untuk murid dalam meningkatkan kemahiran digital mereka melalui pendekatan gamifikasi. Bermula tahun 2021, *platform* ini telah diintegrasikan dengan pelantar DELIMa dengan kerjasama KPM dan PADU untuk peluasan kepada lebih ramai murid.

**Program P-TECH** adalah kerjasama antara MDEC, KPM dan IBM untuk menghubungkan sekolah menengah vokasional, universiti dan industri dengan lebih baik untuk memperkasa kemahiran akademik dan teknikal di kalangan murid.





**Guru yang dilantik sebagai #CikguJuaraDigital**

Guru-guru yang dilatih oleh #CikguJuaraDigital melalui PLC tentang Sains Komputer seperti kemahiran Pemikiran Komputasional, Pengaturcaraan, Micro-controller (micro:bit) dan Teknologi Digital

**#CikguJuaraDigital (CJD)** adalah kumpulan pendidik pakar teknologi digital yang dikenal pasti dari setiap daerah untuk menjadi inspirasi dan ikon digital kepada guru-guru lain. Kumpulan CJD ini turut melatih guru-guru lain melalui PLC tentang Sains Komputer seperti kemahiran Pemikiran Komputasional, Pengaturcaraan, Micro-controller (micro:bit) dan Teknologi Digital.

	2019	2020	2021
<b>Guru yang dilantik sebagai #CikguJuaraDigital</b>	5	21	30
<b>Guru-guru yang dilatih oleh #CikguJuaraDigital melalui PLC tentang Sains Komputer seperti kemahiran Pemikiran Komputasional, Pengaturcaraan, Micro-controller (micro:bit) dan Teknologi Digital</b>	1,500	4,000	6,700



**Program Kaunselor Digital** terdiri daripada Platform Kaunselor Digital, Program Duta Kaunselor Digital dan Modul Digital Kapsul untuk mendedahkan Guru Bimbingan dan Kaunseling kepada laluan universiti dan kerjaya dalam bidang teknologi digital.



**Guru Bimbingan dan Kaunseling dilatih**

	2020	2021
<b>Guru Bimbingan dan Kaunseling dilatih</b>	300	500




#mydigitalmaker Fair merupakan program kesedaran yang diadakan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat umum tentang pentingnya kemahiran inovasi digital dan kerjaya masa hadapan yang memerlukan kemahiran tinggi teknologi digital. Acara ini telah menyaksikan pelbagai pertandingan, bengkel bersama guru dan ibu bapa, sesi perbincangan mengenai kerjaya masa depan, pameran pembuatan digital dan pelbagai aktiviti yang dijalankan oleh industri dan murid.

**Digital Maker Hub** adalah tempat atau ruang fizikal yang disediakan untuk menggalakkan aktiviti pembuatan digital, penyebaran dan penguasaan ilmu pengetahuan digital di kalangan murid, guru, ibubapa dan komuniti setempat. Murid-murid dan komuniti terutamanya di luar bandar dapat menerima akses kepada peralatan dan kandungan mencipta digital bagi membantu mereka meneroka kefahaman lebih baik lagi terhadap proses digital inovasi melalui percetakan 3D, robotik dan pembangunan aplikasi selain membina kefahaman lebih baik mengenai teknologi digital secara keseluruhannya.

## 165 Digital Maker Hub



**Digital Ninja** adalah satu siri program untuk meningkatkan kemahiran kepimpinan dan kemahiran pembuatan digital dikalangan murid sekolah yang berumur antara 11 hingga 16 tahun. Murid-murid ini dipilih berdasarkan bakat serta kecemerlangan mereka dalam pembuatan digital melalui pertandingan-pertandingan yang mereka menangi.



Nota: Digital Innovator Programme & Digital Ninja

**Digital Innovator Programme** menawarkan laluan kurikulum berteraskan teknologi digital yang khusus di Pusat Genius @ PINTAR UKM, bertujuan mengasah bakat murid dalam bidang teknologi digital bagi melahirkan pakar teknologi digital yang berdaya saing di peringkat global. Program ini merupakan kerjasama antara MDEC, KPM dan UKM.



**Hour of Code (HOC)** merupakan kempen kesedaran yang bertujuan memberi pendedahan awal tentang pengaturcaraan dan sains komputer. Melalui aktiviti ini, murid akan menyelesaikan masalah melalui gamifikasi dan pengaturcaraan secara dalam talian.





**Program Impak Tinggi Yayasan Peneraju** – Pertandingan (Teknologi) dilaksanakan untuk lebih 1,000 murid Bumiputera yang berumur di antara 13 hingga 17 tahun, hasil kerjasama di antara MDEC dan Yayasan Peneraju. Program yang dibiayai sepenuhnya oleh Yayasan Peneraju ini memberi pendedahan serta kemahiran teknologi digital melalui pertandingan dalam talian.

Semua program untuk memperkasakan kompetensi digital murid dan menyediakan bakat yang berpotensi tinggi dalam teknologi digital akan terus dijalankan pada tahun 2022 hingga 2025 di bawah fasa RMK-12.

### Inisiatif Kolaboratif bersama Microsoft Malaysia untuk Pendidikan Digital Guru-Guru dan Murid-Murid

Sebagai salah satu rakan strategik DELIMa KPM, fokus Microsoft adalah untuk menaik taraf kualiti Pendidikan Malaysia berlandaskan 4 teras seperti yang terdapat di dalam *Education Transformation Framework (ETF)* iaitu Kepimpinan & Polisi, Pengajaran & Pembelajaran, *Intelligent Environments* dan Kejayaan Murid & Sekolah. Melalui ETF beberapa program telah dijalankan pada tahun 2020 hingga 2021. Program-program ini adalah:

#### 1. Kepimpinan dan Transformasi Sekolah menerusi:

- *Digital Transformation Leadership Program* untuk Institut Aminuddin Baki
- *Microsoft Showcase School: A School with a Difference* di mana beberapa siri latihan dalam talian untuk guru besar/ pengetua dan guru-guru ICT dari setiap JPN telah didedahkan kepada *Education Transformation Framework* dan kriteria untuk menjadi *Microsoft Showcase School*.



#### 2. Upskilling & Reskilling untuk Guru menerusi program:

- *MIE Expert Training* bagi JPN Perlis.
- *MIE Expert Nomination Party* bagi membantu guru-guru bersedia untuk menjadi *MIE Expert*.
- Kursus *MIE Expert* bersama pegawai KPM yang mana untuk Kohort 2021-2022, seramai 14 pegawai PPD dan JPN telah berjaya diiktiraf sebagai *MIE Expert*.



### 3. Program Pendidikan Digital untuk Guru dan Murid

- Siri *Webinar* Pendidikan Microsoft untuk Guru dan Murid
- Pertandingan *Minecraft* (MY) 2021

Rujukan petikan daripada *Microsoft News: Coding for everyone: Students in Malaysia build dream places and spaces with Minecraft | Minecraft Education Edition*

- eClass Skor SPM
- *MS Drive-Thru Virtual Event*
- *The 5C's of Teaching with MS Teams and Wakelet*
- Bengkel MS Teams secara dalam talian untuk SJKT dan SJKC
- *FUNtastic School Break Program*
- *Microsoft Malaysia's EDUDay 2021*
- Seminar Pendidikan STEM Digital 2021



Sila imbas kod QR untuk pautan



Rujukan laman rasmi EDUDay Malaysia: <https://edu-day.com/eduday-2021>

Bagi tahun 2022, pihak Microsoft berhasrat untuk mengadakan lebih banyak lagi program pendidikan yang memberi impak ke arah pendigitalan untuk memperkasakan penggunaan pelantar DELIMa 2.0 dalam kalangan guru dan murid. Adalah diharapkan kerjasama dengan pihak Kementerian akan diteruskan melalui kolaboratif yang baharu dan sedia ada.



Sila imbas kod QR untuk pautan





# HIKMAH

DISEBALIK  
COVID-19



**BAB**

**2**





## HIKMAH DI SEBALIK COVID-19

Pandemik COVID-19 yang berlaku di seluruh dunia bermula pada penghujung tahun 2019 telah memaksa kebanyakan negara melaksanakan sekatan pergerakan dan penutupan sekolah mulai tahun 2020. Mengikut kajian yang dikendalikan oleh Sektor Pendidikan UNESCO, kehidupan dan proses pembelajaran seramai 1.5 billion murid dan remaja di seluruh dunia telah terkesan. Lebih membimbangkan, krisis kesihatan yang tidak pernah dialami ini, telah memberi kesan terhadap pertumbuhan ekonomi negara yang sekaligus telah melebarkan lagi jurang ekuiti pendidikan yang telah berjaya dirapatkan semasa pelaksanaan inisiatif PPPM 2013-2025 dalam Gelombang 1 dan 2. Perkara ini adalah disebabkan penularan wabak COVID-19 yang telah menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka terpaksa dihentikan apabila sekolah ditutup dan murid tidak dapat hadir ke sekolah demi menjaga kesihatan dan keselamatan mereka. Ekoran itu, Kementerian perlu mengambil langkah segera bagi memulihkan peluang pembelajaran bagi semua murid tanpa mengira latar belakang sosioekonomi dan lokasi, lebih-lebih lagi dalam fasa pemulihan pandemik apabila murid kembali ke sekolah sama ada secara maya, bersemuka atau bergilir.

Sebagai satu langkah penyelesaian, proses PdP secara dalam talian kini berubah menjadi kaedah utama pembelajaran dan bukan lagi pilihan bagi semua guru dan murid di seluruh Malaysia. Keperluan kepada perubahan ini dilihat sebagai penyebab utama penggunaan pendidikan digital telah melonjak dalam masa yang singkat semasa pandemik. Namun hal ini merupakan sebahagian daripada pelan strategi yang telah dirancang seiring dengan aspirasi Gelombang 2 (2016-2020) dalam PPPM 2013-2025 iaitu melonjakkan peningkatan sistem melalui pemacuan inovasi ICT khususnya untuk pembelajaran jarak jauh dan pembelajaran sendiri bagi memperluas akses kepada pengajaran berkualiti tinggi tanpa mengambil kira tahap kemahiran dan lokasi murid (PPPM 2013-2025, m.s. 8-9). Pihak Kementerian sememangnya sedang melaksanakan inisiatif membangunkan satu pelantar pembelajaran alternatif di atas talian.



Kerjasama erat yang dijalin dengan pemberi perkhidmatan (*service providers*) digital seperti Google, Microsoft dan Apple telah merealisasikan pembangunan dan penyediaan pelantar pembelajaran tersebut. Bermula dengan penggunaan *G-Suite for Education* (GFE) dan *Google Classroom* (GC) sebagai pilihan berdasarkan ketersediaan lebih daripada 30,786 orang guru yang telah sedia ada menggunakan pelantar tersebut dengan latihan secara dalam talian, dan dengan sokongan teknikal serta latihan yang boleh diberikan oleh Bahagian Sumber Teknologi Pendidikan (BSTP), pihak PADU dan Google sendiri. Seterusnya, atas dasar kerjasama baik Kementerian dengan pemberi perkhidmatan lain dalam pelantar pembelajaran tersebut, semua sekolah telah dibenarkan menggunakan mana-mana yang aplikasi yang bersesuaian sama ada GFE, GC ataupun fitur Microsoft, yang ditawarkan secara percuma. Akhirnya, dengan sokongan dan kerjasama semua pihak, pada 15 Jun 2020 pelantar pembelajaran secara maya yang dijenamakan sebagai *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMA) telah diperkenalkan.




Tidak dapat dinafikan bahawa langkah proaktif dalam melaksanakan perubahan kaedah PdPR melalui penggunaan platform pendidikan digital, DELIMA telah memudahkan dan membantu pelaksanaan PdPR. Namun tidak cukup dengan pelantar digital, bilik darjah atau ruang pembelajaran (lokasi pembelajaran jarak jauh) juga perlu dilengkapi dengan infrastruktur digital yang optimum serta peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang mencukupi bagi membolehkan pelaksanaan pendidikan digital dapat dilaksanakan. Bagi menampung keperluan tersebut, satu inisiatif Tabung CERDIK telah diluluskan dalam Belanjawan 2021 bertujuan menyediakan 150,000 orang murid B40 dengan pemberian peranti digital lengkap dengan pelan data, yang telah dilaksanakan oleh Yayasan Hasanah, sebuah yayasan di bawah Khazanah Nasional. Tabung CERDIK merupakan satu inisiatif tanggung jawab sosial korporat (CSR) oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC). Semua 150,000 peranti digital di bawah inisiatif ini telah selesai diagihkan kepada murid B40 terpilih pada 29 Oktober 2021.





**Peranti PdP Sekolah bagi Tahun 2022 yang akan Disediakan KPM bagi Menggantikan Perantian Usang**



Bagi tahun 2022 pula, peruntukan telah diluluskan kepada Kementerian untuk menyediakan peranti untuk PdP di sekolah. Di samping itu juga, Kementerian akan memperkasa keupayaan pelaksanaan pembelajaran secara hibrid melalui pelaksanaan rintis pembekalan peralatan digital kelas di 110 institusi pendidikan KPM melibatkan jumlah keseluruhan sebanyak 550 buah kelas.

Dalam usaha menormalkan pendidikan secara digital dan jarak jauh, Kementerian juga telah merancang strategi bagi memenuhi keperluan semua murid berdasarkan perbezaan latar belakang sosioekonomi dan lokasi. Antara langkah awal dan proaktif yang telah diambil untuk tujuan tersebut adalah menyediakan saluran televisyen, DidikTV KPM sebagai satu lagi alternatif kepada inisiatif pembelajaran di rumah yang boleh diakses kebanyakan murid terutama dalam situasi pandemik COVID-19, selain radio, bahan bercetak serta platform pemesejan segera, semuanya demi menggalakkan kesinambungan pembelajaran.



Bagi menyokong dan menyatukan kesemua usaha yang telah diambil dalam menyelesaikan isu akses kepada pendidikan digital, Kementerian sedang dalam proses memuktamadkan Dasar Pendidikan Digital (DPD) yang bermatlamat melahirkan generasi fasih digital yang berdaya saing. Dasar ini dibangunkan selaras dengan penggubalan pelbagai dasar nasional seperti Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030), Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL) dan Dasar Revolusi Perindustrian Keempat Negara (D4N), dan akan menjadi panduan kepada semua pihak berkepentingan untuk mendepani era digital. DPD juga menyokong pelaksanaan pelbagai inisiatif PPPM 2013-2025 serta Matlamat Pembangunan Mampan 4 (SDG4) untuk meningkatkan kualiti, kesaksamaan dan kecekapan sistem pendidikan. Penggubalan





dan pelaksanaan DPD adalah penting untuk membolehkan Kementerian memanfaatkan penggunaan teknologi digital sejajar dengan keperluan dan trend global semasa.

Penggubalan dan pelaksanaan DPD adalah penting untuk membolehkan Kementerian memanfaatkan penggunaan teknologi digital sejajar dengan keperluan dan trend global seperti yang berikut:

- i) pendigitalan berlaku secara ketara dan mempengaruhi tadbir urus institusi pendidikan, interaksi antara pendidik, murid/ pelajar dan ibu bapa serta pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran;
- ii) teknologi digital berupaya meningkatkan kualiti pengajaran pendidik dan minat murid/ pelajar kepada pembelajaran;
- iii) data yang dikumpulkan melalui teknologi digital membolehkan keputusan dan tindakan dibuat dengan cekap dan efisien;
- iv) pelaksanaan pembangunan infostruktur dan infrastruktur digital yang merupakan sebahagian daripada keperluan pembangunan yang berupaya menyokong keperluan kurikulum secara inklusif dan menyeluruh;
- v) tingkah laku pengguna yang mengutamakan penggunaan internet dan telefon pintar bagi melakukan sesuatu tugas dengan lebih mudah dan berkesan;
- vi) teknologi digital yang berkembang dengan pantas dalam setiap aspek kehidupan manusia memaksa semua pihak berkepentingan merangka semula dan mempercepatkan perancangan pendigitalan; dan
- vii) pandemik COVID-19 dengan jelas membuktikan aplikasi dan teknologi digital menjadi norma baharu kehidupan seharian dalam pelbagai sektor khususnya pendidikan.

Penggunaan teknologi digital yang optimum berpotensi membawa perubahan kepada peningkatan penyampaian dan pedagogi ke arah memartabatkan pendidikan negara seperti yang digariskan di bawah Anjakan 7, PPPM 2013-2025, iaitu Memanfaatkan Teknologi



Maklumat dan Komunikasi (TMK) bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia. Halatujuan dan strategi baharu pengintegrasian teknologi dalam PdP akan diperkukuh melalui DPD bagi memastikan kesinambungan transformasi pendidikan adalah selari dengan keperluan 4IR.

Oleh itu, walaupun cabaran pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia telah mengejutkan semua pihak kerana situasi yang tidak pernah dialami sebelum ini, kesan krisis pendidikan global ini telah membawa semua pihak bersatu untuk mencari jalan penyelesaiannya. Sama ada di luar negara mahupun di dalam negara, hikmah yang diperolehi melalui masa kritikal ini telah membantu mempercepatkan usaha sesetengah inisiatif yang telah dimulakan sebelum era pandemik khususnya di Malaysia. Adalah diharapkan, segala penambahbaikan yang telah dicapai dalam laluan menuju fasa pemulihan ini akan membantu Kementerian agar berupaya bertindak secara tangkas (*agile*) dalam apa jua keadaan dan akan kekal di landasan transformasi pendidikan yang betul.





**MENINGKATKAN  
AKSES  
DALAM PENDIDIKAN**



**BAB**

**3**





## 3.1 PENINGKATAN AKSES DARIPADA PRASEKOLAH HINGGA MENENGAH ATAS

### PENGENALAN

Setiap kanak-kanak warganegara Malaysia, tanpa mengira taraf ekonomi, etnik atau latar belakang berhak mendapat akses yang sama kepada pendidikan berkualiti bagi membolehkan mereka mencapai potensi masing-masing. Sistem pendidikan Malaysia berhasrat memastikan penyertaan sejagat dan enrolmen penuh daripada peringkat prasekolah hingga peringkat menengah atas yang meliputi murid di semua sekolah kerajaan dan swasta, termasuk Kolej Vokasional. Sejak

pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, sistem pendidikan telah berjaya meningkatkan tahap akses pada peringkat pendidikan prasekolah hingga menengah atas. Walau bagaimanapun, pandemik COVID-19 yang melanda sejak tahun 2020 sehingga lewat tahun 2021, telah sedikit sebanyak memberi kesan terhadap peratus enrolmen murid pada semua peringkat pendidikan.

### FOKUS 2021

#### 1. Peningkatan Enrolmen Murid

- Meningkatkan enrolmen murid prasekolah awam dan swasta;
- Meningkatkan enrolmen murid melalui Pemantapan Program Peningkatan Enrolmen Menengah Atas kepada pegawai-pegawai Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) serta ziarah cakna ke kelompok sasar;
- Meningkatkan program jalinan kerjasama antara agensi melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)

#### 2. Peningkatan Enrolmen dalam Bidang TVET

- Kualiti graduan TVET;
- Penambahbaikan prasarana institusi TVET;
- Meningkatkan kerjasama dengan agensi-agensi luar dan pihak yang berkaitan dengan Pendidikan TVET.


#### 3. Pengurangan Kadar Keciciran Murid





## PENCAPAIAN 2021

### 1. Peningkatan Bilangan Enrolmen Murid



Berdasarkan rajah 1, analisis pencapaian enrolmen prasekolah bagi tahun 2021 telah menunjukkan penurunan kadar enrolmen bagi kedua-dua kohort umur 5+ iaitu sebanyak 6.53% kepada 83.65% dan bagi kohort umur 4+ peratus enrolmen telah berkurang sebanyak 8.1% kepada 68.45%.

Penurunan ketara terhadap kadar penyertaan kanak-kanak yang mengikuti pendidikan prasekolah pada tahun 2021 ini yang jelas disebabkan oleh kesan daripada pandemik COVID-19 juga telah mengakibatkan pengurangan prasekolah sebanyak 1,342 kepada 51,565 kelas. Dalam usaha menambah bilangan kelas prasekolah, KPM telah membuka sebanyak 118 kelas pada tahun 2021. Namun, kesan pandemik yang hebat telah menyebabkan penutupan kelas tadika agensi lain seperti 65 kelas tadika Kemas, satu kelas tadika Perpaduan dan yang paling terkesan iaitu tadika swasta di mana sebanyak 1,394 tadika terpaksa ditutup.








Oleh itu, bagi meneruskan komitmen memberikan akses terhadap pendidikan prasekolah, KPM telah meneruskan bantuan yuran prasekolah swasta terutama kepada golongan B40 untuk mereka meneruskan pendidikan di tadika swasta.

Pada tahun 2021, bantuan ini telah disalurkan kepada 1,811 murid yang layak dari 803 buah tadika swasta melibatkan peruntukan sebanyak RM1.25 juta.

Pada peringkat menengah atas pula, peratus enrolmen bagi tahun 2021 menunjukkan peningkatan sebanyak 1.11%. Peningkatan ini didorong oleh usaha pihak KPM yang berterusan serta kerjasama yang diberikan oleh pihak komuniti, agensi-agensi lain, pihak swasta, NGO serta lain-lain pihak yang sedia membantu KPM demi menyokong pembelajaran murid menengah atas yang bakal menduduki peperiksaan SPM demi menjamin masa depan anak-anak keluarga Malaysia ini.

### Peratus Enrolmen Menengah Atas Tahun 2016 hingga 2021




Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

## 2. Meningkatkan Enrolmen dalam Bidang TVET

Pada tahun 2021 juga, terdapat peningkatan enrolmen TVET kepada 6.30% (23,539). Enrolmen tersebut merangkumi 70.39% (16,570) pelajar mengikuti program TVET di Kolej Vokasional (KV), 453 Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV), 4,448 pelajar Program Vokasional Menengah Atas (PVMA) dan seramai



### Peratus Enrolmen Murid 15+ Dalam Pendidikan Vokasional Tahun 2016 hingga 2021



Sumber: Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional

155 pelajar program Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA). Pelibatan seramai 304 pelajar lepasan Tingkatan 3 dalam program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Kolej Vokasional dengan McDonalds' Malaysia adalah alternatif ke arah peluasan TVET KPM melalui kerjasama awam-swasta. Enrolmen tahun semasa turut merangkumi enrolmen kumulatif daripada agensi luar KPM seperti GIATMARA dan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) dengan pelibatan sebanyak 3.78% enrolmen pelajar TVET KPM.



### 3. Pengurangan Kadar Keciciran Murid

Penularan wabak COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan pada tahun 2021 telah menyaksikan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) menggunakan pelbagai kaedah alternatif bagi memastikan kanak-kanak cicir didekati terutamanya dengan kerjasama komuniti setempat. Sebagai contoh, JPN Pulau Pinang telah mengedarkan poster ke seluruh pelusuk negeri bagi membantu pemakluman dan informasi berkaitan program *outreach* murid cicir dan tatacara pendaftaran semula murid ke sekolah.



JPN Terengganu pula telah menjalankan Program Turun Padang bersama-sama Jabatan Pendaftaran Negara Cawangan Terengganu bagi menguruskan isu murid tiada dokumen, disamping menjalankan program ziarah ke rumah murid cicir bagi membantu mereka kembali semula ke sekolah.



JPN Sabah telah menjalankan Operasi Sifar Cicir Sabah (OPSCIS) di Pulau Banggi, Kudat pada 9 hingga 11 November dengan memberi kelulusan permohonan dan pendaftaran murid dengan segera di kawasan tersebut. Program ini berjaya mengembalikan 53 murid cicir ke sekolah serta menjimatkan kos kewangan ibubapa dari kalangan B40 kerana tidak perlu ke JPN permohonan belajar.





JPN Pahang turut menjalankan *outreach* murid cicir dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) negeri Pahang semasa menjalankan program vaksinasi di Sekolah Kebangsaan Titom dan Sekolah Kebangsaan Lejang Lipis. Program ini telah berjaya mengembalikan seramai 23 orang murid orang asli kembali ke sekolah.

Setelah pergerakan merentas daerah dibenarkan, beberapa JPN lain juga telah menjalankan program *outreach* murid cicir bagi membantu mereka kembali ke sekolah. Dengan pelbagai aktiviti yang telah dijalankan daripada peringkat JPN hingga ke sekolah, kadar keciciran menunjukkan penurunan daripada 1.13% pada tahun 2020 kepada 1.11% pada tahun 2021.

Dapatan daripada program *outreach* yang telah dijalankan menunjukkan isu keciciran yang berlaku sepanjang tempoh pandemik COVID-19 ini melibatkan murid sekolah peringkat rendah dan peringkat menengah di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan KPM akibat daripada pelbagai faktor keluarga dan murid. Walau bagaimanapun, program yang dijalankan mampu membantu murid cicir kembali ke sekolah. *Outreach* murid cicir ini akan diperkukuhkan di semua PPD pada tahun 2022 bagi membendung isu keciciran murid peringkat rendah dan menengah. Program *outreach* ini juga perlu disusuli dengan intervensi berfokus dan kerjasama padu daripada pelbagai agensi, kementerian dan komuniti setempat agar ia berjaya seperti yang telah dijalankan oleh beberapa JPN. Selain itu, murid yang terkesan akibat COVID-19 perlu dikenal pasti secara individu agar mereka dapat diberi intervensi yang sesuai bagi memastikan mereka kekal dalam enrolmen di peringkat rendah dan menengah serta dapat menamatkan pendidikan sehingga tamat tingkatan lima.



## MELANGKAH KE HADAPAN

Setiap program yang telah dijalankan pada tahun 2021 telah dianalisa keberkesanannya bagi memastikan perancangan bagi tahun seterusnya akan dapat memperbaiki enrolmen murid di sekolah bagi setiap peringkat. Impak program yang dijalankan telah menunjukkan bahawa kerjasama yang dijalin dengan pelbagai pihak bagi mengesan dan mengenal pasti murid-murid terkesan dengan pandemik COVID-19 berjaya menarik semula serta mengekalkan murid-murid ini di sekolah. Oleh itu, bagi tahun 2022, KPM komited dalam meningkatkan kerjasama dengan komuniti setempat bagi meningkatkan enrolmen murid pada semua peringkat pendidikan. Ini termasuklah antara aktiviti yang berikut:

1. Peluasan prasekolah KPM sebanyak 90 buah kelas di seluruh negara bagi memberi peluang dan lebih ramai kanak-kanak mendapat pendidikan awal dan bersedia ke pendidikan formal.
2. Peningkatan enrolmen prasekolah swasta melalui pelaksanaan verifikasi data di tadika swasta, mengadakan beberapa siri sesi *townhall* bagi memberi pendedahan kepada pengusaha tadika swasta mengenai kelebihan berdaftar dengan KPM.
3. Pelaksanaan bantuan yuran murid di tadika swasta bagi kumpulan murid daripada keluarga berpendapatan rendah.
4. Pengukuhan jalinan kerjasama dengan pelbagai agensi bagi meningkatkan enrolmen pada peringkat menengah atas.
5. Pencapaian TVET tidak hanya diukur semata-mata kepada kuantiti kemasukan murid tetapi perlu lebih berfokus kepada kualiti graduan TVET. Penambahbaikan prasarana di sesebuah institusi TVET hendaklah sentiasa dinaik taraf bagi memastikan pendidikan teknikal dan vokasional berkualiti diterima oleh pelajar KV. Pelaksanaan TVET KPM yang mampan tidak akan terlaksana dengan jayanya tanpa kerjasama semua pihak yang bertanggungjawab dalam merealisasikan agenda negara. TVET KPM perlu terus diperkasa ke arah mengarusperdanakan pendidikan teknikal dan vokasional.
6. Perluasan cakupan pencarian murid cicir dan juga kanak-kanak yang tidak pernah mendapat pendidikan di mana-mana institusi pendidikan. Intervensi berfokus akan dirancang agar kekal bersekolah sehingga tamat menduduki peperiksaan SPM.





## 3.2 PEMBANGUNAN PROGRAM PENDIDIKAN PINTAR CERDAS

### PENGENALAN

Program Pendidikan Pintar Cerdas (PPPC) ini penting kepada perkembangan sistem pendidikan Malaysia kerana inisiatif ini memberikan perspektif baharu kepada laluan pendidikan murid yang mencapai tahap IQ melebihi 130. Murid pintar cerdas merujuk kepada murid yang memiliki dan menunjukkan potensi serta pencapaian yang sangat menyerlah melebihi murid sebaya dalam salah satu aspek sama ada intelek, kreativiti, kemahiran, kerohanian atau gabungan aspek tersebut melalui satu atau lebih disiplin ilmu atau bakat tertentu. Murid pintar cerdas ini akan menerima pendidikan yang disusun bersesuaian dengan tahap kepintaran mereka melalui kurikulum yang digubal bagi mengambil kira aspek pengayaan, pecutan dan mampatan.



Program ini juga turut memberikan penekanan kepada peningkatan profesionalisme guru-guru di Malaysia. Akademi Sains Pendang merupakan sekolah pertama khusus untuk murid pintar cerdas di bawah tadbir urus KPM sepenuhnya. Pembukaan sekolah ini akan memberikan pendedahan dan pengalaman baharu kepada barisan guru-guru dalam mengajar murid yang mempunyai skor IQ 130 dan ke atas.

Program ini juga akan membuka laluan pendidikan kepada murid pintar cerdas ke peringkat tertinggi dan diharapkan sehingga ke peringkat anugerah *Nobel Laureate*.



### FOKUS 2021

1. Latihan dan Perkongsian Ilmu
2. Pengoperasian PPPC Kohort Pertama
3. Pencarian Murid Pintar Cerdas



## PENCAPAIAN 2021

### 1. Latihan dan Perkongsian Ilmu

#### Latihan Guru dan Jurulatih Utama PPPC

Seramai 19 orang guru yang dikenal pasti telah diberikan latihan oleh Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dengan lapan (8) kali latihan melibatkan lapan (8) modul. 30 orang Jurulatih Utama (JU) turut diberikan pendedahan oleh 14 JU kohort pertama yang menerima latihan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Lapan (8) Modul Latihan berkenaan adalah:




#### Majlis Penyerahan Sijil Profesionalisme Jurulatih Utama dan Guru-Guru bagi Program Pendidikan Pintar Cerdas


Tarikh: 08 April 2021 (Khamis)

Tempat: Auditorium Pusat Genius@Pintar Negara (PGPN), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

14 Jurulatih Utama dan 30 orang guru yang telah disaring melalui proses temuduga dan kemudian dipilih untuk mengikuti kursus sijil profesional UKM.



#### PPPC KOHORT PERTAMA



### 2. Pengoperasian PPPC Kohort Pertama

#### Pendaftaran Murid ke Akademi Sains Pendang

Pada tahun 2021 seramai 47 orang daripada 70 orang murid kohort pertama yang ditawarkan, telah melaporkan diri pada 18 April 2021. Ambilan kedua pula, seramai 41 orang daripada 47 orang murid telah mendaftar di Akademi Sains Pendang pada 24 Julai 2021 secara dalam talian. Pada keseluruhannya, sejumlah 88 orang murid Asas 1 telah mengikuti pembelajaran di bawah program ini di ASP.

### Perasmian Akademi Sains Pendang

Akademi Sains Pendang (ASP) yang bertempat di Sekolah Menengah Sains Pendang, Kedah telah dirasmikan pada 5 Disember 2021.

Majlis disempurnakan oleh YB Datuk Dr. Radzi Jidin, Menteri Kanan Pendidikan dengan diiringi oleh Datuk Yusran Shah Mohd Yusof, Ketua Setiausaha KPM, Datuk Hajah Nor Zamani Abdol Hamid, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia dan Dato' Haji Pkharuddin Haji Ghazali, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (SDK). Turut hadir adalah Encik Zainal Abas, Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian dan Puan Faridah Yang Razali, Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh.

ASP telah dipilih bagi melaksanakan Program Pendidikan Pintar Cerdas (PPPC) Kementerian Pendidikan dengan menggunakan kurikulum Pendidikan Pintar Cerdas - Universiti Kebangsaan Malaysia.



### 3. Pemilihan Murid Pintar Cerdas

Pada tahun 2021, proses mengenalpasti murid untuk mengikuti PPPC diberi fokus kepada murid yang layak di kawasan utara Malaysia berdasarkan faktor lokasi tempat tinggal dan kekeluargaan.

#### STATISTIK NEGERI-NEGERI ZON UTARA

	Negeri	Jumlah Murid 8-15 tahun		Jumlah Murid 11 tahun		Jumlah Murid 12 tahun		Jumlah Murid 13 tahun		Jumlah Murid 11-13 tahun	
		UKM1	UKM2	UKM1	UKM2	UKM1	UKM2	UKM1	UKM2	UKM1	UKM2
1	KEDAH	43,870	1,942	13,231	561	16,741	856	8,608	225	38,580	1,642
2	PERAK	49,592	1,757	14,502	414	16,891	754	8,308	186	39,701	1,354
3	PULAU PINANG	7,871	806	1,578	158	2,142	273	588	49	4,308	480
4	PERLIS	1,710	54	266	1	459	27	195	7	920	35
	<b>JUMLAH</b>	<b>103,043</b>	<b>4,559</b>	<b>29,577</b>	<b>1,134</b>	<b>36,233</b>	<b>1,910</b>	<b>17,699</b>	<b>467</b>	<b>83,509</b>	<b>3,511</b>

\* Nota Isihan berdasarkan jumlah UKM2 8-15 tahun

Sumber: Bahagian GENIUS

## MELANGKAH KE HADAPAN



Kementerian perlu membangunkan Model Pendidikan Pintar Cerdas yang bersesuaian dengan keperluan murid-murid bagi menjamin kelestarian PPPC. Pada tahun 2022, Kementerian akan terus menambahbaik aspek pembangunan dan pelaksanaan PPPC melalui:

1. Penyebarluasan PPPC bagi Pemilihan Murid Pintar Cerdas
  - Program ini akan disebarluaskan kepada semua JPN dan PPD bagi memastikan kefahaman di semua peringkat. Bagi tahun 2022, dua buah negeri dipilih bagi tujuan *Townhall* iaitu Sabah dan Sarawak yang akan melibatkan 24 PPD di Sabah dan 31 PPD di Sarawak. Tujuan utama *townhall* adalah untuk :
    - ◆ memberi kefahaman kepada pihak sekolah, ibu bapa dan murid tentang kepentingan murid menduduki Ujian Saringan IQ.
    - ◆ menggalakkan penyertaan murid menduduki ujian bagi negeri terpilih.
2. Pembangunan Pelan Hala Tuju Program Pintar Cerdas
  - Meneroka pelbagai pendekatan dalam memastikan persediaan masa hadapan bagi PPPC.
  - Meneroka laluan pendidikan murid pintar cerdas dan peningkatan profesionalisme guru serta pentadbir.
  - Membangunkan kerangka pelan hala tuju (*roadmap*) PPPC yang dipersetujui dan akan diluluskan Pengurusan Tertinggi Kementerian.
3. Pembangunan Modul-Modul latihan dan Modul Pembelajaran Asas 1
 

Pembangunan modul latihan dan pembelajaran bagi persediaan tahun 2026 di mana Kementerian akan melaksanakan program tanpa kebergantungan kepada pihak luar:

  - Pembangunan modul latihan guru.
  - Pembangunan modul latihan pentadbir.
  - Pembangunan modul pembelajaran murid asas 1.



MENINGKATKAN  
**KUALITI**  
DALAM PENDIDIKAN




**BAB**  
**4**



## 4.1 PEMBUDAYAAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI DALAM PEMBELAJARAN ABAD KE-21

### PENGENALAN

Inisiatif Pembudayaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pembelajaran Abad Ke-21 diwujudkan bagi memantapkan keupayaan murid untuk mengaplikasikan pengetahuan dan KBAT dalam menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi serta mencipta sesuatu. Pada tahun 2021, penekanan telah diberikan terhadap pelaziman (membiasakan) murid sekolah rendah dan menengah dengan item interaktif berasaskan komputer, di samping memantapkan kompetensi guru dan pentadbir sekolah dalam membudayakan KBAT. Usaha ini akan melonjakkan kedudukan negara pada kedudukan satu pertiga teratas dalam pentaksiran antarabangsa menjelang 2025 seperti yang diaspirasikan dalam PPPM 2013-2025.



### FOKUS 2021


1. Peningkatan Literasi Sains, Matematik, Bacaan dan Kewangan melalui Pentaksiran Kompetensi dan Literasi (PKL).
2. Peningkatan Sekolah Pembudayaan KBAT.

## PENCAPAIAN 2021


### Peningkatan Pencapaian Pentaksiran Kompetensi dan Literasi (PKL)

Pencapaian skor purata dalam Pentaksiran Kompetensi dan Literasi (PKL) Saintifik, Matematik, Bacaan dan Kewangan 2021. Bagi mencapai kedudukan satu pertiga teratas peringkat dalam TIMSS dan PISA, murid di Malaysia perlu mencapai sekurang-kurangnya skor 600 ke atas.

#### PKLSR 2020 - 2021



#### PKLSM 2020 - 2021



Sumber: Bahagian Pembangunan Kurikulum



### Peningkatan Sekolah Pembudayaan KBAT

Pada tahun 2021, 65.82% (6733) daripada 10,230 sekolah yang ditaksir oleh pegawai pendidikan daerah telah mencapai skor purata tahap minimum 50% pembudayaan KBAT dalam pengurusan dan kepimpinan, dan pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Penilaian tahap pembudayaan KBAT dalam kokurikulum telah dikecualikan memandangkan aktiviti secara bersemuka tidak dapat dilaksanakan bagi mengawal penularan wabak COVID-19.

## MELANGKAH KE HADAPAN

Untuk tahun 2022, fokus akan diberikan kepada perkara-perkara berikut :

- a) Peningkatan pembudayaan KBAT di sekolah dengan penekanan pembelajaran Abad Ke 21 untuk semua sekolah rendah dan menengah.
- b) Penambahbaikan penyediaan murid untuk menghadapi pentaksiran antarabangsa seperti PISA pada tahun 2022 dan TIMSS pada 2023.
- c) Pemantapan kompetensi guru dalam PdP dan pentaksiran item yang memberi penekanan kepada KBAT supaya semua murid mempunyai daya saing yang tinggi bagi menghadapi cabaran global.





## 4.2 PROGRAM LITERASI DAN NUMERASI SEKOLAH RENDAH (PLaN)

### PENGENALAN

Program Literasi dan Numerasi Sekolah Rendah (PLaN) ialah program intervensi khusus untuk murid Tahun 2 dan Tahun 3 yang belum menguasai sekurang-kurangnya tahap penguasaan minimum (TP3) dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik. Pada tahun 2021, PLaN diperluaskan daripada 800 kepada 2,536 buah sekolah rendah terpilih di seluruh negara. Sekolah diberi autonomi untuk melaksanakan program intervensi yang bersesuaian mengikut keperluan murid dan keupayaan sekolah.



### FOKUS 2021

1. Penambahbaikan program intervensi khusus kepada murid Tahun 2 dan Tahun 3 yang tidak mencapai Tahap Penguasaan Minimum bagi Literasi Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik.
2. Peningkatan guru yang mencapai tahap cemerlang dalam pengajaran berfokus dan terbeza berdasarkan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2) dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik.



## PENCAPAIAN 2021

### Pencapaian Murid Tahun 2 dan Tahun 3 Sekurang-kurangnya Tahap Penguasaan 3 (TP3) bagi Mata Pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik

Mata Pelajaran	Tahun 2		Peningkatan
	2020	2021	
Bahasa Melayu	<b>82.85%</b>	<b>84.85%</b>	<b>+ 2%</b>
Bahasa Inggeris	<b>79.16%</b>	<b>83.76%</b>	<b>+ 4.6%</b>
Matematik	<b>84.11%</b>	<b>87.75%</b>	<b>+ 3.64</b>

Mata Pelajaran	Tahun 3		Peningkatan
	2020	2021	
Bahasa Melayu	<b>88.73%</b>	<b>90.55%</b>	<b>+ 1.82%</b>
Bahasa Inggeris	<b>82.60%</b>	<b>87.73%</b>	<b>+ 5.13%</b>
Matematik	<b>88.36%</b>	<b>90.81%</b>	<b>+ 2.45%</b>

PLaN diteruskan semasa perintah kawalan pergerakan 3.0 yang bermula 1 Jun sehingga 10 Disember 2021. Walaupun pembelajaran dilaksanakan secara dalam talian dan di rumah, terdapat peningkatan yang signifikan untuk mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik seperti dalam jadual di atas.

### Peratus Guru yang Mencapai Tahap Cemerlang dalam Pengajaran Berfokus dan Terbeza berdasarkan SKPMg2 dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik



Guru melaksanakan penilaian sendiri terhadap proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) bagi mata pelajaran yang diajar (Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris atau Matematik). Pentadbir sekolah juga menjalankan penilaian terhadap guru yang terlibat dengan menggunakan instrumen SKPMg2 iaitu Standard 4 Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) aspek 4.1 sehingga 4.6.

#### Deskripsi Tahap Pencapaian Guru dalam SKPMg2

Tahap	Markah
Cemerlang	<b>90% ke atas</b>
Baik	<b>80-89%</b>
Sederhana	<b>50-79%</b>
Lemah	<b>0-49%</b>




## MELANGKAH KE HADAPAN

Pada tahun 2022, inisiatif ini akan melaksanakan aktiviti berikut:

- a) Peluasan PLaN ke semua sekolah rendah. Intervensi yang dilaksanakan akan lebih bersasar berdasarkan peratus murid yang masih tidak menguasai Tahap Penguasaan Minimum (TP3) khususnya untuk Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik.
- b) Penyediaan bahan bantu belajar murid mengikut Tahap Penguasaan 1 hingga 3 khas untuk kegunaan murid Tahun 2 dan Tahun 3.
- c) Pemerksaan pengetahuan dan kompetensi guru dalam PdP khusus untuk:
  - pembangunan bahan bantu mengajar khusus bagi murid-murid yang masih belum mencapai TP3,
  - pendekatan intervensi yang berfokus dan terbeza secara dalam talian dan bersemuka;
  - pembangunan item pentaksiran PBD, dan
  - pemantapan *Professional Learning Community* (PLC) sebagai mentor dan pembimbing rakan sekerja.
- d) Pemerksaan pengurusan dan kepimpinan sekolah untuk memastikan kualiti PdP untuk PLaN.
- e) Peningkatan pelibatan ibu bapa, komuniti dan pihak swasta sebagai rakan strategik untuk meningkatkan tahap literasi dan numerasi murid.





## 4.3 PENGUKUHAN PENDIDIKAN STEM



### PENGENALAN

Inisiatif Pengukuhan Pendidikan STEM bertujuan memastikan murid dilengkapi kemahiran yang diperlukan untuk menghadapi cabaran dunia yang sedang berubah dengan pengaplikasian pengetahuan dan kemahiran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Pelbagai program dan aktiviti yang dilaksanakan dalam inisiatif ini

memberi tumpuan khusus kepada peningkatan kemahiran dan kebolehan guru serta meningkatkan kesedaran dan minat murid terhadap STEM. Perkara ini merupakan satu langkah penting bagi menyediakan murid-murid menjadi pekerja berkemahiran tinggi yang diperlukan oleh industri khususnya dalam era Revolusi Perindustrian 4.0 (4IR). Hal ini selari dengan usaha Kementerian bagi mengukuhkan pendidikan STEM pada peringkat sekolah untuk memastikan negara mempunyai bilangan siswazah STEM yang berkelayakan dan mencukupi bagi memenuhi keperluan tenaga kerja industri.

### FOKUS 2021

1. Pengukuhan pedagogi guru bidang STEM yang berfokus kepada latihan guru dalam pendekatan berasaskan inkuiri.
2. Penggalakan murid menengah atas memilih pakej STEM.
3. Pemantapan instrumen pengukuran tahap pembudayaan STEM murid.



## PENCAPAIAN 2021

### PENGUKUHAN PEDAGOGI GURU BIDANG STEM

Program pembangunan profesional berterusan telah disediakan untuk guru bagi memastikan mereka dapat menyampaikan kurikulum bidang STEM dengan berkesan.

- a. Seramai 2,254 orang guru telah menyertai **Bengkel Kerja *Inquiry-Based Science Education (IBSE)*** yang dilaksanakan secara hibrid dan melibatkan 82 buah pejabat pendidikan daerah (PPD). Peserta terdiri daripada Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (SISC+) dan guru Sains. Bengkel kerja ini dilaksanakan oleh jabatan pendidikan negeri (JPN) dengan kerjasama Pusat STEM Negara. Modul latihan yang digunakan adalah berdasarkan Modul IBSE yang dibangunkan oleh *Fondation La main à la pâte*, Perancis. Bengkel kerja ini bertujuan:
- (i) memberi pengalaman *hands-on* kepada peserta untuk mengaplikasikan amalan saintis, dan
  - (ii) membekalkan ilmu dan kemahiran berkenaan dengan pendekatan pembelajaran berasaskan inkuiri.



- b. Seramai 300 orang guru Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) telah mengikuti **Program *1,2,3...Code!*** menggunakan pendekatan IBSE yang dilaksanakan secara dalam talian. Peserta terdiri daripada guru mata pelajaran RBT yang mengajar di sekolah rendah dan melibatkan enam (6) pusat bengkel mengikut zon (Timur, Selatan, Utara, Tengah, Sabah/ Labuan dan Sarawak). Bengkel kerja ini dilaksanakan oleh Pusat STEM Negara dengan kerjasama *International Science, Technology and Innovation Centre for South-South Cooperation (ISTIC)* dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kuala Lumpur. Modul latihan yang digunakan berdasarkan Modul *Projek 1,2,3...Code!* yang dibangunkan oleh *Fondation La main à la pâte*, Perancis. Program ini bertujuan membekalkan ilmu pengetahuan dan kemahiran, serta pengalaman *hands-on* kepada guru RBT berkenaan Sains Komputer menerusi aktiviti *unplugged* dan *plugged*.









- c. Seramai 160 orang guru telah mengikuti **Program Inovasi Pendidik** yang dilaksanakan secara bersemuka atau dalam talian. Peserta terdiri daripada guru mata pelajaran Sains dan Matematik dan melibatkan empat (4) bengkel yang dilaksanakan di Selangor, Johor, Negeri Sembilan dan Sarawak. Program ini dilaksanakan oleh Pusat STEM Negara dengan kerjasama Pusat Sains Negara, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Modul latihan yang digunakan dibangunkan oleh Pusat Sains Negara. Bengkel kerja ini bertujuan untuk meningkatkan kreativiti dan kemahiran guru supaya lebih menarik dan berkesan dalam konteks pembelajaran tidak formal.



Pendidikan STEM pada dasarnya menekankan penyepaduan mata pelajaran bidang STEM menggunakan pendekatan interdisiplin dan aplikasi konteks sebenar. Pendidikan STEM menggalakkan murid bertanya dan meneroka persekitaran melalui inkuiri dan menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan dunia sebenar ke arah membudayakan amalan STEM. Dua (2) program telah dilaksanakan untuk mendedahkan pendidikan STEM bersepadu (*integrated STEM education*) kepada guru bidang STEM:

- d. Seramai 42 orang guru Sains, Matematik, RBT, Asas Sains Komputer dan Sains Komputer telah membangunkan **Modul Pendidikan STEM Bersepadu** yang memuatkan 24 contoh aktiviti kokurikulum STEM. Program ini dilaksanakan oleh Pusat STEM Negara dan Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK). Aktiviti tersebut dibangunkan berdasarkan kerangka pendidikan STEM bersepadu yang dibangunkan oleh Pusat STEM Negara, Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV), dan Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP).



- e. **Persidangan Antarabangsa Pendidikan STEM Kali Ketiga (ICSTEM 2021)** telah disertai oleh 758 orang warga KPM yang terdiri daripada 247 orang pembentang dan 511 orang peserta. ICSTEM 2021 bertemakan 'Implementation of Integrated STEM Education'. ICSTEM 2021 dianjurkan oleh Pusat Asasi STEM, Universiti Terengganu Malaysia (PASTEM, UMT) dan Pusat STEM Negara.



Sila imbas kod QR untuk menyaksikan video



## PENGGALAKAN MURID MENENGAH ATAS MEMILIH PAKEJ STEM

Peratus murid menengah atas yang memilih mata pelajaran bidang STEM adalah sebanyak 40.95% (152,568 orang murid). Program STEM4ALL telah dilaksanakan dengan tujuan untuk memastikan ibu bapa, pendidik, pentadbir sekolah dan pemegang taruh swasta bersama-sama dalam (i) meningkatkan minat dan kesedaran murid terhadap STEM dan (ii) membantu murid untuk kekal fokus kepada pembelajaran dan mengurangkan *learning loss* sewaktu Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR). Terdapat pelbagai aktiviti yang dilaksanakan di bawah program STEM4ALL. Selain itu, Kolokium Pendidikan STEM Peringkat Kebangsaan turut dilaksanakan bagi mempromosikan pendidikan STEM dan kerjaya bidang STEM, khasnya kepada pemimpin sekolah, pendidik dan guru kaunseling.



a. STEM4ALL: STEM Hackathon



Program STEM Hackathon 2021 merupakan satu program yang berkonsepkan pendidikan digital. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran pengaturcaraan murid untuk mereka bentuk prototaip bagi menyelesaikan masalah dalam kehidupan seharian.

Agensi yang bekerjasama dalam program ini ialah Telekom Malaysia, Universiti Multimedia dan Creative Minds. Program yang dilaksanakan secara dalam talian disertai oleh 600 orang murid dan 100 orang guru (mentor).

b. STEM4ALL: EduSTEM

Program EduSTEM bertujuan untuk memberikan pendedahan berkaitan pemikiran reka bentuk dan kemahiran pengaturcaraan kepada guru dan murid melalui penggunaan teknologi masa kini. Pelaksanaan program ini adalah dengan kerjasama Pusat STEM Negara dan Cybertech Security Sdn. Bhd.

Program berkenaan dilaksanakan secara dalam talian dengan pelibatan 643 orang guru dan murid daripada lapan (8) buah sekolah menengah luar bandar di negeri Perak.



c. STEM4ALL: STEM Street



Program STEM Street dilaksanakan secara dalam talian melalui saluran YouTube Pusat STEM Negara. Pelaksanaan program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada murid berkaitan kerjaya dalam bidang STEM yang boleh diceburi.



Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Telekom Malaysia (TM), Creative Minds, Technip FMC dan Dyson Malaysia. Wakil agensi berkenaan berkongsi pengalaman dan pengetahuan kepada murid.

Jumlah tontonan yang direkodkan ketika program berlangsung adalah seramai 9,993 orang yang merangkumi guru, murid dan ibu bapa.



#### d. STEM4ALL: Waku Waku STEM

Program *Waku Waku* STEM dilaksanakan sebanyak dua kali di Selangor dan Perak. Perkataan "*waku waku*" berasal daripada Bahasa Jepun yang membawa maksud keseronokan. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengalaman baharu kepada guru dan murid melalui pembelajaran interaktif dan aktiviti silang budaya. Guru dan murid diberi pendidikan bahawa STEM wujud dalam kehidupan dan amalan budaya sesuatu masyarakat. Pelaksanaan program ini adalah dengan kerjasama daripada beberapa agensi swasta seperti Gakken Classroom Malaysia, Japan Travel Bureau Malaysia, Akademi Cakap Jepun dan SPRIX TOFAS.

Program ini dilaksanakan secara dalam talian melalui saluran YouTube dan Facebook Pusat STEM Negara. Peserta yang menyertai program ini terdiri daripada murid, guru, pelajar universiti, pensyarah, ibu bapa serta pegawai daripada KPM, JPN dan PPD. Sehingga kini *Waku Waku* STEM @ Selangor merekodkan jumlah tontonan sebanyak 44,582 dan *Waku Waku* STEM @ Perak mencatatkan sebanyak 31,442 tontonan.



**e. STEM4ALL: Adiwira STEM**

Adiwira STEM adalah satu projek penghasilan video pendek bagi mempromosikan pendidikan STEM dan ditayangkan di platform media sosial. Program yang berbentuk penghasilan video pendek ini menampilkan selebriti ikon STEM bagi memberikan pengenalan dan berkongsi pendapat tentang STEM. Video ini menampilkan Professor Emerita Dato' Seri Mazlan Othman, seorang ahli astrofizik negara dan juga pengasas Agensi Angkasa Negara sebagai ikon STEM.



**f. Kolokium Pendidikan STEM Peringkat Kebangsaan**

Kolokium Pendidikan STEM Peringkat Kebangsaan 2021 dilaksanakan dengan kerjasama Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Telekom Malaysia (TM) secara dalam talian. Kolokium ini bertujuan meningkatkan kompetensi guru, berkongsi amalan terbaik serta mendedahkan kerjaya STEM kepada peserta.

Pelaksanaan kolokium ini berjaya mewujudkan rangkaian kerjasama antara penggubal dasar, ahli akademik, pendidik, kaunselor, agensi kerajaan dan bukan kerajaan untuk berkongsi ilmu pengetahuan dan pengalaman dalam melaksanakan program berkaitan pendidikan STEM.

Seramai 66,000 orang peserta yang terdiri daripada guru bidang STEM, guru kaunseling, guru besar, pengetua dan individu dari agensi luar telah menyertai kolokium ini.



## PEMANTAPAN INSTRUMEN PEMBUDAYAAN STEM MURID

Pelaksanaan program dan aktiviti STEM dalam kalangan murid merupakan satu daripada usaha secara berterusan agar minat dan kecenderungan murid untuk memilih bidang STEM dapat dikekalkan sehingga peringkat pemilihan kerjaya.

Pembudayaan pendidikan STEM merujuk kepada proses pelibatan individu dalam isu mengenai STEM dan menyumbang idea bagi menyelesaikan isu berkaitan STEM.

Selaras dengan kepentingan Pendidikan STEM, instrumen penanda aras (indeks) sebagai alat untuk mengukur tahap pembudayaan pendidikan STEM di Malaysia telah dibangunkan. Instrumen yang dihasilkan melibatkan konstruk Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), Sikap, Kokurikulum dan Literasi (rendah, menengah rendah dan menengah atas). Terdapat tiga (3) instrumen yang berbeza bagi murid sekolah rendah, menengah rendah dan menengah atas.

Instrumen yang dihasilkan telah melalui dua (2) kali kajian rintis dan dapatan menunjukkan instrumen mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Berdasarkan analisis instrumen, model *second-order* CFA (SOCFA) bagi setiap konstruk menunjukkan fit kepada data kerana faktor muatan setiap item melebihi 0.5 dan kebolehpercayaan komposit melebihi 0.6. Bagi konstruk literasi, item yang menepati aras kesukaran melebihi 1.70 (Sangat Tinggi), 1.35 – 1.69 (Tinggi), 0.65 – 1.34 (Sederhana), 0.35 – 0.64 (Rendah), 0.01 – 0.34 (Sangat Rendah) diterima.

KONSTRUK	BIL ITEM	FAKTOR MUATAN (>0.5)	KEBOLEHPERCAYAAN KOMPOSIT (>0.6)
Pengajaran dan Pembelajaran	24	0.58 - 0.93	0.71 - 0.93
Sikap	24	0.71 - 0.86	0.86 - 0.93
Kokurikulum	24	0.71 - 0.86	0.87 - 0.91

KONSTRUK	BIL ITEM	ARAS KESUKARAN	INTERPRETASI
Literasi Sekolah Rendah	32	0.04 - 1.72	Sangat Rendah – Sangat Tinggi
Literasi Menengah Rendah	17	0.05 - 1.49	Sangat Rendah - Tinggi
Literasi Menengah Atas	18	0.05 - 1.47	Sangat Rendah - Tinggi



## MELANGKAH KE HADAPAN

Pendidikan STEM merujuk kepada penyepaduan disiplin sains, teknologi dan matematik dengan mengaplikasikan amalan kejuruteraan untuk mereka bentuk teknologi yang boleh menyelesaikan masalah dunia sebenar. Walaupun amalan pengajaran dan pembelajaran secara konvensional masih diteruskan dengan pengkhususan mata pelajaran bidang STEM secara berasingan, guru perlu dilengkapi dengan pengetahuan tentang pendekatan pendidikan STEM. Melalui pendidikan ini, murid memperoleh pengalaman penyelesaian masalah dalam situasi dunia sebenar secara integratif dan interdisiplin, dan seterusnya membudayakan amalan ini dalam kehidupan seharian.

Program pembangunan profesional guru akan berfokus kepada pembangunan kemahiran dan keyakinan guru bidang STEM dalam pelaksanaan pendidikan STEM bersepadu. Pelbagai program pendidikan STEM perlu dilaksanakan bagi meningkatkan pengalaman autentik menyelesaikan masalah sebenar dalam kalangan murid.

Kementerian berusaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan STEM bagi menginspirasi murid tentang STEM dan kerjaya bidang STEM, dan seterusnya meningkatkan minat, enrolmen, keyakinan dan kompetensi murid dalam STEM. Pelibatan pemegang taruh *quadruple helix* penting untuk bersama-sama menyumbang idea, sumber dan kepakaran dalam melaksanakan program pendidikan STEM dan seterusnya membangunkan bakat STEM yang dihasratkan.





## 4.4 PEMARTABATAN PENDIDIKAN BAHASA MELAYU

### Pengenalan

Inisiatif Pemartabatan Pendidikan Bahasa Melayu diwujudkan untuk menyokong program memartabatkan bahasa Melayu bagi meningkatkan keterampilan berbahasa murid dalam bahasa Melayu. Inisiatif ini juga menyediakan latihan ilmu pedagogi kepada guru Bahasa Melayu bagi meningkatkan kompetensi guru dalam PdP Bahasa Melayu. Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM) yang telah dibangunkan adalah dokumen rujukan untuk memastikan standard bahasa yang digunakan dalam kurikulum dan pentaksiran serta penyediaan bahan bantu mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu. Menjelang tahun 2025, sasaran inisiatif ini adalah untuk memastikan pencapaian gred kepujian mata pelajaran Bahasa Melayu dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) meningkat setiap tahun dan mencapai 90% kelulusan kepujian.



### FOKUS 2021

1. Pemantapan kandungan KSBM melalui penerbitan edisi kedua.
2. Penyebaran KSBM secara meluas kepada semua warga Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
3. Peningkatan kompetensi dan pedagogi terkini guru Bahasa Melayu untuk meningkatkan pencapaian murid secara holistik.



## PENCAPAIAN 2021

### Pemantapan Kandungan KSBM melalui Penerbitan Edisi Kedua.

KSBM Edisi Kedua ialah dokumen yang telah dimantapkan kandungannya daripada KSBM tahun 2018. Edisi Kedua ini telah ditambah baik kandungan huraian kompetensi dalam deskriptor KSBM bagi Tahap 1 hingga Tahap 6, yang menerangkan kompetensi setiap tahap daripada aspek bahasa, ilmu bahasa dan konteks penggunaan bahasa Melayu dengan lebih jelas.

### KSBM (2018)

#### KERANGKA STANDARD BAHASA MELAYU



Peringkat	Tahap	Kompetensi
TINGGI	6 Sangat Cepak	Keupayaan aspek bahasa, penggunaan kemahiran dan penerapan nilai dalam berbahasa sangat cepak.
	5 Cepak	Keupayaan aspek bahasa, penggunaan kemahiran dan penerapan nilai dalam berbahasa cepak.
PERTENGAHAN	4 Memuaskan	Keupayaan aspek bahasa, penggunaan kemahiran dan penerapan nilai dalam berbahasa memuaskan.
	3 Memadai	Keupayaan aspek bahasa, penggunaan kemahiran dan penerapan nilai dalam berbahasa memadai.
ASAS	2 Terbatas	Keupayaan aspek bahasa, penggunaan kemahiran dan penerapan nilai dalam berbahasa terbatas.
	1 Sangat terbatas	Keupayaan aspek bahasa, penggunaan kemahiran dan penerapan nilai dalam berbahasa sangat terbatas.

### KSBM EDISI KEDUA




KSBM Edisi Kedua juga dipermudahkan dalam bentuk risalah untuk edaran khususnya kepada warga KPM seperti guru, SISC+, pegawai PPD, JPN dan Bahagian KPM.

### Penyebarluasan KSBM

Pada tahun 2021, KSBM telah disebarluaskan melalui dua kaedah utama iaitu *webinar* dan penerbitan artikel. *Webinar* KSBM boleh diakses melalui saluran *YouTube* Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh. Selain itu, maklumat KSBM juga disebarluaskan melalui penulisan artikel dalam *Majalah Dewan Bahasa* secara bulanan bermula Oktober 2021 yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

### Peningkatan Kompetensi dan Pedagogi Terkini Guru Bahasa Melayu

Latihan Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPB) telah diberikan kepada 5,767 orang guru Bahasa Melayu pada tahun 2021. Dapatan kajian rintis terhadap 1,324 orang guru Bahasa Melayu menunjukkan bahawa terdapat peningkatan kompetensi dan pedagogi terkini guru-guru yang telah menerima latihan berdasarkan tiga persepsi, iaitu pentadbir sekolah (261 orang), guru (232 orang), murid (136 orang).





Kompetensi guru Bahasa Melayu juga diukur melalui penghasilan kajian dan inovasi pendidikan. Pada tahun 2021, sejumlah 238 orang guru telah menyertai Konvensyen Bahasa Melayu 2021 (KONBAYU 2021) peringkat kebangsaan pada 27 hingga 29 Julai 2021 yang dianjurkan Kementerian.



**KONBAYU**  
KONVENSYEN PERINGKAT KEBANGSAAN BAHASA MELAYU 2021  
27 - 29 JULAI

*Acara Sepanjang Konbayu*

**Perasmi Pembukaan**  
YBrs. Dr. Rusmini binti Ku Ahmad  
Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia

**Ucap Utama: "Isu, Cabaran dan Hala Tuju Pemartabatan Pendidikan Bahasa Melayu"**  
YBhg. Prof. Datuk Seri Dr. Awang Sariyan  
Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)

**Perasmi Penutupan**  
YBrs. Pn. Nor Asilah binti Osman  
Pengarah IPG Kampus Bahasa Melayu

Maklumat Lanjut: <http://ipgkbm.edu.my/konbayu>

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KONBAYU  
"Bersama-sama Memartabatkan Bahasa Melayu"

Secara dalam Talian YouTube IPG Kampus Bahasa Melayu

Diskusi Pedagogi Terbeza: "Mendepani Realiti PdP"

Apresiasi Kesusasteraan Melayu

Pameran Inovasi & Poster Digital

Pembentangan Selari kertas Kerja Ilmiah Kertas Kerja Kajian Tindakan

KATEGORI	Kajian Ilmiah	Kajian Tindakan	Pameran Inovasi	Pameran Poster
JUMLAH PENYERTAAN	68	48	83	39

Semua kertas kerja pembentangan dalam KONBAYU 2021 boleh diakses melalui:


Sila imbas kod QR untuk pautan



Keterampilan murid berbahasa Melayu juga telah dipupuk dengan penghasilan karya kreatif (sajak, syair dan pantun) melalui Bengkel Sasterawan Muda Tahun 2021. Bengkel ini telah disertai oleh 180 orang guru dan 180 orang murid sekolah menengah yang dilaksanakan secara talian bagi enam zon di seluruh negara. Penghasilan karya murid ini telah diterbitkan dalam buku yang bertajuk Antologi Karya Kreatif Sasterawan Muda.



#### PERATUS MURID YANG MENCAPAI KEPUJIAN DALAM SPM BAHASA MELAYU



Sumber: Lembaga Peperiksaan

## MELANGKAH KE HADAPAN

Pada tahun 2022, Inisiatif Pemartabatan Pendidikan Bahasa Melayu akan meneruskan usaha:

1. Penyebarluasan KSBM kepada semua pihak
  - Pengeluaran Surat Pekeliling Iktisas (SPI) KSBM untuk menyetarakan penggunaan bahasa Melayu dalam semua aktiviti kebahasaan.
  - Penubuhan Jawatankuasa Penarafan KSBM di Akademi Dewan Bahasa dan Pustaka bagi mengawal selia mutu KSBM dan menyebar luas KSBM kepada semua (agensi lain dan pihak awam).
2. Pemeriksaan keterampilan murid berbahasa Melayu dalam aktiviti kebahasaan dan pertandingan di dalam dan luar bilik darjah.
3. Pemantapan latihan ilmu pedagogi guru melalui pelbagai pendekatan dan strategi dalam PdP Bahasa Melayu untuk meningkatkan pencapaian murid secara holistik.





## 4.5 PENGUKUHAN PENDIDIKAN BAHASA INGGERIS

### PENGENALAN

Inisiatif Pengukuhan Pendidikan Bahasa Inggeris bertujuan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid prasekolah sehingga ke menengah atas untuk mencapai tahap profisiensi yang diaspirasikan berdasarkan piawaian antarabangsa *Common European Framework of Reference for Languages (CEFR)*. Inisiatif ini merangkumi empat (4) program utama iaitu *Professional Upskilling of English Language Teachers (Pro-ELT)*, *Highly Immersive Programme (HIP)*, Program Peningkatan Kemahiran Bahasa Inggeris di Sekolah (PPKBIS) dan *Dual Language Programme (DLP)*.



#### **The Common European Framework of Reference for Languages (CEFR)**

merupakan satu kerangka antarabangsa yang di bina oleh Majlis Eropah (*Council Of Europe*) bertujuan menyeragamkan tahap profisiensi dalam empat kemahiran berbahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Kerangka CEFR ini boleh digunakan untuk mana-mana bahasa bagi tujuan tersebut dan ia mempunyai enam tahap penguasaan kemahiran penggunaan bahasa iaitu:

<b>A1</b>	Permulaan ( <i>Beginner</i> )
<b>A2</b>	Kemahiran Asas ( <i>Elementary</i> )
<b>B1</b>	Pertengahan ( <i>Intermediate</i> )
<b>B2</b>	Pertengahan Atas ( <i>Upper Intermediate</i> )
<b>C1</b>	Maju ( <i>Advance</i> )
<b>C2</b>	Mahir ( <i>Proficient</i> )

### FOKUS 2021

1. Peningkatan profisiensi guru opsyen bahasa Inggeris sekolah rendah dan menengah untuk mencapai tahap penguasaan minimum CEFR C1.
2. Peningkatan penguasaan bahasa Inggeris murid untuk mencapai sasaran yang diaspirasikan berdasarkan piawaian antarabangsa CEFR.
3. Penghasilan modal insan yang mahir berbahasa Inggeris untuk meningkatkan kebolehpasaran pada peringkat global.



## PENCAPAIAN 2021

### 1. *Professional Upskilling of English Language Teachers (Pro-ELT)*

Pro-ELT bertujuan untuk meningkatkan profisiensi guru opsyen bahasa Inggeris agar guru yang mengikuti program ini dapat mencapai tahap penguasaan minimum CEFR C1.


Guru akan mengikuti pakej latihan Pro-ELT *Enhance (Proficient)* yang dilaksanakan secara dalam talian. Pakej latihan ini merangkumi lima (5) komponen kemahiran bahasa iaitu *Grammar & Vocabulary, Listening, Speaking, Reading, dan Writing*. Pakej latihan ini menggabungkan kaedah pembelajaran segerak dan tak segerak, penilaian sendiri dan toolkit penilaian sendiri melalui pelantar *Google Classroom*. Guru yang menyertai pakej latihan ini juga dibimbing oleh kumpulan fasilitator yang terlatih.

Pada tahun 2021, 49.89% (18,878 daripada 37,843 orang) guru opsyen bahasa Inggeris yang telah menduduki ujian profisiensi BI mencapai tahap penguasaan minimum CEFR C1.

### 2. *Highly Immersive Programme (HIP)*

HIP merupakan program yang dilaksanakan di 10,000 buah sekolah di seluruh negara. Program ini menyediakan persekitaran bahasa Inggeris yang kondusif pada peringkat sekolah untuk membolehkan murid menghayati dan menggunakan bahasa Inggeris dalam persekitaran yang imersif.

Peratus sekolah yang berjaya mencapai persekitaran imersif tahap 3 dan 4 untuk tahun 2019, 2020 dan 2021.



Sumber: *English Language Teaching Centre (ELTC)*

### 3. *Program Peningkatan Kemahiran Bahasa Inggeris di Sekolah (PPKBIS)*

PPKBIS memberi tumpuan kepada 125 buah sekolah *hotspot* yang mencapai peratus lulus Bahasa Inggeris dalam peperiksaan SPM di bawah 77 peratus. Objektif program ini adalah untuk meningkatkan kemahiran murid menengah atas dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris (BI) terutamanya pada peringkat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).



Mulai tahun 2021, pencapaian murid dalam peperiksaan SPM merupakan garis asas (*baseline*) yang berlandaskan CEFR. Peratus murid yang mencapai sekurang-kurangnya tahap CEFR B1 adalah 44.7%.

#### 4. *Dual Language Programme (DLP)*

Pelaksanaan DLP bertujuan untuk memberi peluang kepada murid untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris murid melalui pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sains dan Matematik; memberi peluang kepada murid untuk meningkatkan akses bagi penerokaan pelbagai bidang ilmu untuk bersaing pada peringkat global; dan meningkatkan kebolehpasaran murid dalam alam pekerjaan.

87.5% murid yang mengikuti DLP mencapai tahap CEFR B1 bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris SPM tahun 2021.

### MELANGKAH KE HADAPAN

#### a) Peningkatan Profisiensi Guru Bahasa Inggeris

Seramai 6,000 orang guru opsyen bahasa Inggeris akan mengikuti pakej latihan Pro-ELT *Enhance (Proficient)* dan menduduki ujian profisiensi pasca-latihan untuk mencapai tahap penguasaan minimum CEFR C1.



#### b) Peningkatan Penguasaan Bahasa Inggeris Murid

HIP, PPKBIS dan DLP adalah program sedia ada yang akan diteruskan bagi meningkatkan penguasaan murid dalam bahasa Inggeris.

- i) HIP akan dilaksanakan secara berterusan di 10,000 buah sekolah rendah dan menengah di seluruh negara.
- ii) 100 buah sekolah *hotspot* yang dikenal pasti akan diberi sokongan melalui PPKBIS bagi meningkatkan pencapaian SPM.
- iii) *Dual Language Program (DLP)*

DLP merupakan program yang memberi pilihan kepada sekolah untuk menggunakan bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) mata pelajaran Sains dan Matematik. Penyertaan sekolah dalam DLP adalah berdasarkan empat (4) kriteria yang ditetapkan oleh KPM. Sebanyak 2,297 buah sekolah, iaitu 1,579 buah sekolah rendah dan 718 buah sekolah menengah akan terus melaksanakan DLP.



## 4.6 PEMANTAPAN PROFESIONALISME PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP)

### PENGENALAN

Pemantapan Profesionalisme Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) merupakan satu inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang komprehensif, bersepadu dan berterusan bagi meningkatkan kompetensi profesional dan kualiti PPP yang melaksanakan tugas sebagai pemimpin, pegawai pendidikan, guru dan pensyarah di pelbagai peringkat institusi KPM termasuklah di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Bahagian KPM.

Matlamat utama inisiatif ini adalah untuk memastikan PPP terus kekal berkualiti sepanjang tempoh perkhidmatan mereka sekali gus dapat meningkatkan prestasi dan kemenjadian murid.

Pada tahun 2021, pelbagai program pemantapan profesionalisme PPP telah dilaksanakan seperti Penubuhan Jawatankuasa Induk (JKI) dan Jawatankuasa Kerja (JKK) Laluan Pakar Bidang Khusus Pendidikan (*Subject Matter Expert-SME*), Aktiviti Kesarjanaan Pemimpin Sekolah, Pembestarian Pemimpin Muda dan Pemimpin Sistem, Latihan Pemantapan Pedagogi, Pentaksiran, Peluasan Modul Komuniti Pembelajaran Profesional (*Professional Learning Community-PLC*), Pelaksanaan Program Kesejahteraan Psikologi, Program Literasi Perundangan dan Kes-Kes Salah Laku Penjawat Awam.

### FOKUS 2021

1. Penyediaan dan pemantapan Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan:
  - kerangka Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPB) yang berstruktur,
  - kamus kompetensi PPP berdasarkan gred, jawatan dan laluan kerjaya serta bidang kepakaran khusus PPP.
2. Peningkatan kompetensi pemimpin di sekolah dan bahagian dalam bidang-bidang seperti perundangan, komunikasi, pemikiran strategik, sistem pengurusan kualiti organisasi, pengurusan sumber dan pembudayaan inovasi kepimpinan.
3. Pemantapan kompetensi guru melalui program pemantapan pedagogi dan pentaksiran.
4. Peningkatan kesejahteraan PPP dari aspek psikologi (emosi dan minda) melalui Program Intervensi Kesejahteraan Psikologi PPP serta pengetahuan aspek perundangan berkaitan pendidikan dan penjawat awam.



## PENCAPAIAN 2021

### Pemantapan Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan

- Kerangka Pelan PPB Berstruktur telah berjaya dibangunkan.
- 4 bidang kepakaran khusus pendidikan bagi Laluan SME KPM disyorkan dalam Mesyuarat JKK Laluan SME KPM.



### Kecemerlangan Pemimpin Pendidikan (Pemimpin Muda dan Pemimpin Sistem)

- 176 daripada 195 (90.25%) orang peserta kursus Kepimpinan Pemimpin Muda telah memperolehi sekurang-kurangnya tahap tinggi dalam kompetensi yang ditetapkan.
- 110 daripada 138 (79.7%) pegawai di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dari Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Kelantan dan Terengganu yang mengikuti Kursus Kepimpinan telah mencapai tahap tinggi.
- Aktiviti Kesarjanaan Pemimpin Pendidikan:
  - 90 pemimpin sekolah (guru penolong kanan baharu) di Negeri Sembilan dan Johor telah berjaya menamatkan aktiviti kesarjanaan penulisan dan membentangkan hasil kursus dalam kolokium dan diterbitkan dalam Buku Bicara Pemimpin.
  - 105 pemimpin sekolah di Perak, Perlis, Selangor dan Melaka telah berjaya menamatkan aktiviti kesarjanaan penyelidikan.
  - 95 pemimpin sekolah di Negeri Sembilan, Selangor, Melaka dan Johor telah berjaya menamatkan aktiviti kesarjanaan inovasi.

### Pemantapan Kompetensi PPP

Aktiviti peningkatan kompetensi PPP berkaitan aplikasi ICT, kreativiti dan inovasi pedagogi dilaksanakan berdasarkan analisa keperluan latihan, aktiviti PLC serta kolokium.

Berdasarkan data SPL KPM tahun 2021, seramai 94.15% PPP daripada 68,246 orang PPP gred 44 hingga 52 telah berjaya ditingkatkan kompetensi melalui bimbingan dalam pedagogi berbantuan ICT, pentaksiran dan pembudayaan PLC.



### Kesejahteraan Psikologi PPP

- 19,655 daripada 416,743 PPP (4.75%) telah menjalani inventori Kesejahteraan Psikologi (iKPSi) dan dari jumlah tersebut 98.7% berada pada tahap sekurang-kurangnya tahap sederhana tinggi.

Bagi meningkatkan kesejahteraan PPP, KPM telah melaksanakan aktiviti berikut :

- Penganjuran *Webinar* Forum Literasi Undang-undang dan Salah Laku,
- Pembangunan Modul Latihan Kesejahteraan Psikologi serta bahan Literasi Undang-undang.

## MELANGKAH KE HADAPAN



Pada tahun kedua gelombang ketiga PPPM 2013-2025, iltizam Kementerian akan diteruskan dalam memartabatkan profesion keguruan melalui usaha meningkatkan kompetensi profesional dan kualiti Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang terdiri daripada pemimpin, guru, pegawai pendidikan dan pensyarah di pelbagai institusi KPM. Antara usaha yang akan dilaksanakan adalah:

1. Penerbitan Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan 2.0. Pelan ini merangkumi dokumen panduan pelaksanaan pembangunan profesionalisme berterusan, kamus kompetensi berasaskan laluan kerja, pelan strategik, panduan pelaksanaan laluan kerjaya PPP, pelaksanaan mata kredit MyPPB
2. Pemeriksaan kompetensi kepimpinan dalam kalangan pemimpin termasuk pemimpin muda di KPM dengan berfokus kepada kepimpinan masa hadapan
3. Peningkatan kompetensi PPP dalam bidang kepimpinan instruksional, ilmu pentaksiran, ilmu pedagogi, ilmu kandungan dan literasi pemikiran pasak 9 secara bersemuka dan dalam talian
4. Peluasan pelaksanaan iKPSi, pembinaan instrumen dan modul intervensi pembangunan kerjaya guru
5. Peningkatan kesedaran literasi undang-undang melalui pelbagai medium kepada semua PPP
6. Pembangunan dokumen garis panduan pelaksanaan mobiliti dan fleksibiliti dalam laluan kerjaya PPP dan pembangunan laluan pakar bidang khusus Pendidikan (PBKP)- SME di KPM





## 4.7 TRANSFORMASI IPG UNTUK MENINGKATKAN KUALITI LATIHAN GURU

### PENGENALAN

Pada tahun 2021, Pelaksanaan Inisiatif Transformasi IPG untuk meningkatkan kualiti latihan guru selaras dengan pelan dalam Bab 5 PPPM 2013 - 2025 berkaitan dengan guru dan pemimpin sekolah yang menggariskan anjakan 4 ke arah mentransformasikan profesion keguruan menjadi profesion pilihan. Pelaksanaan inisiatif ini berupaya memacu dan menyokong pencapaian visi Institut Pendidikan Guru sebagai peneraju kecemerlangan pendidikan guru. Hasrat ini mampu dicapai melalui program-program peningkatan kualiti latihan perguruan pra dan dalam perkhidmatan bagi melahirkan guru yang berkualiti sepanjang perkhidmatan. Matlamat akhir inisiatif ini adalah untuk menjadikan IPG sebagai peneraju kepada kecemerlangan pendidikan guru, setanding pemberi latihan perguruan peringkat global.

### FOKUS 2021

1. Penghasilan guru berkualiti melalui peningkatan kualiti modul-modul latihan yang dihasilkan menepati Standard Modul dan pelaksanaan Program Ijazah Sarjana Perguruan yang mematuhi standard pengiktirafan antarabangsa.
2. Memperkasakan Pemimpin IPG bagi mencapai tahap piawaian unggul berdasarkan Standard Kompetensi Pemimpin IPG.
3. Peningkatan kualiti IPGK melalui peningkatan tahap pencapaian berdasarkan Standard Penarafan IPG.



## PENCAPAIAN 2021

Standard Modul bagi menjamin kualiti modul-modul latihan yang dikeluarkan oleh IPG telah siap dibangunkan dan mula digunakan. Hasil audit ke atas modul-modul latihan sedia ada mendapati 25% telah mematuhi Standard Modul.

Program Ijazah Sarjana Perguruan (PISP) Pedagogi yang ditawarkan oleh IPG telah berjaya mendapat akreditasi sementara daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Dengan adanya pengiktirafan ini, IPG kini juga akan menjadi salah satu institusi yang menawarkan program sarjana dalam bidang pedagogi dalam pendidikan yang setanding dengan institusi pendidikan tinggi lain.



**PISP Mendapat Akreditasi (MQA-01)**



### Standard Pemimpin IPG

- Standard Pemimpin IPG telah berjaya dihasilkan.
- Hasil profiling mendapati 15% Pemimpin IPG telah mencapai tahap Unggul.

### Standard Penarafan IPG

- IPG telah berjaya menghasilkan Standard Penarafan IPG yang akan diguna pakai bagi memastikan kualiti semua IPG di seluruh negara mencapai standard yang ditetapkan. Pada tahun 2021, kajian awal yang telah dijalankan bagi mengenal pasti *baseline* tahap penarafan IPG menunjukkan IPG berada pada tahap sederhana.

### Deskripsi Standard Penarafan

Markah	Tahap
90 - 100%	Cemerlang
80 - 89.9%	Baik
50 - 79.99%	Sederhana
20 - 49.99%	Lemah
0 - 19.99%	Sangat Lemah

## MELANGKAH KE HADAPAN

- Peningkatan peratus kualiti IPGK kepada tahap baik berdasarkan Standard Penarafan IPG yang ditetapkan.
- Peningkatan bilangan pemimpin IPG mendapat tahap unggul berdasarkan Standard Penarafan Pemimpin IPG.
- Peningkatan tahap kualiti pensyarah agar mencapai tahap kualiti cemerlang dalam reka bentuk dan penyampaian kurikulum, pementoran dan bimbingan, sumbangan dan pelibatan, konsultasi, penulisan dan pengkaryaan, pemanfaatan digital, kerjasama dan pelibatan dengan pihak luar dan antarabangsa.
- Peningkatan kualiti latihan agar mencapai sekurang-kurangnya tahap baik dalam pengurusan pembangunan profesionalisme berterusan pegawai perkhidmatan pendidikan yang meliputi latihan berstruktur, penghasilan modul-modul latihan yang mematuhi standard, penawaran kursus secara MOOC, pemanfaatan digital, dan pelibatan melalui kerjasama dengan pihak luar dan antarabangsa.





## 4.8 PEMERKASAAN INSTITUT AMINUDDIN BAKI (IAB) BAGI PENINGKATAN KUALITI PEMBANGUNAN KEPIMPINAN PENDIDIKAN

### PENGENALAN

Inisiatif Pemerksaan Institut Aminuddin Baki (IAB) bermula pada tahun 2019 bertujuan menjadikan IAB sebagai pusat pembangunan kepimpinan pendidikan yang terbilang. Bagi melahirkan kepimpinan pendidikan berprestasi tinggi, IAB perlu memastikan khidmat pembangunan dan intelektualnya sentiasa berkualiti tinggi dan bersifat dinamik. Oleh itu, fokus utama inisiatif ini adalah memperkasakan pensyarah secara menyeluruh dan membangunkan kepakaran pensyarah dalam pelbagai bidang. Usaha ini selari dengan Anjakan 5 PPPM 2013-2025 iaitu untuk memastikan kepimpinan berprestasi tinggi ditempatkan di setiap sekolah.



### FOKUS 2021

1. Peningkatan kompetensi pensyarah dalam pelbagai bidang kepimpinan pendidikan bagi memantapkan keterampilan pensyarah.
2. Pembangunan kepakaran pensyarah bagi mendapatkan pengiktirafan profesional daripada badan bertauliah.
3. Pemantapan khidmat konsultasi IAB dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan.





## PENCAPAIAN 2021

### Peningkatan Kompetensi Pensyarah

Seramai 24 orang (8%) daripada 300 pensyarah memenuhi kriteria pensyarah cemerlang. Seseorang pensyarah yang layak diiktirafkan sebagai pensyarah cemerlang mempunyai kriteria berikut :

- kompetensi sebagai konsultan dalam bidang kepimpinan dan pengurusan,
- mahir dalam bidang latihan dan pembangunan digital,
- menunjukkan ciri kepemimpinan,
- melaksanakan penyelidikan berimpak tinggi dalam bidang kepimpinan dan pengurusan,
- menulis artikel bagi jurnal berindeks dalam bidang kepimpinan dan pengurusan,
- menghasilkan inovasi untuk dibentangkan pada peringkat rantau Asia Tenggara, dan
- menghasilkan bahan penulisan dan penerbitan yang bercetak dan digital dalam bidang kepimpinan dan pengurusan memenuhi kriteria kebangsaan dan antarabangsa.


### Pembangunan Kepekaran Profesional Pensyarah

Pada tahun 2021, seramai 7 dari 18 orang pensyarah pakar telah dipugarkan kepekaran mereka melalui kursus profesional dalam 5 bidang utama:


- perancangan dan pengurusan strategik,
- pemikiran strategik dalam pembangunan organisasi,
- pengukuran dan pengurusan prestasi,
- pengurusan dan pemacuan projek, dan
- bimbingan dan pementoran.

Tiga (3) orang pensyarah pakar telah berjaya mendapat pentauliahahan dalam bidang:

- Pemikiran Strategik dalam Pembangunan Organisasi  
- *Certified Strategy & Business Professional*
- Bimbingan dan Pementoran - *Certified Masteries Coaching*  
dan *Practitioner Development Mentoring*




- Seorang pensyarah pakar akan membimbing 5 orang pensyarah pelapis kepakaran bagi memastikan lebih ramai pensyarah mendapat pentaulihan.



### **Pemantapan Khidmat Konsultasi IAB dalam Bidang Kepimpinan dan Pengurusan pendidikan**

IAB telah membangunkan *Dashboard* Khidmat Organisasi dan *Virtual Tour* IAB secara dalam talian untuk diakses oleh semua pihak yang bertujuan mempromosikan kepakaran pensyarah-pensyarah dalam khidmat pembangunan organisasi.



### **MELANGKAH KE HADAPAN**

Bagi merealisasikan visi IAB sebagai pusat latihan yang unggul dan menjadi sumber rujukan dalam bidang pengurusan dan kepimpinan pendidikan, IAB akan melaksanakan program-program berikut:

- i. Peningkatan bilangan pensyarah yang mendapat pentauliahahan profesional, pensyarah cemerlang dan pensyarah pakar melalui laluan pembangunan profesional pensyarah yang berterusan dan sistematik;
- ii. Pemerksaan IAB sebagai pusat rujukan bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan unggul dalam dan luar negara; dan
- iii. Peluasan khidmat konsultasi dalam khidmat pembangunan organisasi pada peringkat antarabangsa.



**MENINGKATKAN  
EKUITI  
DALAM PENDIDIKAN**

**BAB  
5**





## 5.1 PELAKSANAAN PROGRAM TRANSFORMASI DAERAH

### PENGENALAN

Program Transformasi Daerah (DTP) telah diperkenalkan sejak tahun 2013 bagi memastikan kesaksamaan pendidikan di seluruh negara dalam aspek kualiti, ekuiti dan akses.

Sepanjang tahun 2021, program ini memberi tumpuan melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) kepada sekolah bagi memacu prestasi sekolah dengan sasaran yang perlu dicapai secara jelas.

Tumpuan diberikan kepada pengupayaan dan kebertanggungjawaban JPN dan PPD, kerana JPN pemacu penyampaian pendidikan yang mengkoordinasi operasi pendidikan kepada PPD manakala PPD berperanan untuk membimbing dan memberi sokongan kepada sekolah, guru dan murid bagi mempertingkatkan kualiti pendidikan sekolah.



### FOKUS 2021



Merapatkan jurang pencapaian murid antara sekolah bandar dan luar bandar (BLB), status sosioekonomi (SES) dan jantina melalui:

- Strategi program intervensi yang dirancang dalam meningkatkan peratus murid layak sijil SPM.
- Pemantauan prestasi melalui Dialog Prestasi Nasional secara berkala bagi mengetahui status isu dan cadangan penyelesaian setiap JPN, PPD dan sekolah.

Program ini juga memberi fokus untuk meningkatkan kualiti JPN dan PPD dengan:

- Penambahbaikan Penarafan Kecemerlangan PKPPD; dan
- Pelaksanaan Rintis Standard Kecemerlangan JPN




## PENCAPAIAN 2021

### 1. Pemantauan Pencapaian Prestasi Daerah dalam SPM 2021


Di bawah inisiatif DTP, semua PPD telah melaksanakan pelbagai program intervensi dan sokongan kepada sekolah-sekolah fokus bertujuan membantu murid mendapat peluang memperoleh Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) setelah mengikuti 11 tahun persekolahan. Program yang dijalankan ini juga bertujuan untuk merapatkan jurang pencapaian murid berdasarkan lokasi sekolah bandar dan luar bandar, status sosioekonomi serta jantina.




#### Peratus Lulus Mata Pelajaran Bahasa Melayu (BM) bagi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dari 2017 hingga 2021



#### Peratus Lulus Mata Pelajaran Sejarah bagi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dari 2017 hingga 2021




### Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) Bahasa Melayu (BM) 2017 hingga 2021



Sumber: Lembaga Peperiksaan, 2022


### Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) Sejarah 2017 hingga 2021



Sumber: Lembaga Peperiksaan, 2022

### Peratus Bilangan Murid Layak Sijil SPM

Peratus pencapaian layak sijil SPM 2021 telah menurun sebanyak 1.1% dari tahun 2020.




Sumber: Lembaga Peperiksaan, 2022

### Pencapaian Peratus Pengurangan Jurang hingga Tahun 2021


Jurang pencapaian gred purata SPM 2021 bandar dan luar bandar merapat sebanyak 24.59% dari tahun 2012.

Trend Pencapaian SPM Bandar dan Luar Bandar, 2012-2021



Jurang pencapaian layak sijil SPM 2021 mengikut jantina telah merapat sebanyak **22.22%** dari tahun 2016.

Trend Pencapaian Layak Sijil SPM Mengikut Jantina, 2016-2020



Pada tahun 2021, pengiraan bagi jurang SES telah ditukar berikutan perubahan Purata Garis Kemiskinan (PGK) yang telah diubah. KPM menggunakan PGK 2019 mulai tahun 2021 iaitu pendapatan isi rumah sebanyak RM2,208 sebulan berbanding PGK 2016 yang digunakan sebelum ini iaitu RM980 sebulan. **Jurang SES bagi tahun 2021 ialah 8.71%.**





## 2. Dialog Prestasi Nasional (DPN)

Dialog Prestasi Nasional (DPN) yang dilaksanakan setiap tahun yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia merupakan *platform* untuk menilai prestasi JPN dan PPD berdasarkan KPI yang ditetapkan.

Pada tahun 2021 telah diadakan sebanyak 2 kali Dialog Prestasi Nasional Bilangan 1 pada 28 Ogos 2021 secara dalam talian yang berfokuskan kepada kluster berikut:

### **Kluster 1 - Hal Ehwal Murid:**

- a. Perkhidmatan Kepakaran Kaunselor Pendidikan Kepada Guru
- b. Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Kepada Murid

### **Kluster 4 - Kecemerlangan PPD/Sekolah:**

Penarafan Kecemerlangan Pejabat Pendidikan Daerah (PKPPD)

Dialog Prestasi Nasional Bilangan 2 pula telah berlangsung pada 29 Oktober 2021 di Hotel Primula Beach Resort, Terengganu. Fokus dialog pada kali ini ialah:

### **Kluster 2 - Kemenjadian Murid:**

- a. Analisis Peratus Pelaksanaan Kandungan Asas Kurikulum
- b. Analisis Data Strategi Pelaksanaan *Catch Up Plan*.
  - i. Pendekatan bertema
  - ii. Pendekatan Modular
  - iii. Pembelajaran Berasaskan Projek
  - iv. Pembelajaran Terbeza
  - v. Simulasi Amali (*Virtual Lab*)
- c. Analisis Data Pelaksanaan PBD Sepanjang PdPR

### **Kluster 4 – Kecemerlangan PPD/Sekolah**


Persiapan Pembukaan Semula Sekolah - Kesiapsagaan semua organisasi bagi memastikan kelangsungan pembukaan semula sekolah.



### 3. Penarafan Kecemerlangan PPD (PKPPD)



Objektif Pengukuran:



Pada tahun 2021, instrumen PKPPD telah dimantapkan dengan mewujudkan elemen peningkatan prestasi murid yang merangkumi semua aspek kemenjadian murid. Oleh kerana ini, penarafan tahun 2021 tidak boleh dibandingkan dengan PKPPD tahun-tahun sebelum ini.

### 4. Pelaksanaan Rintis Standard Kecemerlangan JPN (SKJPN)

Standard kecemerlangan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) mampu membantu JPN dalam meningkatkan lagi sistem pengurusan dan proses penyampaian perkhidmatan yang cemerlang. Ia dibangun berdasarkan kerangka kecemerlangan organisasi yang mantap dan diguna pakai sebagai alat pembangunan penanda aras global. Standard kecemerlangan ini menggambarkan hala tuju kecemerlangan JPN yang selaras dengan strategi dan matlamat serta objektif untuk mengekalkan prestasi sedia ada. JPN akan melalui proses penilaian berdasarkan standard kecemerlangan ini sebagai alat pengesahan prestasi kecemerlangan perkhidmatan.

Program rintis telah dijalankan pada 2021, penataran SKJPN telah diadakan kepada semua JPN bagi memberi peluang kepada warganya untuk memahami Standard Kecemerlangan dan Instrumen Penilaian SKJPN. Semua JPN juga telah diuji rintis mulai 12 September 2021 hingga 22 Oktober 2021 oleh *Lead Auditor*. Program rintis dijalankan pada 2021. Proses pemantapan instrumen SKJPN akan diteruskan pada 2022 dan pelaksanaan akan dibuat pada 2023 untuk menilai pencapaian JPN bagi tahun 2022.

## MELANGKAH KE HADAPAN

Berdasarkan pencapaian DTP bagi tahun 2021, usaha berterusan harus ditumpukan terhadap pegurangan jurang pencapaian sekolah Bandar dan Luar Bandar (BLB), status sosioekonomi (SES) dan jantina.



Bagi memastikan jurang dapat dirapatkan, fokus bagi tahun 2022 adalah kepada:

- Pemeriksaan Ketua Panitia dan Guru Kanan Mata Pelajaran (GKMP) bagi menyokong guru-guru mata pelajaran di sekolah.
- Penggunaan maklumat profil murid dalam perkembangan potensi dan pelaksanaan intervensi.
- Pelaksanaan program bimbingan berfokus kepada PPD secara bersasar.
- Peluasan kerjasama strategik dengan pemegang taruh dalam meningkatkan prestasi murid.





## 5.2 TRANSFORMASI PENDIDIKAN ORANG ASLI DAN PERIBUMI

### PENGENALAN

Matlamat utama inisiatif ini adalah untuk memastikan kesamarataan akses pendidikan yang berkualiti kepada murid Orang Asli dan Peribumi seiring dengan murid arus perdana. Dalam usaha merealisasikan visi ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama pihak agensi dan NGO yang berkepentingan telah melaksanakan pelbagai program sokongan bagi meningkatkan enrolmen dan mengurangkan keciciran murid Orang Asli dan Peribumi.

Inisiatif ini juga memberi tumpuan kepada pelaksanaan program khusus untuk meningkatkan penguasaan kemahiran asas mengira, menulis dan membaca murid Orang Asli dan Peribumi dalam usaha mewujudkan suasana pembelajaran yang bermakna dan memupuk pembelajaran sepanjang hayat.

### FOKUS 2021

1. Peningkatan peratus kehadiran murid Peribumi ke sekolah.
2. Peningkatan kadar transisi murid Orang Asli dari tahun enam ke tingkatan satu.
3. Peningkatan tahap penguasaan minimum literasi dan numerasi murid Orang Asli dan Peribumi.





### PENCAPAIAN 2021

Untuk tahun 2021, pengiraan kehadiran murid berdasarkan pengisian e-kehadiran dalam aplikasi pangkalan data murid APDM sepanjang tempoh PdPR yang mana kehadiran murid dikira sebagai hadir untuk waktu penggiliran di rumah.

#### Peratus kehadiran murid Peribumi (Dusun Bonggi dan Penan)

2020  
78.06%

2021  
94.56%

**Aktiviti sokongan:**  
Program peningkatan kehadiran secara berfokus kepada murid Peribumi (Dusun Bonggi dan Penan)

#### Peratus transisi murid Orang Asli dari tahun enam ke tingkatan satu

2020  
80.76%

2021  
87.81%

**Aktiviti sokongan:**  
Kunjung bantu dan sesi libat urus berfokus kepada peningkatan transisi murid Orang Asli dari tahun enam ke tingkatan 1

#### Peratus murid Orang Asli dan Peribumi yang terlibat dengan PLaN melepasi tahap penguasaan minimum Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (BM), Bahasa Inggeris (BI) dan Matematik (MAT)

2021

**BM:**  
57.74%

**BI:**  
49.77%

**MAT:**  
49.69%

**Aktiviti sokongan:**  
Intervensi berfokus kepada pencapaian tahap penguasaan minimum Tahun 3 Murid Orang Asli dan Peribumi





## MELANGKAH KE HADAPAN

Pada tahun 2022, Kementerian terus komited dalam usaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan murid Orang Asli dan Peribumi. Fokus akan diberikan terhadap Program Jom Belajar bagi kanak-kanak warganegara mendapatkan hak pendidikan, khususnya anak-anak Orang Asli dan Peribumi yang tinggal di pedalaman. Program Jom Belajar merangkumi Program Khas Murid Orang Asli (Prokhas) dan Chup Badui Sikulah (CBS) yang dilaksanakan bertujuan menyediakan pendidikan asas serta memantapkan penguasaan kemahiran asas 3M iaitu membaca, menulis dan mengira kepada murid Orang Asli yang tidak pernah bersekolah.



Peningkatan profesionalisme pemimpin sekolah Orang Asli di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah akan diteruskan dengan mengadakan sesi bimbingan dan konsultasi secara berfokus serta bengkel dalam memberikan pendedahan dan kaedah pendekatan yang terbaik untuk menarik minat murid Orang Asli dan Peribumi belajar dan terus kekal bersekolah.

Peranan dan kerjasama dengan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) dan Tok Batin telah diperkasakan. Penambahan bilangan sekolah yang terlibat akan memastikan peranan JPKK dan Tok Batin dapat dioptimumkan bagi mengurangkan isu keciciran murid Orang Asli.

Melihat bagaimana kerjasama strategik yang dijalin bersama pihak swasta dan NGO telah membantu usaha memastikan kesamarataan akses pendidikan murid Orang Asli dan Peribumi, jalinan kerjasama strategik ini akan digiatkan lagi bagi memastikan keberhasilan serta kemenjadian murid dapat dicapai. Peningkatan kesedaran pendidikan masyarakat Orang Asli dan Peribumi dengan agensi – agensi kerajaan yang berkepentingan adalah penting dalam memastikan ekuiti dan akses yang berterusan kepada pendidikan Orang Asli dan Peribumi.





### 5.3 PENINGKATAN AKSES DAN KUALITI PENDIDIKAN BAGI MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS

#### PENGENALAN

Kementerian sentiasa komited dalam usaha mempertingkatkan potensi Orang Kurang Upaya (OKU) ke tahap optimum kerana mereka sebahagian daripada Keluarga Malaysia yang mempunyai hak dalam bidang pendidikan. Selaras dengan itu, KPM memperluaskan akses pendidikan kepada OKU, mengikut Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013, yang mentakrifkan murid OKU sebagai Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK).

Pada tahun 2021, walaupun negara masih berhadapan dengan pandemik COVID-19, pihak Kementerian tetap memberi perhatian dan keutamaan terhadap pendidikan bagi MBPK seperti juga arus perdana melalui PdPR secara dalam talian atau menerusi penggunaan modul yang disediakan oleh guru. Pelibatan dan sokongan pelbagai pihak terutama ibu bapa dan penjaga dalam keadaan negara dilanda pandemik telah menjadi pemangkin kepada peningkatan potensi MBPK. Selaras dengan itu, pihak Kementerian meneruskan usaha bagi menyediakan ruang dan peluang bagi membolehkan MBPK mencapai potensi diri secara optimum dalam bidang akademik dan kemahiran untuk membentuk keupayaan berdikari.



#### FOKUS 2021



1. Peningkatan Sokongan bagi Pendidikan Khas:
  - a. Program Pemerkasaan Inklusif kepada Pemimpin Sekolah;
  - b. Peluasan *Professional Learning Community* bagi Program Pendidikan Inklusif (PPI) Model Holistik;
  - c. Penghasilan Modul Latihan yang Standard dalam Pendidikan Khas;
  - d. Penghasilan Kerangka Standard Kompetensi Umum Pendidikan Khas; dan

- e. Penggunaan Instrumen dan Modul Latihan Senarai Semak Pengesanan (SSP) Perkembangan Bayi dan Kanak-kanak 1 bulan - 6 tahun
  - f. Penyediaan Kemudahan Mesra Orang Kurang Upaya (OKU) di Sekolah KPM.
2. Pelaksanaan Program Intervensi Berfokus bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas:
    - a. Program Peningkatan Pencapaian SPM bagi MBPK.
    - b. Peluasan Program Transisi ke Kerjaya.

## PENCAPAIAN 2021

### 1. Peningkatan Sokongan bagi Pendidikan Khas

Kementerian telah berjaya mencapai 74.58% MBPK yang mengikuti pembelajaran secara inklusif. Peningkatan sebanyak 2.74% ini merupakan satu kejayaan hasil usaha gigih pihak sekolah melaksanakan pendidikan kepada MBPK walaupun pembelajaran secara bersemuka tidak dijalankan sepanjang sesi persekolahan.

Pencapaian tersebut mempunyai kaitan rapat dengan usaha Kementerian menerusi aktiviti berikut:

#### Pencapaian Peratus MBPK Berada dalam Program Pendidikan Inklusif

Tahun	Pencapaian	Peningkatan
2018	50.49% (42,210/83,598)	
2019	60.87% (53,818/88,419)	↑ 10.38%
2020	71.84% (67,494/93,951)	↑ 10.97%
2021	74.58% (72,504/97,220)	↑ 2.74%

Sumber: Bahagian Pendidikan Khas





**a. Program Pemerkasaan Inklusif kepada Pemimpin Sekolah:**

- Seramai 993 Pengetua/ Guru Besar di 9 buah negeri (Perak, Perlis, Pulau Pinang, Selangor, WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya, WP Labuan, Sabah dan Sarawak) yang memperoleh pencapaian PPI kurang daripada 70% pada tahun 2020 telah dilengkapkan dengan pengetahuan dan kemahiran bagi merangka strategi peningkatan pelaksanaan PPI di sekolah masing-masing;
- 28 buah sekolah daripada 6 buah negeri (Johor, Kelantan, Pahang, Perak, Sabah dan Sarawak) yang belum melaksanakan PPI telah mendapat bimbingan secara langsung daripada pegawai JPN.




**b. Peluasan *Professional Learning Community* (PLC) bagi PPI Model Holistik:**


- Seramai 10 orang Jurulatih Utama PLC Kebangsaan dan 101 Jurulatih Utama PLC Daerah telah dilantik bagi membimbing guru dalam melaksanakan Pendidikan Khas.
- Sebanyak 228 Program Pendidikan Khas Integrasi telah dipilih sebagai pusat PLC daerah, iaitu 2 buah PPKI di setiap daerah. Dengan adanya pusat ini, guru Pendidikan Khas dan guru arus perdana dapat bersama-sama mengadakan perkongsian ilmu dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang Pendidikan Khas.

**c. Penghasilan Modul Latihan yang Standard:**

Pengetahuan dan kemahiran seseorang guru bergantung kepada ilmu yang diperoleh. Selaras dengan itu, KPM menghasilkan modul latihan guru Pendidikan Khas yang piawai bagi memastikan semua guru memperoleh pengisian latihan yang sama pada asasnya. Sebanyak 6 draf Modul Latihan Guru Pendidikan Khas telah dihasilkan oleh KPM tetapi masih memerlukan penilaian pakar yang akan dilaksanakan pada tahun 2022. Draf modul tersebut ialah:



1. Modul Aktiviti Terapeutik



2. Modul Teknik Pengajaran Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Disleksia



3. Modul Pengurusan Diri



4. Modul Penyediaan Rancangan Pendidikan Individu



5. Modul Pengurusan Tingkah Laku



6. Modul Teknik Pengajaran Literasi dan Numerasi




**d. Penghasilan Kerangka Standard Kompetensi Pendidikan Khas (SKPK)**

Standard Kompetensi Pendidikan Khas (SKPK) merupakan panduan kepada guru untuk mengenal pasti tahap kompetensi umum yang perlu dikuasai berdasarkan penilaian sendiri. Pihak sekolah dan institusi pendidikan dapat memanfaatkan hasil penilaian sendiri guru dalam melaksanakan program/ latihan peningkatan profesionalisme guru dan pembangunan organisasi.

SKPK dibina berdasarkan Standard Guru Malaysia (SGM) 2.0 dan disusun mengikut Domain, Kompetensi, Elemen dan Deskriptor. Instrumen Standard Kompetensi Pendidikan Khas (ISKPK) pula telah dihasilkan bagi memastikan pembinaan SKPK menepati maksud ditetapkan. ISKPK telah melalui semakan pakar dan dianalisis menggunakan *Fuzzy Delphi Method* (FDM). Penghasilan SKPK ini akan diteruskan pada tahun 2022 bagi komponen kompetensi khusus mengikut kategori bidang Pendidikan Khas yang dikuasai oleh guru. Misalnya, penguasaan kemahiran menulis braille dan membaca braille bagi guru yang mengajar MBPK ketidakupayaan penglihatan.

**Kerangka Standard Kompetensi Pendidikan Khas**



**Perincian Kerangka Standard Kompetensi Pendidikan Khas**

<p><b>DOMAIN</b></p> <p>Domain merangkumi tindakan atau perlakuan profesional guru Pendidikan Khas semasa mengaplikasikan ilmu, kemahiran dan keperibadian dalam konteks PdP serata merupakan ciri-ciri yang menyumbangkan kepada pencapaian kompetensi</p>	➔	<p><b>ORIENTASI ILMU</b></p> <p>Keupayaan mendalami dan meluaskan pengetahuan PdP, falsafah, dasar, pengurusan organisasi, hal ehwal murid, kurikulum, kokurikulum dan trend pendidikan terkini selari dengan dinamik pendidikan.</p>
	➔	<p><b>INSTRUKSIONAL</b></p> <p>Keupayaan merancang dan melaksanakan amalan instruksional untuk membangunkan potensi Murid Berkeperluan Khas (MBPK) secara holistik (kemenjadian murid).</p>
	➔	<p><b>PELIBATAN KOMUNITI</b></p> <p>Keupayaan membina jalinan dan jaringan bagi menyokong pembelajaran MBPK.</p>
	➔	<p><b>KUALITI PERIBADI</b></p> <p>Keupayaan menjadi seorang pendidik unggul yang dapat diteladani untuk membangunkan kemenjadian MBPK.</p>

**e. Penggunaan Instrumen dan Modul Latihan Senarai Semak Pengesanan (SSP) Perkembangan Bayi dan Kanak-kanak 0 - 6 tahun Diluluskan oleh Mesyuarat Profesional KPM.**

- Mesyuarat Profesional KPM Bil. 40/2021 pada 23 November 2021 telah meluluskan Kertas Cadangan Penambahbaikan Senarai Semak Pengesanan Perkembangan (SSP) Bayi dan Kanak-kanak 0 Hingga 6 Tahun bagi Kegunaan Saringan Awal Murid Berkeperluan Khas Edisi Kedua Tahun 2021.
- SSP telah dihasilkan dalam dua bentuk iaitu cetakan dan juga video. Video yang dihasilkan dapat digunakan sebagai panduan untuk melatih guru-guru khususnya guru prasekolah untuk mengesan perkembangan kanak-kanak. Pengesanan awal yang disusuli dengan intervensi awal dapat meningkatkan potensi kanak-kanak dan mengurangkan impak kesukaran akibat ketidakupayaan yang dialami.



#### f. Penyediaan Kemudahan Mesra Orang Kurang Upaya (OKU) di Sekolah KPM.

Salah satu aspek utama yang memberi kesan terhadap akses pendidikan ialah penyediaan reka bentuk sejagat. Kemudahan dan persekitaran yang bercirikan reka bentuk sejagat merupakan kemudahan/persekitaran yang boleh diakses oleh semua golongan individu termasuk orang kurang upaya (OKU). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013– 2025 menyasarkan bahawa semua sekolah dinaik taraf dengan dilengkapi kemudahan mesra OKU pada 2020 (bab 4, halaman 19).

Sebanyak empat (4) jenis kemudahan mesra OKU yang diberi keutamaan untuk disediakan di sekolah KPM, sebagaimana yang dinyatakan dalam PPPM 2013-2025 iaitu tandas mesra OKU, susur tangan (*hand railing*), susur landai (*ramp*) dan tempat letak kenderaan OKU.



#### Bilangan Sekolah yang Lengkap 4 Kemudahan Mesra OKU (2018 - 2021)

TAHUN	BILANGAN SEKOLAH MEMPUNYAI MBPK	LENGKAP 4 KEMUDAHAN MESRA OKU	
		BIL. SEKOLAH	PERATUS
2018	6,387	170	2.7%
2019	6,504	287	4.4%
2020	6,267	581	9.27%
2021	6,394	730	11.42%

Sumber: Bahagian Pendidikan Khas, 2021

Pada tahun 2021, sebanyak 730 daripada 6,394 buah sekolah yang mempunyai MBPK telah lengkap dengan empat kemudahan mesra OKU.




## 2. Pelaksanaan Program Intervensi Berfokus bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas

Kebolehpasaran MBPK merujuk kepada status MBPK yang tamat persekolahan pada tahun sebelum, sama ada yang melanjutkan pelajaran atau memperoleh pekerjaan.

Peratus Kebolehpasaran MBPK dari Tahun 2018 hingga 2021

Tahun	Pencapaian	Peningkatan/Penurunan
2018	30% (1,408/4,768)	
2019	69.46% (1,112/1,601)	↑ 39.46%
2020	67.95% (2,815/4,143)	↓ 1.51%
sehingga 31 Oktober 2021	57.39% (2,571/4,480)	↓ 10.56%

Peratus Perincian Kebolehpasaran MBPK dari Tahun 2019 hingga 2021



Peratus kebolehpasaran MBPK pada tahun 2021 adalah merujuk kepada MBPK yang tamat persekolahan pada tahun 2020. Pencapaian pada tahun 2021 merosot sebanyak 10.56%, iaitu daripada 67.95% pada tahun 2020 kepada 57.39% pada tahun 2021. Penurunan pencapaian ini berkemungkinan besar dapat dikaitkan dengan kesan pandemik yang dihadapi oleh negara. MBPK yang tamat persekolahan pada tahun 2020 menghadapi cabaran besar untuk menyambung pelajaran atau mendapat pekerjaan.

Selaras dengan itu, usaha bagi meningkatkan kebolehpasaran MBPK dipergiatkan pada tahun 2021 bagi memastikan lebih ramai MBPK yang tamat persekolahan pada tahun tersebut mendapat manfaat daripada pendidikan yang diperolehi, sama ada mereka dapat menyambung pelajaran atau memperoleh pekerjaan.



### a. Program Peningkatan Pencapaian SPM bagi MBPK

MBPK yang akan menduduki peperiksaan SPM bagi sesi persekolahan tahun 2021 telah mengikuti Bengkel Teknik Menjawab Soalan Mata Pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah sebagai persediaan menghadapi peperiksaan tersebut. Bengkel tersebut telah dilaksanakan oleh 16 JPN bermula 1 April 2021 hingga 31 Oktober 2021. Seramai 1,315 MPBK daripada semua kategori ketidakupayaan mendapat bimbingan daripada pemeriksa kertas dan guru mata pelajaran yang berpengalaman.

### b. Peluasan Program Transisi ke Kerjaya

Program Transisi ke Kerjaya (PTK) merupakan sebahagian daripada kaedah bagi membantu meningkatkan kebolehpasaran MBPK. Sebanyak empat siri penataran berkaitan PTK telah diadakan pada tahun 2021, bermula dari bulan Mei hingga Jun. Penataran tersebut melibatkan 912 orang guru Penolong Kanan Pendidikan Khas di seluruh Malaysia. Pengisian PTK adalah merangkumi komponen-komponen berikut:

- Komponen 1: Kemahiran Kehidupan
- Komponen 2: Kemahiran Advokasi Diri dan Komunikasi
- Komponen 3: Kemahiran Membudayakan Kehidupan Kedewasaan
- Komponen 4: Kemahiran Kerjaya
- Komponen 5: Kemahiran Kesediaan Kerjaya
- Komponen 6: Kemahiran Pembangunan Sokongan di Tempat Kerja

### Proses Pelaksanaan PTK



Sidang / RPI



Tinjauan Industri-Nissan Body & Paint BHD



Tinjauan Industri-Kim  
Cheong Consolidated Berhad



Penyerahan Surat  
Penempatan LI MPBK di PNats  
Bakery

### Latihan Semasa Bekerja (OJT): Program Transisi ke Kerjaya MBPK



OJT di Kim Teck Cheong Consolidated Berhad



Guru Pemantau MBPK - membuat pemantauan (*Task Duty*) bersama Penyelia Syarikat (*Job-Coach*)



OJT di bahagian *Body Paint Services*



Pengendalian *Task Duty*

## MELANGKAH KE HADAPAN

Kementerian akan terus memastikan pendidikan bagi MBPK dipertingkatkan dalam pelbagai aspek dengan memberi fokus kepada pihak yang berperanan besar dalam mencungkil dan mengasah potensi MBPK, iaitu pemimpin sekolah, guru dan agensi luar. Oleh itu, bagi tahun 2022, pihak Kementerian merancang untuk:

1. memantapkan pentadbiran pendidikan khas melalui pemerksaan pemimpin JPN, PPD dan sekolah dalam pentadbiran pendidikan khas.
2. memantapkan kompetensi dan kemahiran PdP Guru melalui
  - peningkatan kualiti guru pendidikan khas, dan
  - pemantapan pedagogi guru arus perdana untuk MBPK,
3. meningkatkan kerjasama dan sokongan daripada agensi luar, industri dan masyarakat melalui
  - pemantapan persediaan kebolehkerjaan bagi MBPK,
  - pengukuhan jalinan kerjasama dengan agensi luar dan pihak industri, dan
  - peningkatan sokongan komuniti dan masyarakat terhadap kebolehpasaran MBPK.



MEMBANGUNKAN  
**KARAKTER**  
DAN  
**PERPADUAN**  
MURID DALAM  
PENDIDIKAN

.....

**BAB**  
**6**







### 6.1 PENGUKUHAN PERPADUAN DI SEKOLAH

#### PENGENALAN

Salah satu aspirasi sistem yang ditekankan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 adalah perpaduan. Sesuai dengan identiti Malaysia yang terkenal dengan kepelbagaian bangsa, kaum dan agama, objektif utama aspirasi ini adalah untuk memastikan semua murid yang mengikuti sistem persekolahan formal dapat menerima, menghormati, menghargai dan meraikan kepelbagaian yang wujud dalam semua aspek latar belakang sosioekonomi, agama, bahasa dan etnik. Melalui alam persekolahan, Kementerian berhasrat untuk menyuburkan pengetahuan dan kemahiran serta memberi peluang kepada semua murid berkongsi pengalaman dan aspirasi demi membentuk dan memperkukuh asas perpaduan rakyat Malaysia.



Melalui Inisiatif Pengukuhan Perpaduan di Sekolah, penekanan diberikan terhadap peningkatan tahap perpaduan di sekolah dalam kalangan warga sekolah itu sendiri, bermula daripada pemimpin sekolah, guru dan murid. Selari dengan Dasar Perpaduan Negara (DPN) yang telah diperkenalkan, Kementerian memainkan peranan utama dalam memastikan pemupukan perpaduan berlaku dari peringkat awal persekolahan melalui kandungan, kaedah dan program penghayatan perpaduan yang seragam merentas sekolah pelbagai aliran. Justeru sebagai langkah awal, pada tahun 2021, Kementerian telah menyelaraskan Pelan Hala Tuju Perpaduan supaya selari dengan Dasar Perpaduan Negara. Usaha dan tumpuan juga telah diberikan terhadap menyediakan kepimpinan dan pegurusan sekolah dalam menerapkan nilai perpaduan sekaligus memberi kesan terhadap keupayaan warga sekolah khususnya murid dan guru menerima, menghormati dan mengurus perbezaan kaum, budaya, agama dan bahasa dengan baik, sama ada ketika di dalam mahupun di luar bilik darjah.



## FOKUS 2021

1. Penyelarasan Pelan Hala Tuju Perpaduan dalam Pendidikan dengan Dasar Perpaduan Negara (DPN).
2. Pengukuhan kepimpinan dan pengurusan perpaduan melalui latihan penerapan nilai perpaduan kepada Pengetua dan Guru Besar (PGB) dan;
3. Kajian Pengukuran Indeks Perpaduan di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia 2021.



## PENCAPAIAN 2021

### 1. Penyelarasan Pelan Hala Tuju Perpaduan dalam Pendidikan 2022 - 2025 dengan Dasar Perpaduan Negara

Dasar Perpaduan Negara (DPN) 2021-2030 telah dilancarkan pada 15 Februari 2021 dan menggariskan tiga (3) objektif utama iaitu mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara; membentuk identiti nasional dengan semangat jati diri, patriotik, prihatin, toleransi, saling hormat-menghormati dan bertanggungjawab, serta melahirkan rakyat Malaysia yang menghargai dan mengamalkan perpaduan.

Mengambil inisiatif untuk menggerakkan rangka tindakan DPN, Pelan Hala Tuju Perpaduan dalam Pendidikan sedia ada (2018-2023) telah diujarkannya dengan DPN sebagai satu pelan strategik yang bersepadu bagi memastikan aspirasi dan matlamat perpaduan dalam pendidikan dapat difahami dan dihayati oleh semua murid dan warga pendidik.



### 2. Pengukuhan kepimpinan dan pengurusan perpaduan melalui latihan penerapan nilai perpaduan kepada Pengetua dan Guru Besar (PGB)

Sehingga tahun 2021, seramai 910 orang PGB telah mengikuti latihan bagi menerapkan perpaduan di sekolah. Daripada jumlah tersebut, seramai 350 orang PGB telah mengikuti Kursus Dalam Talian (ePembelajaran) yang dikendalikan oleh Institut Aminuddin Baki.

e-Kursus yg diikuti telah meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan kesedaran PGB tentang kepentingan perpaduan, membuka minda terhadap cabaran pemupukan perpaduan yang dihadapi, dan membantu PGB untuk mengurus perpaduan di sekolah dengan berkesan, selaras dengan aspek 2.6 Pengurusan Perpaduan dalam SKPMg2.

Hasil latihan dan bimbingan, PGB berupaya merancang dan melaksanakan program yang menyemarakkan perpaduan di sekolah dan komuniti supaya saling menerima, menghormati, menghargai dan meraikan kepelbagaian latar belakang yang wujud antara mereka.

### 3. Kajian Pengukuran Indeks Perpaduan di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia 2021



Sampel Kajian	Bilangan sampel	Jumlah keseluruhan
Guru SM	94,265	175,979
Guru SR	143,157	225,762
<b>Jumlah</b>	<b>237,422</b>	<b>401,741</b>

Sampel Kajian	Bilangan sampel	Jumlah keseluruhan
Murid SM	330,176	2,498,207
Murid SR (Tahun 6)	112,004	653,689
<b>Jumlah</b>	<b>442,180</b>	<b>3,151,896</b>

 <b>Jadual Indeks Perpaduan</b>	
Indeks	Deskripsi Tahap Perpaduan
<b>0.00-2.50</b>	Rendah atau perpaduan sangat tidak erat.
<b>2.51-5.00</b>	Sederhana rendah atau perpaduan tidak erat
<b>5.01-7.50</b>	Sederhana tinggi atau perpaduan erat.
<b>7.51-10.00</b>	Tinggi atau perpaduan sangat erat.


Pengumpulan data bagi kajian tahun 2021 ditadbir secara dalam talian menggunakan pelantar Portal *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMa) dengan melibatkan responden seramai 679,602 (237,422 orang guru dan 442,180 orang murid sekolah Kementerian) berbeza dengan kaedah yang digunakan pada tahun 2014, 2016 dan 2018 iaitu secara bersemuka. Keadaan ini disebabkan pandemik COVID-19 yang sedang melanda pada ketika itu.

Dapatan kajian Indeks Perpaduan Guru dan Murid Sekolah tahun 2021 menunjukkan bahawa tahap perpaduan dalam kalangan guru dan murid telah

Sumber: Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian

meningkat berbanding tahun 2018 dengan indeks 6.27 iaitu erat. Ini bermakna guru dan murid berupaya untuk menerima, menghormati dan mengurus perbezaan kaum, bahasa, budaya dan agama.

Walau bagaimanapun, terdapat elemen yang boleh ditambah baik terutamanya elemen menerima perbezaan yang merangkumi sifat bersikap terbuka, toleransi, bekerjasama, dan percaya yang masih memerlukan tumpuan dan perhatian agar indeks perpaduan ini dapat dipertingkatkan pada masa akan datang sehingga mencapai tahap indeks perpaduan yang sangat tinggi (sangat erat).



## MELANGKAH KE HADAPAN

Berdasarkan pencapaian inisiatif Pengukuhan Perpaduan di Sekolah pada tahun 2021, Kementerian akan memperkukuhkan segala aktiviti yang menyokong peningkatan Indeks Perpaduan. Antara fokus bagi tahun 2022 adalah:

1. Tindak susul tentang Kajian Indeks Perpaduan yang akan dilaksanakan terhadap negeri yang terpilih untuk mendapat input bagi menambah baik instrumen kajian tersebut.
2. Perluasan latihan dan pemantauan impak Penerapan Nilai Perpaduan bagi pengetua dan guru besar (PGB) dan memantapkan kualiti pensyarah Institut Aminuddin Baki (IAB) dan Institut Pendidikan Guru (IPG) dalam penerapan perpaduan.
3. Penambahbaikan program sedia ada di IPG berkaitan dengan memantapkan kualiti pensyarah di IAB dan IPG dalam penerapan perpaduan.
4. Pengukuhan pelibatan komuniti dan sektor swasta dalam ekosistem sekolah bagi memupuk perpaduan dengan memperluaskan program perpaduan melalui aktiviti sukan, seni dan budaya.







## 6.2 PEMBANGUNAN POTENSI & KARAKTER MURID

### PENGENALAN

Dalam usaha untuk membangunkan murid yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) yang selaras dengan Anjakan ke-3 PPPM, Inisiatif Pembangunan Potensi & Karakter Murid merupakan Inisiatif Pembangunan Nilai, Sahsiah dan Perpaduan di Sekolah yang telah dijenamakan semula. Inisiatif ini berfokus kepada pembangunan karakter murid manakala elemen perpaduan dijadikan satu inisiatif utama PPPM.



Matlamat utama Pendidikan Karakter adalah untuk menghasilkan murid yang berupaya menghadapi cabaran kehidupan seharian dengan baik dan yakin serta mempunyai hubungan baik dengan masyarakat, membentuk murid yang berdikari dengan keupayaan untuk memenuhi keperluan asas mereka dan melengkapi murid dengan pengetahuan, kemahiran, sikap dan tingkah laku yang kalis masa hadapan supaya boleh berdaya saing di peringkat tempatan, nasional dan global.

Inisiatif ini berpandukan Kerangka Kurikulum Pendidikan Karakter yang menekankan pembangunan karakter berteraskan 6 tema utama.


1. Kemahiran Hidup
2. Kewaspadaan
3. Sivik dan Kewarganegaraan
4. Pendidikan Kesihatan Reproktif dan Sosial (PEERS)
5. Kemahiran Kecekapan Psikososial
6. Pendidikan Pembangunan Lestari

Pelaksanaan Kerangka Kurikulum Pendidikan Karakter adalah melalui aktiviti-aktiviti di dalam dan luar bilik darjah termasuk program khidmat masyarakat.





## KERANGKA KURIKULUM PENDIDIKAN KARAKTER



Melalui inisiatif ini, penekanan diberikan melalui kemahiran kepada guru dan pemimpin sekolah, aktiviti pembangunan karakter kepada murid dan intervensi kepada murid-murid yang memerlukan.

### FOKUS 2021

1. Program Rintis Khidmat Masyarakat
2. Program Pembangunan Sahsiah Diri Murid
3. Pelaksanaan latihan penerapan nilai untuk memberikan kesedaran peranan guru sebagai suri teladan dan menerapkan nilai serta sahsiah secara merentas kurikulum sekaligus mengamalkannya supaya dapat dibudayakan dalam kehidupan seharian.
4. Pemerkasaan kemahiran sosioemosi murid dan sejahtera mindanya melalui Program Rintis Intervensi Minda Sihat (PRISMA).



## PENCAPAIAN 2021

### 1. Program Rintis Khidmat Masyarakat

Semasa Perintah Kawalan Pergerakan pada tahun 2021, Kementerian telah menggantikan Rintis Khidmat Masyarakat dengan Pertandingan Video Khidmat Masyarakat yang telah disertai oleh 345 orang murid di seluruh negara yang bertujuan memupuk budaya khidmat masyarakat dan menerapkan nilai-nilai murni kepada murid-murid.



### 2. Program Pembangunan Sahsiah Diri Murid (PPSDM)

PPSDM pada tahun 2021 tidak dapat dilaksanakan seperti yang telah dirancang oleh kerana situasi pandemik COVID-19 yang semakin meningkat ketika itu. Walau bagaimanapun, sebanyak 125 daripada 130 buah sekolah berjaya melaksanakan PPSDM pada fasa 1. Siri Jelajah Bengkel *Training of Trainers* (ToT) melibatkan Guru Bimbingan dan Kaunseling sekolah telah berjaya dilaksanakan.



#### Sesi Jelajah Bengkel *Training of Trainers* (ToT) PPSDM

19-21 April 2021  
Kem Wawasan Negara Meru,  
Selangor

Zon Tengah  
Sabah, Negeri Sembilan, KL, Selangor  
Bilangan peserta: 74 org

3-5 Mei 2021  
Kem Wawasan Ulu Kenas,  
Kuala Kangsar Perak

Zon Utara  
Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Perak, Kelantan,  
Terengganu  
Bilangan peserta: 67 org

8 Jun 2021  
Dalam Talian (Zon Selatan)

Zon Selatan  
Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang,  
Sarawak  
Bilangan peserta: 100 org



### 3. Latihan Pedagogi Penerapan Nilai

Latihan kepada guru dan pemimpin sekolah telah diberikan oleh Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) kepada 407 orang guru yang bertujuan untuk menerapkan elemen nilai kepada guru sebagai suri tauladan kepada murid.

### 4. Program Rintis Intervensi Minda Sihat (PRISMA)

Program Rintis Intervensi Minda Sihat (PRISMA) merupakan usaha memperkasa kemahiran sosioemosi dan kemahiran gaya daya tindak murid bagi meningkatkan kesejahteraan minda murid. PRISMA membantu murid meningkatkan kesedaran kepentingan kesejahteraan mental, kemahiran menguruskan emosi dengan baik dan panduan mendapatkan bantuan apabila berhadapan dengan sesuatu masalah.

PRISMA telah dirintis kepada seramai 1,893 orang murid sekolah rendah, 2,360 murid menengah rendah dan 2,975 orang murid menengah atas pada tahun 2021.

Dapatan penilaian pra dan pasca PRISMA menunjukkan peningkatan signifikan domain kemahiran sosioemosi yang menyumbang kepada kesejahteraan minda bagi murid yang terlibat.





**Domain Kemahiran Sosioemosi yang Mendasari Program  
Intervensi Minda Sihat (PRISMA)**


Kesedaran Kendiri (Self Awareness)	Regulasi Emosi (Self Regulation)	Motivasi Diri (Self Motivation)	Empati (Empathy)	Kemahiran Sosial (Social Skill)
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memantau diri.</li> <li>2. Menguasai tindakan sendiri.</li> <li>3. Mempunyai penilaian realistik tentang keupayaan diri</li> </ol>	<p>Mengurus emosi diri untuk mengawal keadaan.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengambil inisiatif dan bersungguh-sungguh untuk memperbaiki diri.</li> <li>2. Merangsang emosi untuk mencapai sesuatu matlamat</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengesan dan memahami perasan orang lain.</li> <li>2. Kekerjasama dengan individu yang pelbagai latar belakang.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengurus pelbagai emosi dalam perhubungan.</li> <li>2. Mahir memimpin, berunding dan menyelesaikan konflik.</li> </ol>
Segar Minda (Fresh Mind)		Sihat Minda (Healthy Mind)	Sejahtera Minda (Happy Mind)	

Sumber rujukan: Teori Goleman (1999)




**Perbandingan Data Pra dan Pasca Pelaksanaan Program Intervensi Minda Sihat (PRISMA) Mengikut Lima (5) Domain Utama Kemahiran Sosioemosi**


Murid Sekolah Rendah



Murid Sekolah Menengah (Rendah)



Murid Sekolah Menengah (Atas)



## MELANGKAH KE HADAPAN

Pengukuhan terhadap kemahiran yang diterapkan kepada guru dan pemimpin sekolah, serta peluasan aktiviti pembangunan karakter dan intervensi kepada murid-murid yang memerlukan akan membantu menyokong pembangunan insan sejahtera yang berpengetahuan, beretika dan berakhlak mulia.

### 1. Peluasan PRISMA kepada murid berkeperluan tinggi

Peluasan PRISMA kepada murid berkeperluan tinggi di sekolah-sekolah di PPD terpilih seluruh Malaysia secara bersemuka. Sasaran bilangan murid untuk 2022 adalah seramai 1020 orang murid (secara dalam talian) merangkumi tiga (3) tahap iaitu murid sekolah rendah, menengah rendah dan menengah atas.

### 2. Pemantapan pengajaran dan pembelajaran kurikulum bertema dalam pembangunan karakter.

Proses penguatkuasaan pendekatan tematik kepada guru di sekolah akan dilaksanakan.

### 3. Peningkatan profesionalisme Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) melalui pemeraksanaan peranan dan kompetensi GBK sekolah

Latihan pembangunan kompetensi akan diberi kepada 600 orang GBK. Kementerian juga akan menguruskan pendaftaran GBK dengan Lembaga Kaunseling Malaysia sebagai pentauliah kepada GBK di sekolah.

### 4. Peningkatan pengetahuan dan kemahiran pemimpin sekolah dalam membentuk sahsiah murid.

Untuk tahun 2022, seramai 400 orang guru sekolah rendah dan menengah akan menjalani Kursus Penerapan Nilai iaitu Pembudayaan Empat Nilai Teras di Sekolah secara merentas kurikulum dan Komuniti dalam persekitaran sekolah.





MENINGKATKAN  
**KECEKAPAN**  
DALAM PENDIDIKAN



**BAB**  
**7**







### 7.1 PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR ASAS DI SEMUA SEKOLAH



#### PENGENALAN

Infrastruktur pendidikan selamat dan selesa serta berkualiti penting bagi memastikan persekitaran pembelajaran dan pengajaran yang kondusif. Justeru, sejak tahun 2019 Kementerian telah melaksanakan analisis skor gred impak yang mempunyai 7 tahap skala, iaitu skala 1 hingga skala 7 sebagai penambahbaikan bagi menentukan tahap keadaan komponen fizikal atau fasiliti bangunan di sekolah. Melalui penilaian ini, Kementerian dapat menentukan keutamaan untuk melaksanakan projek pembangunan semula atau menaik taraf bangunan yang berada pada skala 7 dan skala 6. Bangunan daif ini akan dibaik pulih, dinaik taraf atau dibina bangunan gantian mengikut keperluan.

Tujuan utama pelaksanaan inisiatif ini adalah memastikan sekolah mempunyai kemudahan infrastruktur asas untuk penyampaian kurikulum dan pedagogi yang lebih berkesan. Di samping itu, ia juga bagi memastikan murid mendapat akses kepada pendidikan yang berkualiti melalui suasana pembelajaran yang kondusif tanpa mengira lokasi dan saiz sekolah.



#### FOKUS 2021

1. Pembangunan semula dan naik taraf sekolah dengan bangunan daif yang berada pada skala 6 dan 7 dilaksanakan mengikut masa yang ditetapkan.
2. Kenalpasti sekolah yang mencapai penanda aras infrastruktur asas yang ditetapkan.

## PENCAPAIAN 2021

### Pembangunan Semula dan Naik Taraf Sekolah dengan Bangunan Daif yang berada pada Skala 6 dan 7

Sebanyak 31 projek pembangunan semula dan naik taraf sekolah dengan bangunan daif yang berada pada skala 6 dan 7 telah siap dilaksanakan berbanding sasaran sebanyak 30 projek.



### Sekolah yang Mencapai Penanda Aras Infrastruktur Asas yang Ditetapkan

Bilangan sekolah	Kemudahan Minimum
3950	3
3356	4
780	5
43	6

Pencapaian kepada 6 garis asas kemudahan minimum untuk penyampaian kurikulum KPM boleh di capai di pautan berikut:

Sila imbas kod QR untuk pautan




### Enam (6) Kemudahan Minimum untuk Penyampaian Kurikulum KPM

<p>1 kemudahan sukan</p>	<p>Sekurang-kurangnya 10 murid bagi setiap alat peranti ICT di semua sekolah</p>	<p>1 perpustakaan/ pusat sumber</p>
<p>Kebolehcapaian untuk orang kurang upaya</p>	<p>Tempat dan ruang untuk aktiviti Pendidikan Islam</p>	<p>Makmal sains (di sekolah menengah)</p>



**Peratus Bilangan Sekolah yang Mempunyai Kemudahan Minimum untuk Penyampaian Kurikulum**





### MELANGKAH KE HADAPAN

Pewujudan proses audit bangunan daif bagi menyelaraskan dan menyenaraikan cadangan permohonan sekolah dan bangunan daif berdasarkan data EMIS, pengesahan pegawai Sektor Infrastruktur dan Perolehan untuk Sekolah/Bangunan Skala 6, serta Surat Pengesahan JKR untuk Sekolah/Bangunan Skala 7. Hasil proses audit tersebut, sebanyak 60 cadangan projek sekolah dengan bangunan daif telah dikenal pasti untuk penggantian dan naik taraf.

47 projek pembinaan gantian dan naik taraf sekolah dengan bangunan daif yang merangkumi prasekolah, sekolah rendah dan menengah telah diluluskan oleh agensi pusat.

Kementerian terus komited dalam meningkatkan kecekapan sistem pendidikan melalui penyediaan infrastruktur asas di semua sekolah dan penaikan taraf sekolah yang mempunyai bangunan daif. Pada tahun 2022, perancangan secara komprehensif dan strategik dirangka bagi memenuhi keperluan murid berkeperluan pendidikan khas dengan infrastruktur asas yang lengkap seperti dapatan yang diperolehi, di samping menangani masalah sekolah yang mempunyai bangunan daif.







## 7.2 PEMBIAYAAN SAKSAMA BAGI BANTUAN PERSEKOLAHAN KPM

### PENGENALAN

Pengoptimuman perbelanjaan persekolahan merupakan salah satu inisiatif dalam PPPM untuk meningkatkan keberhasilan murid dan menjadikan pengurusan kewangan di sekolah lebih efisien.

Kadar pembiayaan bantuan persekolahan dan pelaksanaan autonomi dalam pengurusan kewangan sekolah yang melibatkan pindah peruntukan antara bantuan persekolahan umum KPM telah bermula sejak tahun 2020. Kertas cadangan berkaitan kadar pembiayaan bantuan persekolahan telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk mendapatkan kelulusan. Sebanyak 937 buah sekolah kohort pertama telah diberi autonomi pada tahun 2020 – 2022 dan proses pemantauan dan bimbingan dilaksanakan secara berkala pada setiap tahun.

Inisiatif Pembiayaan Saksama bagi Bantuan Persekolahan KPM bertujuan untuk:

- memanfaatkan peluang kecekapan dengan mengagihkan peruntukan mengikut keutamaan;
- mengoptimumkan peruntukan yang disalur untuk keberhasilan murid; dan
- kesaksamaan dalam pengagihan peruntukan bantuan persekolahan mengikut keperluan dan keadaan semasa.

Inisiatif ini juga bertanggungjawab untuk menyemak semula kadar pembiayaan bantuan persekolahan umum KPM bagi memastikan pengoptimuman perbelanjaan persekolahan untuk meningkatkan keberhasilan murid dan menjadikan pengurusan kewangan di sekolah lebih efisien.



### FOKUS 2021


1. Pemantauan dan penilaian terhadap pengurusan kewangan sekolah bagi memastikan pelaksanaan autonomi dipraktikkan dengan baik dan berkesan.
2. Bimbingan dan motivasi kepada sekolah kohort pertama dalam pengukuhan pelaksanaan autonomi di sekolah.
3. Penyediaan cadangan kaedah pembiayaan baharu bagi bantuan persekolahan untuk sekolah KPM.

## PENCAPAIAN 2021

### 1. Pemantauan dan Penilaian Sekolah yang Diberi Autonomi dalam Pengurusan Kewangan Bantuan Persekolahan Umum (BP Umum) KPM

- a) Dapatan soal selidik ke atas Pengetua/Guru Besar (PGB) dan Pembantu Tadbir Kewangan (PTKew) di 937 buah sekolah Kohort 1 mendapati bahawa lebih 95% daripada PGB dan PT Kew:
- memahami peranan dan tanggungjawab mereka dalam pelaksanaan pemberian autonomi dalam pengurusan kewangan sekolah bagi BP Umum KPM; dan
  - akur serta patuh dengan Tatacara Pengurusan Perakaunan Kumpulan Wang Sekolah dan surat pekeliling/ garis panduan kewangan yang sedang berkuat kuasa.

Tinjauan awal ke atas prestasi perbelanjaan sekolah yang telah diberi autonomi bagi menilai pengoptimuman perbelanjaan mendapati bahawa 359 daripada 782 sekolah tersebut berjaya mencapai perbelanjaan melebihi 50% seperti yang ditunjukkan dalam graf di bawah:



- b) Sebanyak 37 sekolah telah dikenal pasti untuk pemantauan lanjut secara atas talian yang bertujuan untuk mengetahui dan menyemak lebih mendalam perkara-perkara berikut :
- tahap pemahaman PGB dan PTKew terhadap semua peraturan/tatacara perakaunan yang sedang berkuat kuasa khususnya berkaitan proses pindah peruntukan yang dibenarkan di bawah autonomi;



- ii. pelaksanaan pindah peruntukan yang telah dilaksanakan dengan merujuk maklumat dan dokumen yang diberi oleh sekolah; dan
- iii. prestasi perbelanjaan sekolah tahun 2020 dan tahun 2021 dengan merujuk maklumat dan dokumen yang diberi oleh sekolah.

## 2. Penataran, Bimbingan dan Pemantapan Pemberian Autonomi dalam Pengurusan Kewangan BP Umum KPM

- a) IAB telah melaksanakan 8 Kursus Pengurusan Kewangan dan Akaun Sekolah (PKAS) di seluruh negara secara bimbingan atas talian ke atas 285 (30%) PGB daripada 937 sekolah. Kursus ini mengandungi 8 sub topik :
  - i. Pengurusan Bantuan Persekolahan
  - ii. Pengurusan Terimaan dan Pungutan
  - iii. Pengurusan Perolehan dan Bayaran
  - iv. Sistem Perakaunan Kumpulan Wang Sekolah (eSPKWS)
  - v. Pengurusan Aset Alih Kerajaan
  - vi. Pengurusan Stor Sekolah
  - vii. Pendidikan Kewangan
  - viii. Akauntabiliti dalam Pengurusan Kewangan

Penilaian PGB secara keseluruhan berada pada skor 90% ke atas yang menunjukkan peserta amat berpuas hati terhadap penyampaian pensyarah dan kandungan kursus PKAS.

Bil	Negeri	Pengetua	Guru Besar	Jumlah
1.	Johor	0	12	12
2.	Melaka	0	1	1
3.	Negeri Sembilan	0	17	17
4.	Selangor	4	11	15
5.	Kuala Lumpur	7	27	34
6.	Putrajaya	1	1	2
7.	Perak	11	61	72
8.	Pahang	2	3	5
9.	Terengganu	0	13	13
10.	Kelantan	2	16	18
11.	Kedah	3	20	23
12.	Sabah	5	35	40
13.	Sarawak	3	30	33
	JUMLAH	38	247	285

- b) Taklimat Peningkatan Kesediaan Sekolah Mengenai Pemberian Autonomi dalam Pengurusan Kewangan BP Umum KPM Peringkat Negeri
- Taklimat bertujuan memberi penjelasan kepada semua pihak yang terlibat tentang peranan mereka dalam menatarkan maklumat, membimbing dan memantapkan lagi pemahaman PGB.
  - Penataran peringkat negeri oleh JPN kepada sekolah telah dilaksanakan untuk memberi penjelasan kepada semua PGB yang terlibat tentang peranan mereka dalam autonomi pengurusan kewangan bantuan persekolahan umum.



### 3. Penyediaan Cadangan Kaedah Pembiayaan Baharu bagi Bantuan Persekolahan Umum KPM

- a) Enam (6) sesi libat urus telah dijalankan untuk mendapatkan maklum balas mengenai formula dan kaedah pembiayaan baharu bagi Bantuan Persekolahan Umum yang melibatkan PGB



Secara Bersemuka		Secara Dalam Talian	
JPN	Tarikh	JPN	Tarikh
JPN Selangor	6/4/2021	JPN Kedah	22/4/2021
JPWP Putrajaya	12/4/2021	JPN Sabah/ JPWP Labuan	4/5/2021
JPN Melaka	28/4/2021	JPN Sarawak	6/5/2021





JPN Selangor (6/4/2021)



JPN Sarawak (6/5/2021)

- b) Kertas Cadangan Kaedah Pembiayaan Baharu bagi BP Umum untuk Sekolah bawah KPM telah dipersetujui oleh Pengurusan Tertinggi KPM dalam Mesyuarat Pengurusan Tertinggi KPM Bil. 22/2021 pada 15 Disember 2021.

## MELANGKAH KE HADAPAN

Dengan kadar perbelanjaan yang semakin meningkat mengikut keadaan semasa, Kementerian proaktif dalam memastikan kadar peruntukan sekolah seiring dengan kadar perbelanjaan semasa, di samping memastikan setiap ringgit dan sen dibelanjakan dengan efisien. Untuk memastikan aspirasi ini dapat dicapai, pada tahun 2022, fokus akan diberikan kepada:

### 1. Kadar Baharu Pembiayaan Bantuan Persekolahan

Kementerian telah menyediakan cadangan kadar baharu pembiayaan BP dan akan memohon kelulusan kadar tersebut daripada Kementerian Kewangan.


### 2. Pelaksanaan Autonomi Sekolah

Bagi pemberian autonomi sekolah pula, Kementerian akan melakukan penambahbaikan terhadap Garis Panduan Pengurusan Kewangan BP Umum yang baharu, dan Sistem Perakaunan Kumpulan Wang Sekolah (eSPKWS) dan eBantuan. Selain itu, pihak Kementerian juga melalui inisiatif ini akan meningkatkan kesediaan sekolah dengan pemahaman terhadap Garis Panduan Pengurusan Kewangan BP Umum yang baharu supaya akhirnya pelaksanaan dan peluasan autonomi kepada lebih banyak sekolah dapat direalisasikan.



# GLOSARI

.....



## GLOSARI

<b>4IR</b>	<i>Fourth Industrial Revolution</i>	<b>D4N</b>	Dasar Revolusi Perindustrian Keempat Negara
<b>ADE</b>	<i>Apple Distinguished Educator</i>	<b>DBP</b>	Dewan Bahasa dan Pustaka
<b>ADS</b>	<i>Apple Distinguished School</i>	<b>DCTP</b>	<i>DELIMa Certified Teacher Program</i>
<b>APDM</b>	Aplikasi Pengkalan Data Murid	<b>DELIMa</b>	<i>Digital Educational Learning Initiative Malaysia</i>
<b>APLS</b>	<i>Apple Professional Learning Specialist</i>	<b>DLP</b>	Program Dwi-bahasa
<b>APLP</b>	<i>Apple Professional Learning Provider</i>	<b>DPD</b>	Dasar Pendidikan Negara
<b>ASP</b>	Akademi Sains Pendang	<b>DPN</b>	Dasar Perpaduan Negara
<b>B40</b>	Golongan Isirumah Berpendapatan 40% Terendah	<b>DPN</b>	Dialog Prestasi Nasional
<b>BBM</b>	Bahan Bantu Mengajar	<b>DSKP</b>	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
<b>BDR</b>	Bekerja Dari Rumah	<b>DTP</b>	<i>District Transformation Program</i>
<b>BI</b>	Bahasa Inggeris	<b>ELTC</b>	<i>English Language Teaching Centre</i>
<b>BM</b>	Bahasa Melayu	<b>ETF</b>	<i>Education Transformation Framework</i>
<b>BM</b>	Bahagian Matrikulasi	<b>eP@CPD</b>	ePembelajaran Pembangunan Profesionalisme Berterusan
<b>BPK</b>	Bahagian Pembangunan Kurikulum	<b>eSPKWS</b>	Sistem Perakaunan Kumpulan Wang Sekolah
<b>BPLTV</b>	Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional	<b>ETL</b>	<i>Extract, Transform And Load</i>
<b>BPPM</b>	Buku Perangkaan Pendidikan Malaysia	<b>GC</b>	<i>Google Classroom</i>
<b>BSKK</b>	Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian	<b>GFE</b>	<i>G-Suite for Education</i>
<b>BSTP</b>	Bahagian Sumber Teknologi Pendidikan	<b>GKMP</b>	Guru Kanan Mata Pelajaran
<b>CEFR</b>	<i>Common European Framework of Reference for Languages</i>	<b>GLC</b>	<i>Government-Linked Companies</i>
<b>CDJ</b>	Cikgu Juara Digital	<b>GLIC</b>	<i>Government-Linked Investment Companies</i>
<b>CSR</b>	Tanggungjawab Sosial Korporat	<b>GPD</b>	Gred Purata Daerah

<b>GPDG</b>	Guru Peneraju Generasi Digital	<b>KKM</b>	Kementerian Kesihatan Malaysia
<b>HIP</b>	Program Imersif Tinggi	<b>KOMSAS</b>	Komponen Sastra dalam Bahasa Melayu
<b>IAB</b>	Institut Aminuddin Baki	<b>KONBAYU</b>	Konvensyen Bahasa Melayu
<b>IBM</b>	<i>International Business Machines</i>	<b>KPM</b>	Kementerian Pendidikan Malaysia
<b>ICSTEM</b>	Persidangan Antarabangsa Pendidikan STEM	<b>KPI</b>	<i>Key Performance Indicators</i>
<b>ICT</b>	Teknologi Maklumat dan Komunikasi	<b>KSBM</b>	Kerangka Standard Bahasa Melayu
<b>ICU JPM</b>	Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri	<b>KSSM</b>	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
<b>iKPSI</b>	Inventori Kesejahteraan Psikologi	<b>KSSR</b>	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
<b>IPGM</b>	Institut Pendidikan Guru Malaysia	<b>KTE</b>	Kolej Tingkatan Enam
<b>ISM</b>	Indeks STEM Murid	<b>KV</b>	Kolej Vokasional
<b>ISTIC</b>	<i>International Science, Technology &amp; Innovation Centre</i>	<b>LCML</b>	Program Kepimpinan Pemimpin Pertengahan <i>Leadership Course For Middle Leaders</i>
<b>ITP</b>	Pelan Transformasi ICT <i>ICT Transformation Plan</i>	<b>MBPK</b>	Murid Berkeperluan Pendidikan Khas
<b>IQ</b>	<i>Intelligence Quotient</i>	<b>MDEC</b>	<i>Malaysia Digital Economy Corporation</i>
<b>JERI</b>	Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek	<b>MIA</b>	<i>Missing in Action</i>
<b>JKR</b>	Jabatan Kerja Raya	<b>MIE</b>	<i>Microsoft Innovative Educator</i>
<b>JPN</b>	Jabatan Pendidikan Negeri	<b>MOSTI</b>	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
<b>JPWKL</b>	Jabatan Pendidikan Wilayah Kuala Lumpur	<b>MPV</b>	Mata Pelajaran Vokasional
<b>JU</b>	Jurulatih Utama	<b>MS</b>	<i>Microsoft</i>
<b>KBAT</b>	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	<b>MyDIGITAL</b>	Ekonomi Digital Malaysia
<b>KIK</b>	Kumpulan Inovatif dan Kreatif	<b>NGO</b>	Agensi Bukan Kerajaan




## GLOSARI

<b>NPQEL</b>	Kelayakan Profesionalisme Pemimpin Pendidikan Kebangsaan <i>National Professional Qualification For Educational Leaders</i>	<b>PISA</b>	<i>Programme for International Students Assessment</i>
<b>OECD</b>	Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi	<b>PISMP</b>	Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan
<b>OKU</b>	Orang Kurang Upaya	<b>PISP</b>	Program Ijazah Sarjana Perguruan
<b>PADU</b>	Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan	<b>PKAS</b>	Pengurusan Kewangan dan Akaun Sekolah
<b>PASTEM</b>	Pusat Asasi STEM	<b>PKL</b>	Pentaksiran Kompetensi dan Literasi
<b>PBD</b>	Pentaksiran Bilik Darjah	<b>PKP</b>	Perintah Kawalan Pergerakan
<b>PCIP</b>	Pemimpin Cemerlang Institusi Pendidikan	<b>PKPPD</b>	Penarafan Kecemerlangan Pejabat Pendidikan Daerah
<b>PdP</b>	Pengajaran dan Pembelajaran	<b>PLaN</b>	Program Literasi dan Numerasi Sekolah Rendah
<b>PdPc</b>	Pembelajaran dan Pemudahcaraan	<b>PLC</b>	Komuniti Pembelajaran Profesional <i>Professional Learning Community</i>
<b>PDPM</b>	Program Diploma Perguruan Malaysia	<b>PLC-C</b>	<i>Professional Learning Community - Centre</i>
<b>PdPR</b>	Pembelajaran dan Pengajaran di Rumah	<b>PPB</b>	Pembangunan Profesional Berterusan
<b>PEERS</b>	Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial	<b>PPB</b>	Pembangunan Profesionalisme Berterusan
<b>PEKEK</b>	Permulaan, Kemuncak dan Kesudahan	<b>PPD</b>	Pejabat Pendidikan Daerah
<b>PGB</b>	Pengetua dan Guru Besar	<b>PPI</b>	Program Pendidikan Inklusif
<b>PGK</b>	Purata Garis Kemiskinan	<b>PPKBIS</b>	Program Peningkatan Kemahiran Bahasa Inggeris di Sekolah
<b>PGPN</b>	Pusat Genius Pintar Negara	<b>PPKI</b>	Program Pendidikan Khas Integrasi
<b>PIBG</b>	Pelibatan Ibu Bapa dan Guru	<b>PPP</b>	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
<b>PIBKS</b>	Pelibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Swasta		
<b>PIMA</b>	Perantisan Industri Menengah Atas		

<b>PPPC</b>	Program Pendidikan Pintar Cerdas	<b>SJK</b>	Sekolah Jenis Kebangsaan
<b>PPPM</b>	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia	<b>SK</b>	Sekolah Kebangsaan
<b>PRISMA</b>	Program Intervensi Minda Sejahtera Murid	<b>SKJPN</b>	Standard Kecemerlangan Jabatan Pendidikan Negeri
<b>Pro-ELT</b>	<i>Professional Up-skilling of English Language Teachers</i>	<b>SKPK</b>	Standard Kompetensi Pendidikan Khas
<b>ProPeKS</b>	Program Pelonjakan Kepimpinan Sekolah	<b>SKPMg2</b>	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2
<b>PSDM</b>	Pembangunan Sahsiah Diri Murid	<b>SKUM</b>	Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia
<b>PSMC</b>	Program Sifar Murid Cicir	<b>SLDN</b>	Sistem Latihan Dual Nasional
<b>PSTEMN</b>	Pusat STEM Negara	<b>SMPKV</b>	Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional
<b>PTK</b>	Program Transisi ke Kerjaya	<b>SOCFA</b>	<i>Second-order CFA</i>
<b>PTPK</b>	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran	<b>SOP</b>	Prosedur Operasi Standard
<b>PVMA</b>	Program Vokasional Menengah Atas	<b>SPLKPM</b>	Sistem Pengurusan Latihan KPM
<b>RBT</b>	Reka Bentuk dan Teknologi	<b>SPM</b>	Sijil Pelajaran Malaysia
<b>RM</b>	Ringgit Malaysia	<b>SSRS</b>	<i>Sql Server Reporting Services</i>
<b>RMK-12</b>	Rancangan Malaysia ke-12	<b>STEM</b>	Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik
<b>RMLT</b>	Rancangan Malaysia Lima Tahun	<b>TMK</b>	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
<b>SBDT</b>	Sekolah Bermasalah Disiplin Tinggi	<b>TIMSS</b>	<i>Trends in International Mathematics and Science Study</i>
<b>SDG4</b>	Matlamat Pembangunan Mampan 4	<b>ToT</b>	<i>Training of Trainers</i>
<b>SDK</b>	Sektor Dasar dan Kurikulum	<b>TP3</b>	Tahap Penguasaan 3
<b>SES</b>	Status Sosioekonomi	<b>TVET</b>	Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional <i>Technical and Vocational Education and Training</i>
<b>SISC+</b>	<i>School Improvement Specialist Coaches Plus</i>		

## GLOSARI

<b>UKM</b>	Universiti Kebangsaan Malaysia
<b>UMT</b>	Universiti Terengganu Malaysia
<b>UTM</b>	Universiti Teknologi Malaysia
<b>UUM</b>	Universiti Utara Malaysia
<b>UNESCO</b>	<i>The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>
<b>UNICEF</b>	<i>United Nations International Children's Emergency Fund</i>
<b>UPSI</b>	Universiti Perguruan Sultan Idris Shah
<b>UPSR</b>	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
<b>WKB 2030</b>	Wawasan Kemakmuran Bersama 2030



Kementerian Pendidikan Malaysia  
Blok E8, Kompleks E, Presint 1,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62604, PUTRAJAYA, MALAYSIA

[www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)